



2016

MALAYSIA : Laporan Prestasi Pelaburan

Memperkuatkan Momentum Pertumbuhan



KANDUNGAN

Memperkuatkan Momentum Pertumbuhan

SERANGKAP KATA DARIPADA MIDA

Gambaran Keseluruhan Ekonomi Global dan Pertumbuhan Pelaburan	9
Senario Pelaburan Global	10
Gambaran Keseluruhan Prestasi Pelaburan Di Malaysia Bagi Tahun 2016	12

PELABURAN DALAM SEKTOR UTAMA

PRESTASI DALAM SEKTOR PERKILANGAN	15
Gambaran Keseluruhan Projek Diluluskan		15
Projek Berintensif Modal		15
Projek Diluluskan Mengikut Industri		15
Projek Berorientasikan Ekspor		16
Peluang Pekerjaan		16
Projek Diluluskan Berdasarkan Pemilikan		16
Projek Diluluskan Mengikut Lokasi		18
Projek Perkilangan Yang Dilaksanakan		18
PRESTASI MENGIKUT INDUSTRI	20
Elektrik dan Produk Eletronik		20
Peralatan Pengangkutan		23
Aeroangkasa		24
Pembinaan dan Pembalakan Kapal		25
Industri Rel		26
Jentera dan Peralatan		26
Industri Fabrikasi Logam & Sokongan Kejuruteraan		30
Produk Logam Asas		34
Tekstil Dan Produk Tekstil		36
Produk Mineral Bukan Logam		38
Peralatan Perubatan		39
Farmaseutikal		41
Bioteknologi		44
Pertanian dan Pemprosesan Makanan		45
Produk Minyak Sawit		47
Biojism Sawit		48
Produk Petroleum (termasuk Produk Petrokimia)		48
Kimia dan Produk Kimia		50
Industri Plastik		50

Oleokimia	51
Produk Getah	51
Kayu dan Produk Kayu	52
Kertas, Percetakan dan Penerbitan	52
PRESTASI SEKTOR PERKHIDMATAN	54
Gambaran Keseluruhan	54
Jejak Operasi Global di Malaysia	54
Trend untuk Dilihat	55
Prestasi Mengikut Industri: Pertumbuhan Global Diluluskan	55
Pusat Pengurusan Perbendaharaan (TMC)	59
Perkhidmatan Sokongan	59
Teknologi Hijau	61
Tenaga Boleh Diperbaharui	62
Kecekapan Tenaga/Penjimat Tenaga	63
Perniagaan dan Perkhidmatan Profesional	64
Huluan Minyak dan Gas	67
Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan	68
Perkhidmatan Pendidikan	69
Pelancongan (termasuk Hotel)	70
Syarikat Berstatus MSC	70
Hartanah (Perumahan)	70
Pengangkutan	70
Telekomunikasi	71
Utiliti	71
Perkhidmatan Kewangan	72
Perdagangan Pengedaran	72
PELABURAN DALAM SEKTOR UTAMA	73
Prestasi Subsektor Utama	73
Pertanian	73
Perlombongan	73
Perlادangan dan Komoditi	73
KOLABORASI KE ARAH PENARIKAN PELABURAN BERKUALITI	
KORIDOR-KORIDOR WILAYAH	75
Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)	75
Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA)	77
Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA)	79
Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE)	82
Pihak Berkuasa Pembangunan dan Pelaburan Ekonomi Sabah (SEDIA)	83

AGENSI PELABURAN LAIN	86
Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC)		86
InvestKL		88
Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC)		90
Perbadanan Bioekonomi		91
Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp)		92
CREST		95
 MASA DEPAN PELABURAN DI MALAYSIA		
PERKILANGAN PINTAR	99
Kemudahan Dan Peluang		100
- FTA/Geran/Insentif/Bakat		
Industri Automasi / Transformasi Intensif Buruh		103
 TINJAUAN PELABURAN		
EKONOMI MALAYSIA BERDAYA TAHAN	104
Aliran Pelaburan Global		105
Produktiviti dan Daya Saing		106
 PELABURAN BERJAYA		
LAMPIRAN	122



LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA



1

“SERANGKAP KATA
DARIPADA MIDA”

GAMBARAN KESELURUHAN EKONOMI GLOBAL DAN PERTUMBUHAN PELABURAN

Pelbagai cabaran ekonomi yang serius telah menyebabkan pertumbuhan ekonomi global kekal perlahan pada unjuran sebanyak 3.1 peratus pada tahun 2016. Harga minyak rendah yang berpanjangan, ketidaktentuan disebabkan oleh Brexit, perubahan dalam dasar ekonomi dan perdagangan yang akan digunakan oleh Presiden baharu Amerika Syarikat (AS), harga komoditi yang rendah serta bencana alam yang berulang adalah di antara isu yang memberi impak kepada pembangunan ekonomi global.

Pemulihan global yang sederhana sebanyak 3.4 peratus diunjurkan bagi tahun 2017. Sebagai peringatan, peningkatan dalam senario ekonomi global adalah lebih kepada kestabilan ekonomi berbanding kebangkitan ekonomi.

Menurut *UN World Economic Situation and Prospects* (WESP) 2017, negara-negara membangun akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan global, menyumbang sebanyak 60 peratus daripada pertumbuhan keluaran kasar dunia bagi tahun 2016-2018. Asia Timur dan Asia Selatan akan kekal sebagai rantau paling dinamik di dunia, hasil daripada permintaan domestik yang kukuh dan dasar makroekonomi yang membantu.

Pasaran-pasaran baru muncul dan ekonomi membangun dijangka mengimbangi sebahagian daripada pertumbuhan negara ekonomi maju yang perlakan. Usaha imbalan semula China ke arah pertumbuhan yang lebih mampan dalam sektor perkhidmatan dan penggunaan domestik dijangka akan menjadi pemacu utama dengan jangkaan pertumbuhan sebanyak 6.2 peratus. Sementara itu, India dijangka akan mengekalkan momentum

pertumbuhannya sebanyak 7.6 peratus dengan peningkatan perbelanjaan swasta selain daripada pertumbuhan kukuh dalam sektor perkhidmatan dan pertanian. Di samping itu, kebanyakan anggota *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN) dijangka mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi disebabkan oleh pelaburan dalam infrastruktur dan kadar penggunaan yang lebih tinggi.

Walau bagaimanapun, keadaan tidak menentu yang timbul disebabkan oleh cabaran persekitaran dan situasi selain daripada ketidaktentuan dasar mungkin mengekang ekonomi global. Isu-isu yang timbul pada tahun 2016 seperti Brexit, pilihan raya presiden AS, harga minyak rendah yang berterusan, harga komoditi rendah, tekanan mata wang dan ketegangan geopolitik mungkin akan berterusan pada tahun 2017. Ketidaktentuan politik yang terhasil daripada referendum pasca Brexit dan dasar pentadbiran Trump yang masih belum diketahui.



Pelaburan Berkualiti di Malaysia

Ekonomi Malaysia dijangka akan terus berkembang walaupun persekitaran luaran mencabar. Sebagai sebuah ekonomi terbuka, Malaysia tidak imun dari ketidaktentuan luaran, walau bagaimanapun pembaharuan ekonomi dan kewangan serta dasar-dasar sedikit sebanyak menampung impak luaran yang mencabar.

Asas ekonomi negara kekal kukuh dengan pasaran buruh yang stabil, inflasi yang terkawal, rizab antarabangsa yang kuat dan sistem kewangan mantap untuk menyokong momentum berterusan dalam pertumbuhan ekonomi.

Malaysia terus menggunakan pendekatan yang lebih fokus dan khusus dalam menarik pelaburan berkualiti dalam teknologi tinggi, industri modal intensif dan berintensifkan pengetahuan; industri bernilai tambah tinggi; aktiviti R&D selain dari bidang pertumbuhan baru, seiring dengan usaha Kerajaan untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

Dalam hal ini, MIDA akan memberikan tumpuan untuk memanfaatkan pembangunan *megatrend* dan perkilangan pintar terhadap produk-produk sasaran dengan kemajuan teknologi dan aplikasi produk baru serta memberi tumpuan kepada aktiviti R&D bernilai tinggi dan *Internet of Things* (IoT). Usaha-usaha ini adalah untuk menggalakkan pelabur dan pengilang asing dan tempatan untuk mengubah landskap perkilangan Malaysia dan meningkatkan rantai nilai dengan pelaburan berkualiti

yang menggabungkan inovasi berteknologi tinggi.

Dengan persaingan dari negara-negara jiran yang mempunyai populasi yang lebih besar, Malaysia tidak mampu untuk bergantung sepenuhnya kepada kos tenaga kerja yang rendah tetapi perlu lebih maju ke hadapan dengan pelaburan berkualiti dalam perkilangan pintar. Selaras dengan Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11), MIDA akan fokus kepada menggalakkan produk khusus dan lebih kompleks bagi sektor perkilangan. Inisiatif strategik ini telah mengenalpasti tiga subsektor pemangkin iaitu E&E, Jentera dan Peralatan dan Bahan Kimia selain dari dua subsektor pertumbuhan iaitu Aeroangkasa dan Peralatan Perubatan. Subsektor pemangkin dan pertumbuhan '3+2' ini juga telah dikenalpasti untuk meningkatkan aktiviti eksport syarikat-syarikat perkilangan tempatan.

Bagi sektor perkhidmatan, tumpuan akan diberikan dalam bidang Hab Prinsipal, Logistik,


ekosistem e-dagang, Teknologi Hijau dan Tenaga Boleh Diperbaharui selain daripada Pengurusan Sisa. Pelaburan yang mampan bergantung kepada kumpulan bakat yang pelbagai, ekonomi berdasarkan pengetahuan, perlindungan pelabur yang kukuh, industri huluan dan hiliran yang saling berkait dengan erat dan faktor-faktor lain yang merupakan pelopor kepada kelebihan saing.

Dengan kelebihan-kelebihan unik ini, Malaysia berada di laluan yang betul untuk mewujudkan landskap perniagaan yang kondusif. Landskap pelaburan yang kondusif ini adalah pendorong utama bagi pelabur untuk terus melabur di Malaysia.

SENARIO PELABURAN GLOBAL

United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD) meramalkan aliran FDI global akan meningkat pada tahun 2017, mencapai 3.4 peratus berbanding pasca krisis terendah sebanyak 3.1

Rajah 1: Aliran masuk FDI: global dan kumpulan ekonomi, 2005-2016 (Bilion US dollar)



peratus pada tahun 2016. Peningkatan ini dijangka dipacu oleh peningkatan dalam pertumbuhan di negara-negara maju; kebangkitan semula ekonomi-ekonomi membangun yang didorong oleh peningkatan mendadak dalam pertumbuhan negara-negara pengeksport sumber asli; dan aktiviti ekonomi yang lebih besar yang akan membantu meningkatkan jumlah perdagangan dunia, yang diramal berkembang sebanyak 3.8 peratus bagi tahun 2017.


Global Investment Trends Monitor Issue No. 25 oleh UNCTAD mengumumkan aliran pelaburan langsung asing (FDI) global merosot sebanyak 13 peratus kepada kira-kira US\$1.52 trillion pada tahun 2016. Sebahagian dari kejatuhan dalam FDI adalah disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi global yang perlakan. Penurunan ini tidak sama rata di seluruh rantau, menunjukkan impak yang berbeza dalam persekitaran ekonomi semasa di negara-negara seluruh dunia.

Ekonomi membangun menyaksikan penurunan aliran masuk FDI sebanyak 20 peratus kepada kira-kira US\$600 bilion pada tahun 2016, berikutan pertumbuhan ekonomi yang perlakan dan mengambil kira kejatuhan harga komoditi. Negara-negara Asia membangun dengan aliran masuk FDI merosot sebanyak 22 peratus kepada kira-kira US\$413 bilion, ke seluruh rantau dengan setiap sub-rantau mengalami penurunan dua digit. Aliran ke Afrika dan Amerika Latin serta Caribbean adalah tidak menentu. Walau bagaimanapun, ekonomi membangun terus menyumbang kepada separuh

dari 10 hos ekonomi teratas bagi aliran FDI. Sebaliknya, pelaburan asing di Republik Rakyat China kukuh dengan peningkatan sebanyak 2.3 peratus kepada rekod baru kira-kira US\$139 bilion. Sementara itu, UNCTAD mengunjurkan aliran masuk FDI mempunyai potensi untuk pemulihan bagi tahun 2017.

dengan penurunan sebanyak 9 peratus kepada kira-kira US\$872 bilion disebabkan oleh beberapa negara mengalami ketidakstabilan dalam aliran masuk mereka. Penurunan ini dipengaruhi oleh pertumbuhan sederhana dalam aliran ke Amerika Utara (6 peratus) dan peningkatan yang besar dalam pelaburan dalam ekonomi maju

Rajah 2: Anggaran aliran masuk FDI: 10 hos ekonomi teratas, 2016 (Bilion US dollar)



Sumber: ©UNCTAD.

Nota: Anggaran FDI dalam Trends Monitor adalah berdasarkan kepada data sukuan FPI yang diperoleh dari (lanjutan) prinsip berhaluan; walaupun terdapat beberapa negara yang mana data aset / liabiliti digunakan untuk anggaran.

Aliran FDI ke Amerika Latin dan Caribbean menurun bagi tahun 2016 kepada US\$135 bilion. Permintaan domestik yang perlakan dan keadaan perdagangan yang semakin teruk disebabkan oleh harga komoditi yang rendah menjelaskan FDI terutamanya di Amerika Selatan. Walaupun prestasi ekonomi Amerika Tengah lebih kukuh, aliran tersebut juga merosot disebabkan oleh pengurangan 20 peratus di Mexico dari US\$33 bilion kepada US\$26 bilion.

Penurunan mendadak sebanyak 29 peratus dalam aliran masuk dilaporkan di Eropah kepada kira-kira US\$385 bilion pada tahun 2016. Terdapat penurunan dalam aliran FDI dalam ekonomi maju

lain, terutamanya disebabkan oleh pemulihan pelaburan Australia dan Jepun. Aliran masuk FDI ke Amerika Syarikat meningkat sebanyak 11 peratus dari US\$248 bilion kepada kira-kira US\$385 bilion, disebabkan oleh aliran masuk pelaburan ekuiti yang kukuh seperti M&A rentas sempadan dalam negara meningkat 17 peratus dalam nilai – disebabkan oleh beberapa perjanjian mega.

Dari segi kedudukan negara, Amerika Syarikat (AS) merupakan penerima terbesar aliran masuk FDI (US\$385 bilion) bagi tahun 2016, diikuti oleh United Kingdom (US\$179 bilion), Republik Rakyat China (US\$139 bilion) Hong Kong (US\$92 bilion) dan Singapura (US\$50 bilion).

GAMBARAN KESELURUHAN PRESTASI PELABURAN DI MALAYSIA BAGI TAHUN 2016

Menurut *Global Competitiveness Report 2015/2016* yang dikeluarkan oleh *World Economic Forum* (WEF), Malaysia mengukuhkan kedudukannya di antara 25 ekonomi berdaya saing terbaik dunia dengan kedudukan 25 dari 138 negara.

Walaupun jatuh tujuh anak tangga dari kedudukan ke-18 pada tahun 2015, Malaysia terus menduduki kedudukan tertinggi di kalangan negara Asia membangun, sokongan secara berterusan untuk memajukan negara dalam meningkatkan kecekapan dan daya saing melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Malaysia berada di kedudukan ke-22 dalam *World Bank's Ease of Doing Business Report for 2016*. Walaupun jatuh empat anak tangga dari kedudukan ke-18 berbanding tahun sebelumnya, Malaysia masih lagi berada di hadapan Netherlands, Jepun dan Thailand. Kejatuhan dalam kedudukan tersebut terutamanya disebabkan oleh peraturan baru yang memerlukan syarikat dengan keuntungan melebihi RM500,000 untuk mendaftar sebagai pembayar Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Namun begitu, Malaysia memperolehi skor penuh dalam perincian indeks maklumat kredit. Dua pembaharuan yang menyumbang kepada skor ini – pengukuhan laporan kredit dengan menyediakan skor kredit pengguna dan

memudahkan cara pembayaran cukai dengan memperkenalkan sistem dalam talian bagi mengisi pulangan cukai dan membayar GST.

Seperti dinyatakan di atas, FDI bagi negara-negara Asia jatuh mendadak manakala angka di Republik Rakyat China (PRC) menyaksikan peningkatan sebanyak 2.3 peratus. Menurut laporan tersebut, PRC menjadi lebih menarik bagi industri perkhidmatan, terutamanya perkhidmatan dengan nilai tambah tinggi dan industri perkilangan berteknologi tinggi. UNCTAD meramalkan pertumbuhan ekonomi PRC akan berterusan untuk mencatatkan aras tinggi dengan penambahbaikan struktur dan peningkatan pelaburan asing berdasarkan pasaran serta ekonomi kedua terbesar di dunia akan membuka lebih banyak bidang untuk menarik pelaburan asing.

Aktiviti M&A rentas sempadan kekal tinggi pada tahun 2016, mencapai ketinggian pasca-2007 yang baru, tetapi menunjukkan tanda-tanda kelembapan dalam tahun 2016. Peningkatan 13 peratus dalam nilai jualan bersih, meningkat kepada US\$831 bilion, merosot apabila dibandingkan kepada peningkatan 67 peratus dan 68 peratus dicatatkan pada tahun 2014 dan 2015.

Bagi Malaysia, ia kekal sebagai destinasi yang menarik dan kompetitif bagi entiti luar dan syarikat multinasional untuk melabur dan mengembangkan kapasiti produktif mereka walaupun terdapat ketidaktentuan yang besar dalam ekonomi global. Dari segi liabiliti, pelaburan masuk

langsung berjumlah US\$3.1 bilion aliran masuk bersih pada S4 2016. Daripada ini, Pelaburan Langsung Asing (FDI) meningkat kepada US\$2.4 bilion pada S4 2016 (S3 2016: aliran masuk bersih US\$1.5 bilion), disebabkan oleh suntikan modal ekuiti yang lebih tinggi dan lanjutan pinjaman oleh syarikat induk kepada anak-anak syarikat mereka di Malaysia. Aliran masuk FDI sebahagian besarnya disalurkan ke dalam sektor perkilangan, khususnya dalam industri E&E dan petrokimia. Ini diikuti oleh pelaburan dalam sektor perkhidmatan, terutamanya dalam kewangan dan insurans selain dari subsektor dagangan borong dan runcit.

Dari segi aset, pelaburan langsung keluar berjumlah US\$1.8 bilion pengeluaran bersih dalam S4 2016 (S3 2016: aliran keluar US\$2.5 bilion). Dari jumlah ini, Pelaburan Langsung Luar Negara (DIA) oleh syarikat-syarikat Malaysia meningkat kepada US\$ 1.1 bilion (S3 2016: jumlah pengeluaran US\$0.8 bilion), terutamanya disebabkan oleh pelaburan semula pendapatan yang tinggi dan suntikan modal ekuiti yang berterusan kepada anak-anak syarikat di luar negara. Sebahagian besar DIA telah dilaksanakan oleh syarikat-syarikat dalam sektor perlombongan diikuti oleh sektor perkhidmatan, terutamanya dalam telekomunikasi dan subsektor dagangan borong dan runcit.

Fokus terhadap Pelaburan Berkualiti

Pada tahun 2016, Malaysia berjaya menarik pelaburan berjumlah RM207.9 bilion dengan kebanyakannya projek berkualiti tinggi walaupun berdepan dengan cabaran ketidaktentuan luaran.

Dari kesemua pelaburan yang diluluskan pada 2016, RM148.9 bilion atau 71.6 peratus disumbangkan oleh Pelaburan Domestik Langsung (DDI) manakala kira-kira RM59 bilion atau 28.4 peratus hasil daripada Pelaburan Langsung Asing (FDI). Sektor utama bagi ekonomi masih mengekalkan daya tarikan kuat mereka bagi pelaburan tahun 2016. Sektor perkhidmatan Malaysia kekal sebagai tarikan utama bagi pelaburan. Pada 2016, ia menarik sejumlah 4,199 projek diluluskan dengan


pelaburan bernilai RM141.2 bilion atau 67.9 peratus dari jumlah keseluruhan. Dari keseluruhan pelaburan dalam sektor perkhidmatan, DDI mencatatkan sebanyak RM112.9 bilion manakala FDI berjumlah RM28.3 bilion. Sektor perkilangan menarik pelaburan bernilai RM58.5 bilion atau 28.1 peratus. Kira-kira RM27.4 bilion atau 46.8 peratus dari keseluruhan pelaburan Malaysia datang dari sumber asing manakala baki RM31.1 bilion atau 53.2 peratus datang dari sumber domestik.

Disebalik kelembapan global, Malaysia terus menarik jumlah pelaburan baru yang besar dalam perkilangan. Pada 2016, pelaburan dalam projek baru berjumlah RM27.7 bilion dari 340 projek. Ini terdiri daripada 47.4 peratus dari keseluruhan pelaburan yang diluluskan,

yang mana RM10.3 bilion atau 37.2 peratus datang dari sumber asing manakala RM17.4 bilion atau 62.8 peratus datang dari pelaburan domestik.

Sektor utama menyumbang kepada RM8.2 bilion dari pelaburan yang diluluskan pada tahun 2016. Pelaburan asing dalam sektor utama bernilai RM3.3 bilion atau 40.2 peratus, manakala pelaburan domestik menyumbang sebanyak RM4.9 bilion atau 59.8 peratus.

Pelaburan swasta yang direalisasikan diukur dari segi Formasi Modal Tetap Kasar (GFCF) berjumlah RM211.5 bilion pada tahun 2016, yang mana 6.4 peratus lebih tinggi dari RM198.8 bilion yang direkodkan pada tempoh yang sama bagi tahun 2015.





**2 “PELABURAN DALAM
SEKTOR UTAMA”**

PRESTASI DALAM SEKTOR PERKILANGAN

GAMBARAN KESELURUHAN PROJEK DILULUSKAN

Sektor perkilangan mengalami transformasi yang drastik semasa tahun di bawah tinjauan dengan penggunaan barang perkilangan yang terus melonjak dalam pasaran baru muncul turut menjadi semakin canggih. Perubahan teknologi yang menerapkan inisiatif seperti robotik termaju, pendigitalan kilang berskala besar dan percetakan 3-D bersama dengan pelbagai inovasi tenaga kian meningkat.

Sebanyak 733 projek perkilangan dengan pelaburan bernilai RM58.5 bilion telah diluluskan pada 2016 berbanding 680 projek perkilangan dengan pelaburan bernilai RM74.7 bilion pada 2015. Di samping risiko dan ketidaktentuan global, pelabur masih meyakini Malaysia sebagai destinasi pelaburan asing berdaya maju. Pelaburan asing pada 2016 berjumlah RM27.4 bilion dan menyumbang 46.8 peratus daripada jumlah pelaburan diluluskan bagi tahun itu. Baki sebanyak RM31.1 bilion datang dari pelaburan domestik.

Meskipun terdapat kelembapan global yang ketara, Malaysia masih menarik sejumlah besar pelaburan baharu. Pelaburan dalam projek-projek baharu pada 2016 berjumlah sehingga RM27.7 bilion (340 projek), merangkumi 47.4 peratus daripada jumlah pelaburan diluluskan. Daripada jumlah ini, RM10.3 bilion atau 37.2

peratus datang dari sumber asing manakala RM17.4 bilion atau 62.8 peratus adalah dalam bentuk pelaburan domestik.

Syarikat sedia ada di Malaysia terus berkembang dan mempelbagaikan operasi mereka, menggambarkan keyakinan tanpa batasan mereka dalam persekitaran pelaburan negara. Sebanyak 393 projek dengan pelaburan berjumlah sehingga RM30.8 bilion untuk pembesaran dan pelbagai diluluskan pada 2016, menyumbang 52.6 peratus dalam jumlah pelaburan diluluskan. Daripada jumlah ini, RM17.1 bilion atau 55.5 peratus datang dari sumber asing manakala RM13.7 bilion atau 44.5 peratus merupakan pelaburan domestik.

RM1 bilion atau lebih telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM27.5 bilion. Projek-projek ini menyumbang sebanyak 47 peratus daripada jumlah pelaburan diluluskan. Sepuluh projek ini kebanyakannya produk petroleum termasuk petrokimia (3 projek/RM14.1 bilion), produk logam asas (2 projek/RM4.2 bilion), gas asli (1 projek/RM3.7 bilion), elektrik dan produk elektronik (1 projek/RM2.0 bilion), perkilangan makanan (1 projek/RM1.3 bilion), peralatan pengangkutan (1 projek/RM1.2 bilion) dan produk galian bukan logam (1 projek/RM1.1 bilion). Sebagai perbandingan, hanya enam projek yang mencatat pelaburan sekurang-kurangnya RM1 bilion atau lebih bagi setiap projek pada 2015 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM46 bilion.

PROJEK BERINTENSIF MODAL

Intensiti modal, seperti yang dikira dari nisbah pelaburan modal bagi setiap pekerja (CIPE) bagi projek diluluskan pada 2016 berjumlah RM912,239. Ini mencerminkan bahawa industri perkilangan sedang mara ke arah projek lebih berintensif modal, bernilai tambah tinggi dan teknologi tinggi.

Pada 2016, industri yang mempunyai nisbah CIPE tertinggi adalah gas asli dengan nisbah CIPE sebanyak RM54,585,075 diikuti oleh produk petroleum termasuk petrokimia (RM19,702,225), tekstil dan produk tekstil (RM2,219,123), produk logam asas (RM1,489,401) serta kimia dan produk kimia (RM1,100,416).

Pada 2016, 10 projek dengan pelaburan sekurang-kurangnya

Pada 2016, 85 projek telah diluluskan dengan jumlah pelaburan dicatat sekurang-kurangnya RM100 juta atau lebih. Jumlah pelaburan dalam projek-projek ini berjumlah sehingga RM47.6 bilion atau 81.4 peratus daripada jumlah pelaburan diluluskan.

PROJEK DILULUSKAN MENGIKUT INDUSTRI

Produk petroleum termasuk petrokimia mencatat pelaburan diluluskan tertinggi pada 2016, berjumlah sehingga RM15.3 bilion. Ini diikuti oleh produk E&E (RM9.2 bilion), produk logam asas (RM5.0 bilion), peralatan pengangkutan (RM4.8 bilion), kimia dan produk kimia (RM3.7 bilion), gas asli (RM3.6 bilion), perkilangan makanan (RM3.3 bilion) dan produk galian bukan logam (RM3.0 bilion).



Lapan industri ini menyumbang sebanyak RM47.9 bilion atau 81.9 peratus daripada jumlah pelaburan diluluskan.

PROJEK BERORIENTASIKAH EKSPORT

Persekitaran pelaburan di Malaysia yang menggalakkan, dengan adanya infrastruktur yang baik, perkhidmatan telekomunikasi, kewangan dan perbankan, industri-industri sokongan begitu juga kumpulan bakat dan tenaga pekerja yang mahir dan terlatih, menjadikan Malaysia lokasi pelaburan yang menarik untuk menepati pasaran global dan serantau.

Pada 2016, 274 projek diluluskan melibatkan pelaburan sebanyak RM22.9 bilion, mencadangkan untuk eksport sekurang-kurangnya 80 peratus daripada keluaran mereka. Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan,

pelaburan asing berjumlah sehingga RM15.4 bilion atau 67.2 peratus manakala selebihnya datang dari sumber domestik berjumlah sehingga RM7.6 bilion atau 32.8 peratus.

Industri utama dengan projek berorientasikan eksport adalah:

- Produk E&E (RM8 bilion/69 projek)
- Perkilangan Makanan (RM2.5 bilion/24 projek)
- Produk Logam Asas (RM2.3 bilion/7 projek)

PELUANG PEKERJAAN

Projek diluluskan pada 2016 dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan untuk 64,120 orang. Daripada jumlah ini, 13,480 jawatan atau 21 peratus adalah dari kategori pengurusan, teknikal dan penyeliaan (MTS) pekerja berkemahiran dan 10,844 jawatan atau 16.9 peratus adalah dari kategori pekerja mahir dan 11,565 atau

18 peratus adalah jualan, perkeranian dan lain-lain.

Kebanyakan peluang pekerjaan yang lain adalah dari sektor E&E dengan 16,260 jawatan, diikuti oleh peralatan pengangkutan (7,239) dan produk getah (6,916).

PROJEK DILULUSKAN BERDASARKAN PEMILIKAN

Pelaburan Domestik

Berdasarkan senario ekonomi global terkini termasuk persaingan bagi FDI global, ia amat penting bagi pelaburan domestik untuk memacu agenda pelaburan Malaysia untuk mengubah dan membentuk semula ekonomi dalam negeri. Daya saing negara Malaysia yang berterusan kini bergantung pada pengukuhan sektor perkilangan dan perkhidmatan dan mempercepatkan peralihan ke arah nilai tambah tinggi, teknologi tinggi, berintensif pengetahuan dan industri berasaskan inovasi. Transformasi ini tidak akan berlaku dengan ketiadaan pelaburan domestik yang kukuh dalam bidang seperti yang dinyatakan.

Pelaburan domestik diluluskan pada 2016 berjumlah sehingga RM31.1 bilion berbanding RM52.8 bilion pada 2015 dan RM32.3 bilion pada 2014. Secara kolektif, pelaburan domestik menyumbang sebanyak 53.2 peratus daripada jumlah pelaburan diluluskan pada tahun di bawah tinjauan.

Bahagian utama bagi pelaburan domestik diluluskan pada 2016 berjumlah sehingga RM17.4 bilion merupakan projek-projek baharu, manakala RM13.7 bilion

adalah projek pembesaran/pelbagaiian.

Pelaburan domestik kebanyakannya adalah produk petroleum termasuk petrokimia dengan RM10.3 bilion atau 33.1 peratus daripada jumlah pelaburan domestik diluluskan pada 2016. Industri lain yang mencatatkan pelaburan domestik yang ketara adalah gas asli (RM3.7 bilion), peralatan pengangkutan (RM3.1 bilion), produk logam asas (RM2.7 bilion), perkilangan makanan (RM2.1 bilion), kimia dan produk kimia (RM1.7 bilion), produk E&E (RM1.3 bilion) dan produk getah (RM1.3 bilion).

Pelaburan Asing

Pelaburan asing bagi projek perkilangan diluluskan pada 2016 berjumlah sehingga RM27.4 bilion. Daripada jumlah pelaburan asing sebanyak RM27.4 yang diluluskan, RM10.3 bilion atau 37.6 peratus adalah dari projek baharu manakala selebihnya RM17.1 bilion atau 62.4 peratus adalah bagi projek pembesaran/pelbagaiian.

Produk E&E menyumbang jumlah tertinggi bagi pelaburan asing, berjumlah sehingga RM7.9 bilion. Jumlah yang tinggi bagi pelaburan asing dalam kategori ini disebabkan oleh projek pembesaran bagi perkakas rumah, pencahayaan LED dan pengering tangan komersial berjumlah sehingga RM2 bilion. Industri berparas tinggi yang lain bagi pelaburan asing adalah produk petroleum termasuk petrokimia (RM5.6 bilion), produk logam asas (RM2.2 bilion) dan produk galian bukan logam (RM1.9 bilion).

Sumber Utama Pelaburan Asing

Pada 2016, Republik Rakyat China merupakan penyokong paling kukuh bagi industri perkilangan di Malaysia, menyumbang pelaburan sebanyak RM4.8 bilion, diikuti oleh Netherlands dengan pelaburan sebanyak RM3.2 bilion. Sumber utama lain bagi pelaburan asing pada 2016 adalah Jerman (RM 2.6 bilion), United Kingdom (RM2.6 bilion), Republik Korea (RM2.2 bilion) dan Singapura (RM2.1 bilion). Enam negara ini bersama-sama menyumbang sebanyak 63.9 peratus daripada jumlah pelaburan asing diluluskan pada tempoh tersebut.

Republik Rakyat China

Sumber utama pelaburan asing pada 2016 adalah Republik Rakyat China dengan pelaburannya sebanyak RM4.8 bilion bagi 33 projek diluluskan. Pelaburan dalam projek baharu berjumlah sehingga RM2.5 bilion (18 projek) manakala pelaburan dalam projek pembesaran/pelbagaiian berjumlah sehingga RM2.3 bilion (15 projek).

Pelaburan yang besar daripada China adalah disebabkan oleh:

- Projek pembesaran untuk melaksanakan perkilangan bilet feronikel, bilet keluli tahan karat, jalur keluli tahan karat tergelek panas, tar arang batu dan kok semi ketulan dengan pelaburan berjumlah sehingga RM1.3 bilion;

Pelaburan daripada China terutamanya bagi:

- Produk Galian Bukan Logam (4 projek/RM1.4 bilion)
- Produk Logam Asas (1 projek/RM1.3 bilion)

- Produk E&E (8 projek/RM1.8 bilion)

Netherlands

Netherlands merupakan pelabur asing kedua terbesar dengan jumlah pelaburan sebanyak RM3.2 bilion bagi 18 projek diluluskan. Pelaburan bagi projek baharu berjumlah sehingga RM2.4 bilion (5 projek), manakala pelaburan bagi projek pembesaran/pelbagaiian berjumlah sehingga RM0.8 bilion (13 projek).

Jerman

Jerman adalah pelabur ketiga terbesar dengan pelaburan sebanyak RM2.6 bilion (21 projek). Kebanyakan daripada pelaburan tersebut bertumpu kepada produk E&E (10 projek/RM2.3 bilion). Projek diluluskan utama termasuk sebuah projek bernilai RM1.4 bilion bagi pengeluaran peranti dan pakej LED, sistem dan modul LED termasuk bentuk dan bahagian SKD, wafer fabrikasi LED serta wafer epitaxial. Projek lain dengan pelaburan sebanyak RM0.4 bilion telah diluluskan untuk mengeluarkan semikonduktor.

United Kingdom

United Kingdom adalah sumber keempat terbesar bagi pelaburan asing pada 2016 dengan pelaburan sehingga RM2.6 bilion. Bahagian terbesar pelaburan tersebut adalah bagi sektor E&E dengan pelaburan sehingga RM2 bilion diikuti oleh produk getah berjumlah sehingga RM370 juta dan produk petroleum (termasuk petrokimia) berjumlah RM113 juta.

Republik Rakyat Korea

Republik Rakyat Korea merupakan pelabur asing

kelima terbesar dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2.2 bilion. Pelaburan oleh Korea adalah bagi lapan projek, di mana tiga merupakan projek baharu dan lima bagi projek pembesaran/pelbagai. Pelaburan besar daripada Korea terutamanya disebabkan oleh projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan sebanyak RM1.5 bilion untuk menghasilkan etilena, propilena, benzene dan toluena.

PROJEK DILULUSKAN MENGIKUT LOKASI

Sebilangan besar projek diluluskan untuk ditempatkan di Selangor (242 projek), Johor (165 projek) dan Pulau Pinang (106 projek), di mana ia terus menjadi negeri-negeri utama dari segi bilangan projek diluluskan. Sebanyak 513 projek atau 70 peratus daripada projek diluluskan akan ditempatkan di tiga negeri ini.

Dari segi nilai pelaburan diluluskan, Johor menerima jumlah terbesar, dengan pelaburan berjumlah sehingga RM26.4 bilion, Selangor menduduki tempat kedua dengan jumlah RM7.9 bilion, diikuti oleh Sarawak (RM4.6 bilion), Pulau Pinang (RM4.3 bilion) dan Perak (RM4 bilion). Kelima-lima negeri ini menyumbang sebanyak 80.7 peratus daripada jumlah pelaburan diluluskan pada 2016.

Johor

Tahap tertinggi pelaburan diluluskan bagi negeri Johor berjumlah sehingga RM26.4 bilion dalam pelbagai industri seperti produk petroleum termasuk petrokimia (RM14.7

bilion), gas asli (RM3.7 bilion) dan E&E (RM2.2 bilion). Satu projek diluluskan yang besar di Johor termasuk projek baharu milik majority Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM7 bilion untuk merumuskan atau menggabung petroleum, petrokimia, kimia, produk pertengahan dan akhir atau produk sekunder yang berkaitan di Pengerang.

Selangor

Selangor mencatat tahap pelaburan kedua tertinggi pada jumlah RM7.9 bilion, terutamanya bagi industri pengangkutan (RM2.8 bilion), perkilangan makanan (RM1 bilion) dan produk logam fabrikasi (RM664 juta).

Sarawak

Sarawak menyaksikan pelaburan sebanyak RM4.6 bilion. Projek diluluskan terutama di Sarawak termasuk projek pembesaran/pelbagai milik majoriti Malaysia bernilai RM2.3 bilion untuk mengeluarkan jongkong aluminium, jongkong aloy aluminium, wayar rod aluminium dan wayar rod aloy aluminium. Pelaburan di Sarawak menumpukan kepada industri produk logam asas (RM2.3 bilion) dan E&E (RM1.6 bilion).

Projek Perkilangan yang Dilaksanakan

Projek diluluskan pada 2016 membawa projek perkilangan diluluskan pada tempoh lima tahun pada 2012 atau 2016 sebanyak 3,815 projek. Daripada ini, 3,132 projek telah dilaksanakan setakat ini, dengan 3,010 projek bagi pengeluaran dan 122 projek masih dibawah pembinaan kilang dan pemasangan jentera. Jumlah

pelaburan modal bagi 3,132 projek ini berjumlah sehingga RM207.7 bilion. Selebihnya, 41 projek dengan pelaburan sebanyak RM7.9 bilion berada pada pengambilalihan tapak, manakala 430 atau RM44.9 bilion adalah bagi peringkat perancangan aktif. Apabila 471 projek ini direalisasikan, jumlah pelaburan dalam projek ini adalah RM52.8 bilion.

Majoriti projek diluluskan semasa tempoh lima tahun dari 2012 hingga 2016 meliputi industri-industri utama seperti produk petroleum (termasuk petrokimia), E&E, peralatan pengangkutan, kimia dan produk kimia, produk logam asas, gas asli dan produk makanan. Johor mempunyai jumlah tertinggi bagi projek dilaksanakan sehingga kini, diikuti oleh Selangor, Sarawak, Pulau Pinang dan Kedah.

Pada 2016, sebanyak 22 syarikat mengecilkan operasi mereka dan memberhentikan 1,132 orang pekerja. Sebanyak 13 syarikat terpaksa hentikan operasi mereka sekaligus. Sebab yang dinyatakan atas penutupan ini adalah kerana kelemahan keadaan pasaran, kenaikan kos, masalah kewangan, perkembangan teknologi dan penstrukturkan semula. Namun begitu, Penutupan ini telah diimbangi dengan kewujudan 14,808 peluang pekerjaan baharu semasa tempoh yang sama apabila 209 projek baharu mula beroperasi.



PRESTASI MENGIKUT INDUSTRI

PRODUK ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK

Industri produk Elektrik dan Elektronik (E&E) telah menjadi penggerak utama dalam ekonomi Malaysia sejak beberapa dekad lalu kerana ia berjaya dalam menarik jumlah pelaburan asing yang besar dan mewujudkan sejumlah besar peluang pekerjaan dalam proses tersebut.

Kejayaannya dibuktikan dengan menjadi penyumbang eksport negara terbesar pada 2016. Eksport produk E&E berjumlah RM287.7 bilion dan menyumbang sebanyak 44.6 peratus daripada jumlah nilai barang perlindangan dieksport pada 2016.

Singapura, Amerika Syarikat, China, Hong Kong SAR dan Jepun merupakan lima destinasi eksport tertinggi, dengan Singapura sebagai penyumbang bahagian terbesar sebanyak 16.4 peratus daripada kesemua eksport E&E Malaysia.

Projek Diluluskan pada 2016


Sebanyak 107 projek E&E dengan pelaburan sebanyak RM9.2 bilion diluluskan pada 2016. Daripada jumlah tersebut, 17 merupakan projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM1.5 bilion manakala 90 adalah projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan sehingga RM7.7 bilion.

Entiti asing menyumbang sebahagian besar daripada jumlah itu dengan jumlah RM7.9 bilion atau 86 peratus manakala pelaburan domestik berjumlah sehingga RM1.3 bilion atau 14 peratus.

Syarikat E&E MNC sedia ada di Malaysia terus membesar dan mempelbagaikan operasi mereka, satu testimoni tentang keyakinan yang berterusan terhadap persekitaran pelaburan negara.

Sumber utama bagi pelaburan asing dalam industri ini adalah daripada Jerman, United Kingdom dan China. Pelaburan diluluskan daripada Jerman kebanyakannya bagi komponen elektronik dan subsektor elektronik perindustrian. Pelaburan daripada China kebanyakannya bagi komponen elektrik manakala pelaburan

Pelaburan Diluluskan bagi Industri E&E Mengikut Subsektor, 2016 (RM juta)



Sektor	Subsektor	Contoh Produk
Elektronik	Komponen	Semikonduktor, komponen pasif, papan litar bercetak, bahagian logam dicap dan bahagian plastik ketepatan
	Pengguna	Produk audio video seperti penerima televisyen, produk hiburan, pembesar suara, kamera dan permainan elektronik
	Perindustrian	Produk teknologi multimedia dan maklumat seperti komputer dan peralatan komputer; peralatan telekomunikasi; peralatan pejabat; dan produk berkotak untuk aplikasi industri
Elektrik	Elektrikal	Papan agihan, panel kawalan, alat pensuisan, pencahayaan, transformer, kabel dan wayar, sel utama dan bateri, sel solar dan modul, penghawa dingin, perkakas rumah

Struktur Industri E&E

daripada United Kingdom kebanyakannya bagi peralatan elektrik.

Elektrikal

Subsektor elektrikal menyaksikan 44 projek diluluskan pada 2016 dengan pelaburan sebanyak RM4.3 bilion. Daripada ini, 11 merupakan projek baharu dan 33 merupakan projek pembesaran/pelbagai. Subsektor ini kebanyakannya dikuasai oleh pelabur asing dengan pelaburan sehingga RM4.1 bilion (94.3%) manakala pelaburan domestik berjumlah RM250 juta (5.7%). Projek ini dijangkakan akan mewujudkan peluang pekerjaan untuk 8,689 orang.

Mengikut pelaburan yang diluluskan bagi industri E&E, produk elektrikal membentuk subsektor terbesar, dengan projek solar yang masih kekal menerima permintaan tinggi.

Antara projek diluluskan yang terbesar adalah:

- Projek pembesaran oleh syarikat milik asing sepenuhnya dengan pelaburan sebanyak RM2 bilion untuk perkilangan produk perkakas rumah, lampu LED dan pengering tangan komersial;
- Sebuah projek baharu oleh syarikat milik asing sepenuhnya dengan pelaburan sebanyak RM1.06 bilion untuk projek perkilangan fotovaltaik solar bersepadu daripada jongkong solar kepada modul solar. Projek baharu ini akan mewujudkan 2,360 peluang pekerjaan;


- Projek pembesaran oleh syarikat milik asing sepenuhnya dengan pelaburan sebanyak RM439.8 juta untuk perkilangan sel dan modul fotovaltaik. Usaha baharu ini akan mewujudkan 1,286 peluang pekerjaan;
- Sebuah syarikat milik majoriti Malaysia telah mencadangkan satu projek baharu untuk perkilangan mesin pengilap penjagaan lantai, aksesori perhubungan dan peralatan komputer dengan pelaburan sebanyak RM37.2 juta; dan
- Projek pembesaran oleh syarikat milik Malaysia sepenuhnya untuk perkilangan abah-abah wayar dan komponen pemotong cetak dengan pelaburan sebanyak RM21.7 juta.


Komponen Elektronik

Komponen elektronik merupakan pelaburan kedua terbesar dalam subsektor E&E sebanyak 42.4 peratus. Sebanyak 23 projek dengan pelaburan sehingga jumlah RM3.92 bilion diluluskan pada 2016.

Projek yang diluluskan adalah bagi pengeluaran komponen elektrik seperti wafer LED, wafer epitaxial dan peranti semikonduktor. Subsektor ini terutamanya dipacu oleh pelaburan asing. Daripada jumlah pelaburan diluluskan bagi subsektor komponen elektronik pada 2016, pelaburan asing berjumlah sehingga RM3.34 bilion atau 85.3 peratus daripada jumlah keseluruhan manakala pelaburan domestik berjumlah RM577 juta (14.7%).

Daripada jumlah projek diluluskan, satu projek adalah projek baharu yang melibatkan pelaburan berjumlah RM46.4 juta, manakala 22 projek dengan pelaburan sebanyak





RM3.87 bilion keseluruhannya, adalah bagi projek pembesaran/pelbagai. Projek-projek ini dijangka akan mewujudkan 5,215 peluang pekerjaan.

Antara projek diluluskan yang terbesar adalah:

- Projek pembesaran oleh sebuah syarikat milik asing sepenuhnya dengan pelaburan sebanyak RM1.4 bilion untuk fabrikasi wafer LED dan wafer epitaxial. Projek ini dijangka akan memberikan 476 peluang pekerjaan.
- Sebuah syarikat milik asing sepenuhnya telah diluluskan untuk pelaburan pembesaran berjumlah RM499 juta untuk perkilangan fabrikasi wafer semikonduktor. Projek ini akan mewujudkan 167 peluang pekerjaan; dan
- Projek pembesaran oleh syarikat milik majoriti Malaysia untuk melaksanakan pelaburan sebanyak RM48.6 juta bagi menjalankan *advanced test contacting solutions*

bagi automotif, ketuhar berkelajuan tinggi dan peranti semikonduktor frekuensi radio (RF).

Elektronik Pengguna

Pada 2016, tiga projek bagi elektronik pengguna diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM116.6 juta daripada entiti asing. Dua daripadanya merupakan projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan sehingga jumlah RM51.2 juta (43.9%) manakala satu bagi projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM65.4 juta (56.1%).

Pelaburan asing menyumbang kira-kira 99 peratus daripada pelaburan diluluskan untuk elektronik pengguna. Di antaranya adalah satu projek baharu oleh syarikat milik asing sepenuhnya dengan pelaburan sebanyak RM65.4 juta untuk perkilangan radio kereta dan audio video sistem navigasi (AVN).

Elektronik Perindustrian

Sebanyak 37 projek diluluskan bagi elektronik perindustrian dengan jumlah pelaburan

sebanyak RM817.5 juta pada 2016. 33 daripadanya adalah projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan sebanyak RM699 juta (85.5%) manakala empat adalah projek baharu dengan pelaburan berjumlah RM118.5 juta (14.5%). Dalam subsektor ini, pelaburan asing berjumlah sehingga RM349.7 bilion manakala pelaburan domestik berjumlah RM467.8 juta.

Antara projek-projek utama diluluskan di dalam tempoh tersebut adalah:

- Projek pembesaran oleh syarikat milik Malaysia sepenuhnya dengan pelaburan sebanyak RM337 juta untuk melaksanakan pembangunan dan pengeluaran sistem pengesan pintar bagi aplikasi *Internet of Things* (IoT) dan modul peranti sentuhan optikal. Projek ini dijangka akan mewujudkan 200 peluang pekerjaan lagi;
- Satu projek pembesaran bernilai RM137.4 juta oleh syarikat milik asing sepenuhnya untuk perkilangan ujian elektronik dan produk pengukuran peralatan. Projek ini dijangka akan mewujudkan 400 peluang pekerjaan lagi;
- Projek pembesaran oleh syarikat milik asing sepenuhnya dengan cadangan pelaburan sebanyak RM66.7 juta untuk perkilangan peralatan pengukuran elektronik, alat pengesan asap, alat kawalan bermotor, sistem maklumat dan pengurusan ladang dan produk sistem pemanas yang akan mewujudkan 50 peluang pekerjaan lagi; dan

- Projek pembesaran oleh syarikat milik Malaysia sepenuhnya dengan pelaburan sebanyak RM55.7 juta untuk perkilangan peralatan ujian dan pengukuran.

PERALATAN PENGANGKUTAN

Industri peralatan pengangkutan merangkumi automotif, aeroangkasa, pembinaan dan pembaikan kapal (SBSR), serta subsektor rel, dengan subsektor automotif sebagai subsektor terbesar dalam industri ini. Pada 2016, eksport peralatan pengangkutan berjumlah RM13.4 bilion. Eksport kenderaan jalan raya (terdiri daripada kenderaan penumpang, kenderaan komersial, motosikal/skuter, treler/semi-treler, basikal/kayuhan lain dan alat ganti dan komponen) berjumlah sehingga RM7.1 bilion. Ini diikuti oleh eksport bagi peralatan dan bahagian berkaitan dengan pesawat berjumlah sehingga RM5.5 bilion manakala eksport bagi kapal, bot dan struktur atas air berjumlah sehingga RM783.9 juta. Eksport bagi kenderaan landasan dan peralatan berkaitan berjumlah sehingga RM44.9 juta.

Projek Diluluskan pada 2016

Pada 2016, sebanyak 68 projek diluluskan bagi industri peralatan pengangkutan dengan pelaburan modal sebanyak RM4.8 bilion. Pelaburan domestik berjumlah sehingga RM3.1 bilion (64.4%), manakala pelaburan asing berjumlah RM1.7 bilion (35.6%). Projek diluluskan ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 7,239 peluang pekerjaan.

Daripada jumlah projek diluluskan, 24 merupakan projek baharu manakala 44 adalah inisiatif pembesaran/pelbagai. Pelaburan bagi projek diluluskan baharu menyumbang sebanyak 34.7 peratus (RM1.7 bilion) daripada jumlah pelaburan diluluskan manakala projek pembesaran/pelbagai mewakili 65.3 peratus (RM3.1 bilion).

Automotif

Industri automotif merangkumi perkilangan/pemasangan kenderaan bermotor. Termasuk kenderaan bermotor dua roda; pemulihan/pemasangan semula/pembinaan semula/pertukaran kenderaan bermotor; dan perkilangan alat ganti dan komponen, termasuk koc dan bahagian kenderaan. Kini terdapat empat projek nasional dan sembilan syarikat pemasangan dalam subsektor kenderaan bermotor dengan kapasiti terpasang tahunan kira-kira 963,300 unit. Sebagai tambahan, terdapat 11 pengilang/pemasang motosikal dan skuter dengan kapasiti terpasang sebanyak 1,069,700 unit bagi setiap tahun.


Mengikut *Malaysian Automotive Association* (MAA), pengeluaran kenderaan bermotor di Malaysia pada 2016 adalah sebanyak 545,253 unit, merangkumi 503,691 unit kenderaan penumpang dan 41,562 unit kenderaan komersial. Jualan kenderaan bermotor adalah sebanyak 580,124 unit pada 2016 termasuk 514,545 unit kenderaan penumpang dan 65,579 unit kenderaan komersial.

Menuju ke hadapan, pengeluaran kenderaan semakin beralih ke arah model jimat minyak dengan kemunculan projek besar oleh syarikat dalam negeri dan antarabangsa. Ini seterusnya akan menggalakkan industri untuk memenuhi tahap teknologi produk yang lebih tinggi, inisiatif R&D dan memberikan pelbagai peluang perniagaan kepada Syarikat Kecil & Sederhana (SME).

Projek Diluluskan pada 2016

Pada 2016, sebanyak 53 buah projek diluluskan dalam industri automotif dengan pelaburan sebanyak RM2.7 bilion. Pelaburan domestik berjumlah

Pelaburan Diluluskan bagi Industri Teknologi Pengangkutan mengikut Subsektor, 2016



Negara	2016 (Jan-Okt)	2015
	Jumlah Keseluruhan Industri (unit)	Jumlah Keseluruhan Industri (unit)
Indonesia	874,847	853,089
Thailand	617,159	621,742
Malaysia	466,208	541,277
Filipina	292,502	234,951
Vietnam	217,361	164,571
Singapura	92,835	61,784
ASEAN 6	2,560,912	2,477,414

Jualan Kenderaan Bermotor bagi Enam Negara Utama ASEAN

sehingga RM1.9 bilion (70.5%) manakala pelaburan asing berjumlah RM790 juta (29.5%). Projek diluluskan dijangka akan menjana 5,281 peluang pekerjaan.

Daripada jumlah projek diluluskan, 16 merupakan projek baharu manakala 37 merupakan projek pembesaran/pelbagai. Projek baharu menyumbang sebanyak 18.6 peratus (RM497.2 juta) daripada jumlah pelaburan diluluskan, termasuk sebuah projek oleh syarikat milik Malaysia sepenuhnya bernilai RM178.9 juta untuk pemasangan enjin pembakaran dalaman dan pemasangan modular lain (modul rangkaian kuasa, modul penjuru, modul gandar, modul sisi depan, modul pintu, dan lain-lain).

Projek pembesaran/pelbagai dalam subsektor automotif berjumlah sehingga RM2.2 bilion (81.4%) pada 2016, termasuk sebuah projek oleh sebuah syarikat usaha sama tempatan dan asing dengan pelaburan sebanyak RM1.1 bilion untuk pemasangan kenderaan cekap tenaga (EEV). Projek pembesaran/pelbagai lain melibatkan pelaburan sebanyak RM86.2 juta oleh syarikat milik asing sepenuhnya untuk pemasangan

EEV. Pelaburan diluluskan pada 2016 selaras dengan Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014 di mana syarikat tempatan dan luar negara digalakkan untuk melabur dalam aktiviti perkilangan kenderaan berkaitan EEV.

Pelaburan domestik terus kekal berkuasa sebagai penyumbang terbesar kepada pertumbuhan industri. Seperti yang digariskan di bawah NAP, industri automotif diramalkan akan menyumbang 10 peratus kepada KDNK negara pada 2020 di mana pengeluaran kenderaan dijangka akan meningkat sebanyak 1.35 juta unit. Dari segi pengambilan pekerja, industri automotif dijangka akan mewujudkan 150,000 lagi peluang pekerjaan pada 2020.

Aeroangkasa


Industri aeroangkasa Malaysia merangkumi perkilangan bahagian dan komponen; penyelenggaraan, aktiviti pembaikan dan baik pulih (MRO); reka bentuk dan pembangunan; dan pemasangan dan operasi pesawat ringan dan perkhidmatan sokongan. Terkini, terdapat lapan syarikat terlibat dalam pemasangan pesawat, 28 syarikat dalam perkilangan bahagian dan komponen pesawat termasuk

peralatan sokongan darat, manakala lebih daripada 60 syarikat terlibat dalam aktiviti MRO.

Projek Diluluskan pada 2016

Pada 2016, sembilan projek diluluskan bagi industri aeroangkasa dengan pelaburan sebanyak RM1.6 bilion. Pelaburan domestik berjumlah sehingga RM673.9 juta (43.1%). Pelaburan (RM889.4 juta atau 56.9%) ini terutamanya daripada pelaburan asing. Projek diluluskan dijangka akan menjana sebanyak 1,766 peluang pekerjaan.

Daripada jumlah keseluruhan projek diluluskan, tiga merupakan projek baharu manakala enam adalah projek pembesaran/pelbagai. Projek baharu menyumbang sebanyak 43.1 peratus (RM673.4 juta) daripada jumlah pelaburan diluluskan, termasuk satu projek oleh syarikat milik Malaysia baharu untuk membekalkan bahagian pesawat dan komponen penutup kipas, kerusi anak kapal dan pintu pemindahan dengan pelaburan berjumlah RM53.7 juta. Syarikat tersebut telah dikenal pasti oleh syarikat tier-1 seperti Boeing dan Airbus sebagai vendor.



Projek pembesaran/pelbagaiian bagi subsektor aeroangkasa berjumlah sehingga RM889.9 juta (56.9 peratus) pada 2016. Satu projek diluluskan yang besar adalah pembangunan dan perkilangan *movable variable lifting surface* dan sistem *anti-icing* untuk pesawat; dan pintu pesawat oleh sebuah syarikat milik asing dengan pelaburan berjumlah RM556 juta. Satu lagi projek diluluskan yang besar dengan pelaburan berjumlah sehingga RM107.9 juta oleh syarikat milik Malaysia bagi pengeluaran panel komposit untuk pesawat.

Industri aeroangkasa telah ditetapkan oleh kerajaan sebagai subsektor strategik dengan potensi pertumbuhan tinggi bagi perindustrian negara dan program pembangunan teknologi. Di bawah Pelan Pembangunan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030, kerajaan menyasarkan untuk menjadikan Malaysia sebagai

daerah aeroangkasa utama di Asia Tenggara dan untuk menjadi bahagian integral bagi pasaran global menjelang 2030. Memandangkan negara Malaysia menjadi hab bagi syarikat-syarikat aeroangkasa, ini akan membantu mewujudkan peluang untuk pengeluar peralatan asli (OEM) melengkapkan rantai bekalan mereka dan memacu penyertaan SME tempatan di pasaran global.

Pembinaan dan Pembaikan Kapal

Industri pembinaan dan pembaikan kapal dijangka akan menjana RM6.35 bilion GNI dan memberikan 55,000 pekerjaan menjelang 2020. Industri pembinaan dan pembaikan kapal (SBSR) di Malaysia merangkumi perkilangan pelbagai jenis kapal termasuk tongkang, bot penumpang/feri, kapal peronda, bot tunda, kapal pendarat, kapal tangki, kapal persiaran, kapal layar, hydrofoil,

hoverkraf, dan pembaikan kapal.

Mengikut *Review of Maritime Transport 2016* oleh UNCTAD, Malaysia menduduki tempat ke-24 dalam senarai negara armada berdaftar terbesar (621 buah kapal dan gabungan tan sebanyak 16,791,296 ribu DWT), menyumbang 0.94 peratus daripada jumlah keseluruhan armada dunia pada akhir tahun 2015. Pada masa ini, terdapat kira-kira 100 limbungan berdaftar di Malaysia, di mana 39 terletak di Semenanjung Malaysia dan 61 di Sabah dan Sarawak. Enam limbungan terbesar di negara ini yang memperoleh keupayaan membaiki lebih dari 600 tan anjakan adalah, *Malaysia Marine and Heavy Engineering (MMHE)*, *Boustead Naval Shipyard*, *Sabah Shipyard*, *Sapura Kencana*, *Nam Cheong* dan *Muhibbah Marine Engineering*.

Projek Diluluskan pada 2016

Pada 2016, empat projek baharu oleh syarikat milik Malaysia sepenuhnya diluluskan bagi industri SBSR dengan jumlah pelaburan sebanyak RM470.9 juta. Projek diluluskan ini dijangka akan menjana sebanyak 159 pekerjaan. Satu projek diluluskan terbesar adalah pelaburan bernilai tambah tinggi berjumlah sehingga RM350 juta oleh syarikat milik Malaysia sepenuhnya untuk mereka, membangunkan dan mengilangkan kapal sokongan luar pesisir (OSV) rekaan Malaysia yang pertama. Projek tersebut, yang melibatkan aktiviti R&D juga, memegang potensi yang besar untuk meningkatkan industri pembinaan dan pembaikan kapal. Dua lagi projek baharu melibatkan pelaburan oleh syarikat milik Malaysia sepenuhnya berjumlah sehingga RM53.3 juta dan RM62.2 juta masing-masing dalam industri pembinaan dan pembaikan kapal.

Walaupun terdapat persekitaran yang lemah dalam industri minyak dan gas luar pesisir yang sedikit sebanyak menindas permintaan bagi struktur kapal dan luar pesisir, Malaysia mempunyai infrastruktur yang terbaik serta rangkaian rantaian bekalan bagi industri SBSR tempatan untuk mempelbagai dan berkembang. Bidang tumpuannya termasuk pengeluaran kapal kecil rekreasi, bot sukan dan persiaran, pengeluaran kapal 30,000 DWT dan ke bawah untuk perkапalan pantai, fabrikasi struktur luar pesisir dan pengeluaran bot tunda dan kraf penolak untuk eksport.

Industri Rel

Industri rel merangkumi reka cipta, perkilangan dan pemasangan; serta pembaikan dan pemberkualahan. Terdapat lebih dari 30 pemain industri yang terlibat dengan reka cipta, perkilangan dan pemasangan produk berkaitan rel dalam negara ini. Lebih daripada 40 syarikat tempatan terlibat dengan aktiviti pembaikan dan pemberkualahan. Sebahagian besar daripada aktiviti pembaikan dan pemberkualahan dijalankan secara dalaman oleh pengendali rel masing-masing seperti KTMB dan Rapid Rail.

Tahun 2016 juga menyaksikan kemajuan ketara dalam Projek Permulaan (EPP) di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) negara, iaitu projek Mass Rapid Transit (MRT), sambungan Light Rapid Transit (LRT) dan High Speed Rail (HSR). Operasi sambungan LRT Laluan Ampang dan LRT Kelana Jaya telah dimulakan. MRT Laluan 1 yang dinanti-nantikan dari Sungai Buloh ke Kajang akan beroperasi secara berperingkat. Fasa 1 dari Sungai Buloh ke Semantan telah memulakan operasi pada Disember 2016 manakala seluruh laluan ke Kajang akan beroperasi sepenuhnya menjelang Julai 2017. MRT Laluan 2, dengan jumlah jarak sepanjang 52.2 km meliputi kawasan Sungai Buloh, Serdang dan Putrajaya dijangka siap menjelang Januari 2022.

Dengan pembangunan ini, lebih banyak pelaburan dijangka akan dijana, terutamanya bagi segmen penyelenggaraan, pembaikan dan pemberkualahan (MRO) apabila projek pengangkutan rel ini mula beroperasi sepenuhnya.

Pelaburan asing dijangka akan mengalir ke dalam negara dengan penubuhan projek High Speed Rail Link (HSR) antara Malaysia dengan Singapura. Projek kereta api berkelajuan tinggi sejauh 350 km ini, apabila selesai akan mengurangkan masa perjalanan antara Singapura dan Kuala Lumpur hingga kira-kira 90 minit. Tambahan itu, dengan trend mega terkini yang menuju ke arah pembandaran, teknologi hijau dan jimat tenaga, akan mewujudkan lebih banyak peluang kepada pengilang dan pembekal perkhidmatan untuk membekal bahagian tertentu bagi industri ini.

Projek Diluluskan pada 2016

Pada 2016, dua projek diluluskan bagi industri rel dengan pelaburan berjumlah RM44.4 juta. Projek diluluskan ini dijangka akan menjana 33 peluang pekerjaan. Satu pelaburan terbesar adalah bagi projek pembesaran/pelbagai oleh syarikat milik Malaysia sepenuhnya untuk membina sistem kuasa penyimpanan tenaga bagi industri rel dengan pelaburan berjumlah RM34.9 juta.

JENTERA DAN PERALATAN

Industri Jentera dan Peralatan (M&E) Malaysia berada di peringkat akhir bagi mencapai cita-cita menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020, dipacu oleh pembangunan ekonomi dan teknologi. Salah satu pemacu utama bagi kejayaan Malaysia adalah dengan membolehkan pertumbuhan yang teguh bagi industri M&E yang sinonim dengan pelbagai segmen ekonomi lain seperti sektor



utama, perkilangan dan perkhidmatan.

Industri M&E sering berada di barisan hadapan Revolusi Perindustrian global. Sektor ini menyaksikan peningkatan pada era mekanisasi (Industri 1.0) mara ke arah mesin pengeluaran besar-besaran (Industri 2.0) diikuti oleh penggunaan mesin automasi (Industri 3.0) dan kini *Internet of Things* (Industri 4.0), yang semakin menjadi bahagian integral kepada masa depan perkilangan. Kejayaan ini mempamerkan kemajuan penumpuan teknologi, diterjemah kepada pelbagai produk inovatif yang menggabungkan pelbagai jenis elemen seperti elektronik, bahan termaju dan integrasi perisian.

Pembangunan terbaru dalam teknologi revolusi perkilangan pintar seperti *Big Data*, komputasi awan, *Internet of Things* dan Internet Perindustrian mengubah lanskap perkilangan global. Bagi

peringkat kilang, mesin-mesin mampu berinteraksi dengan mesin lain secara jarak jauh untuk mengeluarkan produk akhir. Pengumpulan data masa nyata dan fungsi analis ramalan, membolehkan pengesanan jauh secara langsung bagi operasi syarikat-syarikat global atau tempatan dan membantu menambah baik kecekapan pengurusan pelbagai aspek operasi, termasuk proses, pengeluaran, logistik dan pengurusan rantaian bekalan. Kerajaan terus memberi penekanan yang besar kepada pembangunan industri M&E yang canggih dan berseni. Ini dapat dilakukan dengan menggalakkan pemain tempatan untuk meningkatkan penggunaan dan seiring dengan kemajuan teknologi dan bersedia untuk menyokong keperluan bagi perkilangan yang lebih maju di masa hadapan meliputi bahagian ekonomi yang luas.

Industri M&E juga telah dikenal pasti sebagai salah satu

subsektor pemangkin di bawah RMK-11 untuk merangsang transformasi ekonomi negara ke arah kemakmuran. Peralihan dinamik perkilangan global mewujudkan peluang bagi barang, produk dan perkhidmatan generasi baharu.

Industri M&E mempunyai tahap daya saing yang tinggi dan sentiasa berusaha untuk membuat pembaharuan sistem pengeluaran baharu secara berterusan, untuk memberikan penyelesaian bersepada meliputi kesemua proses pengeluaran dengan teknologi tercanggih serta automasi.

Syarikat-syarikat M&E Malaysia perlu mencanggihkan lagi proses pengeluaran mereka dengan menggunakan langkah yang lebih bijak untuk perkilangan dan memanfaatkan peluang yang semakin bertambah di rantau ini dan menyepakukn syarikat mereka kepada rantaian bekalan global dan mencapai pengiktirafan antarabangsa.

Komunikasi mesin ke mesin (M2M) adalah definisi am yang boleh digunakan untuk menerangkan apa-apa teknologi yang membolehkan peranti rangkaian untuk bertukar maklumat dan bertindak tanpa menggunakan cara manual oleh manusia. Penghantaran data masa nyata dikerahkan melalui pengesan tertanam kepada peralatan yang membolehkan pemantauan lancar, pengoptimuman output dan penyelenggaraan ramalan. Kesemua ini membolehkan peralatan dan peranti rangkaian untuk mentafsir data dan membuat keputusan bebas untuk automasi yang lebih besar serta fleksibiliti, produktiviti lebih tinggi, kecekapan dan kemampuan.

Ekonomi maju seperti Jerman, AS, Jepun, China dan Republik Korea telah mula melaksanakan konsep bagi Perkilangan Pintar di mana data perkilangan masa nyata boleh dikumpulkan dan dianalisis melalui pengesan yang meluas untuk membolehkan automasi yang lebih besar dan fleksibiliti, produktiviti lebih tinggi, kecekapan dan kemampuan. Dengan komitmen yang berterusan terhadap inovasi teknologi ini, ekonomi-ekonomi ini kekal sebagai pemimpin global dalam pasaran M&E.

Sebagaimana keadaannya, subsektor M&E Malaysia boleh dibahagi kepada lima kumpulan yang besar: Bagi 2016, kelulusan diberikan kepada 88 projek M&E, menyumbang kepada pelaburan bernilai RM1.5 bilion. Dari pada ini, 42 merupakan projek baharu, dengan pelaburan berjumlah RM819.4 juta (53.3%) manakala 46

merupakan projek pembesaran/pelbagai melibatkan pelaburan berjumlah RM716.7 juta (46.7%). Kebanyakan daripada aliran masuk pelaburan (65.1% atau RM999.7 juta) datang daripada sumber domestik manakala pelaburan asing merangkumi hanya 34.9 peratus (RM536.5 juta). Projek-projek ini dijangka akan memberikan peluang pekerjaan kepada 2,866 orang.

Subsektor perindustrian M&E umum, modul, komponen dan bahagian merupakan penyumbang terbesar bagi pelaburan pada 2016. Sebanyak 47 projek dengan pelaburan berjumlah RM910.2 juta diluluskan, merangkumi 21 projek baharu dengan pelaburan berjumlah RM469.9 juta (51.6%) dan 26 projek pembesaran/pelbagai berjumlah RM440.3 juta (48.4%). Pelaburan domestik bagi subsektor ini berjumlah sehingga RM585.7 juta (64.3%) manakala pelaburan asing berjumlah RM324.4 juta (35.7%).

Subsektor M&E khusus bagi perindustrian tertentu menduduki tempat kedua dari segi pelaburan diluluskan pada tempoh yang sama. Pelaburan berjumlah sehingga RM547.5 juta untuk 32 projek, yang mana 15 merupakan projek baharu berjumlah RM274.2 juta (50.1%) dan 17 merupakan projek pembesaran/pelbagai dengan jumlah pelaburan RM273.3 juta (49.1%). Pelaburan bagi subsektor ini terutamanya dipacu oleh pelabur dalam negeri yang menyumbang pelaburan berjumlah sehingga RM385.5 juta (70.4%) manakala pelaburan asing berjumlah sehingga RM162 juta (29.6%).

Pelaburan diluluskan bagi subsektor penjanaan kuasa berjumlah RM76.4 juta. Ia merangkumi enam projek baharu dengan pelaburan berjumlah RM75.3 juta (98.5%) dan satu projek pembesaran dengan pelaburan berjumlah RM1.2 juta (1.5%). Pelaburan daripada sumber asing berjumlah sehingga RM50 juta (65.4%) manakala pelaburan domestik berjumlah RM26.4 juta (34.6%). Dua projek pembesaran/pelbagai datang daripada penyelenggaraan, naik taraf atau pemulihan subsektor M&E dan menjana pelaburan domestik berjumlah RM2 juta.

Pelaburan diluluskan pada 2016 menunjukkan bahawa sektor M&E berada di barisan hadapan dalam pemupukan kemunculan Industri 4.0 atau revolusi Perkilangan Pintar. Antara projek diluluskan terbesar termasuk:

- Sebuah projek pembesaran oleh syarikat milik asing sepenuhnya dengan pelaburan berjumlah RM70 juta untuk perkilangan mesin pengasingan tertanam dengan sambungan M2M dan keupayaan analisis ramalan bagi industri semikonduktor. Projek ini merupakan bukti kepada keyakinan pelabur asing terhadap Malaysia sebagaimana syarikat tersebut terus membesar dan mempelbagaikan operasi mereka di Melaka. Kemudahan sebesar 10,000-meter persegi ini menempatkan kedua-dua operasi R&D serta perkilangan. Sejak mula berkuat kuasa pada 2006, kemudahan ini menjadi pusat pertama syarikat

tersebut di Asia yang melaksanakan aktiviti R&D dan perkilangan peralatan automasi canggih bagi industri semikonduktor. Projek pembesaran tersebut dilakukan tepat pada masanya sebagaimana trend perniagaan global kini beralih ke arah Industri 4.0 atau perkilangan pintar untuk mengoptimumkan produktiviti dan kecekapan. Syarikat ini akan terus bergantung kepada pengambilan kakitangan berkemahiran tinggi, saintifik dan teknikal untuk menyokong pengeluaran peralatan berinovatif di Malaysia. Kini, syarikat ini menggunakan 207 orang pekerja di mana 170 orang (82%) terlibat dengan peringkat penyeliaan R&D serta sains dan teknikal dengan upah lebih daripada RM3,000 ke atas. Syarikat ini akan mengambil 87 orang lagi warga Malaysia untuk projek pembesaran mereka. Setelah beberapa tahun lalu, syarikat ini telah membelanjakan RM12 juta untuk melatih lebih daripada 220 orang pengurus tempatan sejak mula beroperasi. Mereka juga telah menubuhkan kerjasama dengan universiti tempatan dan institusi latihan dengan memberikan latihan praktikal, program pertukaran dan satu program pengkhususan teknikal untuk kursus Diploma Lanjutan, yang disahkan oleh pemeriksa Jerman. Rakan kerjasama mereka termasuk Universiti Multimedia, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Universiti Teknologi MARA

dan German-Malaysian Institute.

- Sebuah projek pelbagai oleh jaguh automasi tempatan dengan pelaburan berjumlah sehingga RM17.7 juta untuk perkilangan peralatan penyelesaian ujian bagi peranti pintar di selatan Semenanjung Malaysia. Peralatan ini digunakan untuk industri semikonduktor dan boleh diklasifikasikan di bawah kategori pengendali ujian automatik. Apa yang membuatkan peralatan ini unik adalah ia berupaya menguji cip IC pintar yang ditanam dengan pelbagai pengesan IoT seperti giroskop, meter pecutan dan lain-lain. Alat buatan Malaysia ini mampu mengendali ujian ekosistem lengkap yang meniru situasi kehidupan sebenar seperti perubahan suhu yang mendadak, getaran, tekanan, kelembapan, fungsi dan lain-lain. Projek ini sangat bersesuaian dengan trend IoT global dan akan menjadikan Malaysia sebahagian daripada rantaian nilai untuk melengkapi revolusi ini. Syarikat ini juga mempunyai himpunan bakat teknikal besar yang melaksanakan reka cipta dan pembangunan aktiviti untuk memastikan perkembangan berterusan dalam pemprosesan peralatan mereka. Kira-kira 60 peratus daripada jumlah tenaga pekerja mereka berpendapatan lebih daripada RM3,000 sebulan.

- Satu projek pembesaran oleh syarikat Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM21 juta untuk perkilangan air multijet pintar, meter air pintar, meter air pukal elektronik pintar dan penyelesaian meter pintar. Ketika Malaysia sedang memacu era bandar pintar, ia amat penting untuk sumber asli, terutamanya air bersih dan terawat supaya diurus dengan cekap dengan cara yang efisien. Meter pintar dikilang oleh syarikat dilengkapi dengan pelbagai pengesan dan pemancar wayarles, bacaan meter air yang lancar dan wayarles; dan tanpa memerlukan pemeriksaan atau bacaan secara manual. Ini menjimatkan masa dan sumber, serta memastikan integriti bacaan meter dengan mengurangkan kesilapan manusia. Syarikat ini juga menawarkan server data distribusi awan untuk merekodkan dan menganalisis sumber air dan terawat untuk kemampuan air yang lebih baik di masa hadapan. Syarikat ini komited untuk membuat penyelidikan dengan perbelanjaan R&D berjumlah sehingga RM20.5 juta bagi tempoh tiga tahun.
- Satu projek baharu oleh syarikat Malaysia dengan pelaburan sehingga RM5.6 juta untuk melaksanakan pemasangan dan integrasi pencetak 3D bahan tunggal dan pelbagai warna gred perindustrian. Perkilangan tambahan adalah salah satu teras untuk menyokong perkilangan pintar.

Additive manufacturing merupakan istilah untuk menerangkan set teknologi untuk mencipta objek 3D dengan menambah bahan yang berlapisan. Bahan-bahan yang digunakan terdiri daripada pelbagai jenis teknologi. Kini, bahan yang biasa digunakan adalah plastik, polimer dan serbuk logam. Kemajuan daripada perkilangan tambahan ini akhirnya akan membolehkan percetakan 3D tisu manusia. Pencetak 3D syarikat ini akan berdasarkan daripada teknologi *Fused Deposition Modelling*. Teknologi ini menggunakan titisan bahan termoplastik cair yang akan bergabung untuk menjadikan suatu bentuk. Apabila bahan tersebut semakin sejuk dan mengeras, satu objek 3D akan membentuk. Syarikat ini juga telah memfailkan paten di AS bagi pencetak 3D pelbagai warna di bawah kategori lapisan warna boleh diubati tenaga ultraungu (UV) di atas bahan asas telus atau lut. Apabila projek ini dilaksanakan, ia akan menjadi yang kedua seumpamanya yang mengilangkan pencetak 3D oleh syarikat tempatan.

Industri M&E moden di Malaysia bukan hanya memberi perkhidmatan sokongan bagi M&E yang diimport bagi perindustrian agrikultur dan berasaskan sumber. Dari masa ke masa, ia telah berkembang dan mencapai pengiktirafan global di kalangan pengilang proses khusus dan peralatan automasi berprestij, terutamanya

bagi industri elektrik dan elektronik (E&E) dan peralatan pengendalian bahan. Banyak syarikat Malaysia kini berubah daripada pengilang berkontrak kepada Pengilang Peralatan Asli (OEM), melabur dengan kuantiti besar dalam R&D, reka cipta kejuruteraan, inovasi dan integrasi sistem. Dengan keupayaan yang ditingkatkan dan penglibatan dalam aktiviti bernilai tambah tinggi melalui ekosistem M&E, syarikat-syarikat Malaysia telah mencapai pengiktirafan antarabangsa untuk mengintegrasikan dengan rantaian bekalan global. Paling menarik adalah warga Malaysia turut menggunakan pengetahuan dan sumber mereka ke arah pembangunan proprietari M&E tersendiri untuk eksport global. Industri M&E Malaysia berada di kalangan yang terbesar dan terkukuh di rantau ASEAN. Subsektor ini dikuasai oleh syarikat kecil dan sederhana yang menyediakan produk khusus dan menawarkan perkilangan *end-to-end* (pembekal penyelesaian menyeluruh) termasuk reka bentuk awal dan fasa pembangunan, sehingga fasa pengedaran dan logistik. Ini adalah untuk memenuhi permintaan yang kukuh daripada kedua-dua pasaran tempatan dan antarabangsa.

Prestasi eksport yang kukuh merupakan bukti terhadap kemantapan subsektor M&E, yang menyumbang lebih daripada lima daripada jumlah eksport barang perkilangan pada 2016 dan mencatat pertumbuhan yang baik dengan kadar CAGR sebanyak 4.3 peratus. Eksport M&E dijangka akan mencapai RM43 bilion pada 2020. Hala tuju masa depan bagi industri M&E akan

tertumpu kepada teknologi tinggi dan M&E bernilai tambah tinggi yang menggabungkan teknologi masa depan terutama, termasuk elektronik, robotik, bahan-bahan canggih serta integrasi perisian.

Bagi masa hadapan, industri M&E perlu mengukuhkan aktiviti teras mereka bagi R&D, D&D, prototaip, pembangunan perisian, integrasi sistem, pemasangan, ujian dan kalibrasi. Dengan adanya sumber manusia berkemahiran tinggi dan undang-undang perlindungan IP yang berkuatkuasa dengan kukuh, digabungkan dengan industri sokongan kejuruteraan dinamik yang membekalkan penyelesaian menyeluruh, Malaysia akan terus kekal menjadi lokasi pilihan yang berdaya saing bagi penyelesaian perkilangan dan teknologi pengeluaran dalam tahun-tahun akan datang.

INDUSTRI FABRIKASI LOGAM & SOKONGAN KEJURUTERAAN

Industri Fabrikasi Logam dan Sokongan Kejuruteraan (ESI) merupakan teras kepada asas pertumbuhan industri lain di Malaysia. Secara umum, perkilangan produk fabrikasi logam melibatkan proses khusus seperti pembengkokan, kimpalan dan aktiviti pemasangan manakala ESI merangkumi cetakan dan acuan, penuangan, pemesinan, pengecapan logam, rawatan haba dan aktiviti penempaan.

Kesemua subsektor ini menyumbang dengan banyak kepada sektor perkilangan dan perkhidmatan dan memerlukan



perubahan teknologi berterusan dan naik taraf kerana ia dipengaruhi oleh permintaan pengguna, kos pengeluaran dan daya saing di kalangan industri tersebut.

Produk fabrikasi logam merupakan produk perantaraan dan logam akhir merangkumi fabrikasi untuk minyak dan gas luar pesisir dan daratan, fabrikasi kilang pemprosesan dan perkilangan, pemesinan perindustrian dan struktur peralatan, fabrikasi komponen

dan juga fabrikasi logam bagi industri pembinaan.

Perkhidmatan fabrikasi tempatan bagi industri minyak dan gas menyediakan kerja fabrikasi untuk keperluan landasan penggerudian minyak luar pesisir termasuk pengeluaran jaket, modul, dek landasan, modul penginapan, paip & kili; dan pelbagai jenis produk fabrikasi bagi aktiviti daratan berkaitan dengan kilang penapis petroleum, kilang petrokimia dan kemudahan penyimpanan.

Bagi aplikasi am, produk fabrikasi logam termasuk peralatan seperti tangki, drum, kotak besi, tin, perabot dan lekapan logam, wayar dan produk wayar, produk logam bukan ferus dan perkakas rumah. Industri ini terus meningkat dan berkembang seiring dengan pertumbuhan Malaysia ke arah menjadi sebuah negara perindustrian.

Terkini, Malaysia diiktiraf di peringkat global atas keupayaannya dan kualiti pengeluaran yang konsisten dan juga penghantaran yang cepat serta dipercayai bagi pelbagai jenis produk kejuruteraan, terutamanya pemesinan lancar dan fabrikasi. Perkhidmatan fabrikasi logam Malaysia dan syarikat ESI terus mengekalkan kelebihan berdaya saing mereka dalam rantaian nilai dan bekalan global, berhadapan dengan persaingan yang meningkat daripada negara-negara jiran ASEAN seperti Vietnam, Indonesia dan Myanmar. Syarikat Malaysia berjaya memanfaatkan keupayaan mereka untuk mengeluarkan produk bernilai tambah tinggi dan campuran tinggi berisipadu rendah, menyediakan perkhidmatan bersepadu dengan konsep pengeluaran khusus yang memerlukan reka bentuk dan pembangunan piawai tinggi, jaminan kualiti yang ketat dan masa keseluruhan penghantaran yang pendek.



Sebagai tambahan, kerajaan kini menggalakkan kebanyakan syarikat untuk meningkatkan rantaian nilai dan menyediakan penyelesaian perkilangan menyeluruh untuk perindustrian mewah seperti

semikonduktor, pemesinan, perubatan, minyak dan gas serta bidang aeroangkasa selari dengan usaha Malaysia untuk menjadi lokasi pilihan bagi penyumberan luar global.

Industri fabrikasi logam dan ESI dipengaruhi oleh ketidaktentuan ekonomi global seperti Brexit, perubahan dalam pentadbiran AS, penurunan bagi ekonomi termaju dan harga minyak yang tidak stabil telah membawa kepada pertumbuhan yang lemah dan permintaan yang menurun daripada pembinaan bangunan dan sivil, minyak dan gas, dan sektor perindustrian lain yang berkaitan.

Projek Diluluskan pada 2016

Sebanyak 75 projek diluluskan bagi fabrikasi logam dan industri sokongan kejuruteraan pada 2016 dengan pelaburan berjumlah RM1.4 bilion. Empat puluh tujuh daripadanya merupakan projek baharu (RM901.5 juta atau 64.2%) dan 28 merupakan projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan berjumlah RM503.2 juta atau 35.8%).

Pelaburan domestik berjumlah RM769.2 juta (54.8%) dan pelaburan asing berjumlah RM635.5 juta (45.2%). Projek diluluskan pada 2016 dijangka akan menjana peluang pekerjaan untuk 3,718 orang.

Sebanyak 40 projek bernilai RM915.9 juta diluluskan bagi subsektor fabrikasi logam. Daripada ini, 31 merupakan projek baharu dengan pelaburan berjumlah RM625.1 juta (68.2%) dan sembilan merupakan projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan berjumlah RM290.9 juta (31.8%). FDI berjumlah sehingga RM398

juta (43.5%) manakala DDI berjumlah RM517.9 juta (56.5%).

Subsektor pemesinan menerima 15 projek dengan pelaburan berjumlah RM212.6 juta. Enam projek merupakan projek baharu dengan pelaburan berjumlah RM95.6 juta (44.9%) dan sembilan merupakan projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan berjumlah RM117 juta (55.1%). FDI berjumlah sehingga RM79 juta (37.2%) manakala DDI berjumlah RM133.6 juta (62.8%).

Sebanyak 13 projek bagi subsektor acuan dan cetakan disokong oleh pelaburan berjumlah RM111.1 juta. Ini merangkumi empat projek baharu dengan pelaburan domestik berjumlah RM54.4 juta (49%) dan sembilan projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan berjumlah sehingga RM56.7 juta (51%). FDI berjumlah RM22.4 juta (20.2%) manakala DDI berjumlah sehingga RM88.7 juta (79.8%).

Subsektor kejuruteraan permukaan menyumbang enam projek baharu dengan pelaburan berjumlah RM101.6 juta. Pelaburan asing berjumlah sehingga RM95.8 juta (94.3%) manakala pelaburan domestik berjumlah RM5.8 juta (4.2%).


Subsektor penempaan menerima satu projek tempatan baharu dan satu projek pembesaran milik asing dengan jumlah pelaburan sebanyak RM44 juta, dengan pelaburan asing berjumlah RM38.6 (87.7%) dan pelaburan domestik berjumlah sehingga RM5.4 juta (12.3%). Subsektor tuangan menyumbang dua projek baharu dengan pelaburan domestik sebanyak RM54.4 juta.

Projek diluluskan yang terbesar termasuk:

- Satu projek baharu oleh syarikat milik asing sepenuhnya dengan pelaburan berjumlah sehingga RM93.7 juta untuk perkilangan komponen optikal bersalut dan melaksanakan aktiviti penyalutan pemendapan wap fizikal. Ini merupakan kemudahan perkilangan pertama bagi syarikat tersebut yang berada di luar Eropah dan ia akan melengkapi ekosistem untuk industri berteknologi tinggi, khususnya keperluan penyalutan biofotonik, pengesan dan pengimejan, laser dan pertahanan, penyelesaian optikal automotif dan produk IoT. Syarikat ini akan mampu mencapai satu tahap ketepatan nanometer bagi setiap satu meter persegi penyalutan dan mampu menyalut sehingga 200 lapisan kedua-dua produk logam dan bukan logam. Projek kejuruteraan permukaan ini akan menjadi salah satu projek pemangkin yang mampu menarik lebih banyak pelaburan daripada penyelesaian perkilangan optikal canggih, terutamanya bagi pengesan dan pengimejan. Projek ini akan menggunakan 99 peratus bakat tempatan, dengan 61 peratus bagi peringkat pengurusan, kejuruteraan, teknikal dan penyeliaan. Hanya tiga orang ekspatriat diperlukan untuk memulakan projek ini. Ini merupakan bukti bahawa negara Malaysia dipandang tinggi kerana bakatnya

- yang muda, terlatih dan berpengetahuan.
- Projek pelbagaian oleh syarikat milik asing sepenuhnya untuk pengeluaran bahagian aluminium yang ditempa bagi industri automotif. Projek berorientasikan eksport yang bernilai RM38.6 juta ini akan menjadi yang pertama di Malaysia yang menggunakan aloi aluminium silikon tinggi untuk pengeluaran bahagian ditempa. Projek pelbagaian ini akan mengitar semula produk sekunder (slug aluminium) daripada kilang peleburan sedia ada syarikat tersebut sebagai sebagai bahan mentah untuk pengeluaran bahagian ditempa. Syarikat tersebut juga merupakan perintis bagi teknik penempaan cetakan tertutup di Malaysia. Teknik ini amat penting untuk pengeluaran penempaan bentuk kompleks hampir jadi yang memerlukan proses pemesinan sekunder yang minimal seperti pemangkasan, penyahgerigis dan pengisaran. Bahagian ditempa dibuat daripada aloi aluminium silikon tinggi yang sesuai untuk pemampat automotif, piston enjin dan piston angkup brek kerana mereka kebiasanya lebih ringan sambil mengekalkan kekuatan yang tinggi dan sifat mekanikal. Ini akan membolehkan pembendungan berat yang lebih ringan bagi kenderaan, lalu mengurangkan penggunaan bahan api. Ini selari dengan inisiatif kerajaan untuk menggalakkan pengeluaran Kenderaan Jimat Tenaga (EEV).
 - Satu projek besar daripada syarikat tempatan *tier-3* bernilai RM27 juta untuk menyokong industri aeroangkasa. Syarikat ini sedang berkembang untuk mengeluarkan acuan, jig dan lekapan serta pemesinan bagi bahagian kenderaan boleh terbang dan tidak boleh terbang. Antara bahagian kenderaan terbang adalah komponen bagi penutup kipas enjin, rusuk sayap dan meterai minyak berputar manakala bahagian kenderaan tidak boleh terbang termasuk pemasangan pemeriksaan jig untuk Airbus 320. Pelanggan mereka adalah pemain utama dalam industri aeroangkasa di Malaysia seperti Spirit Aerosystem, CTRM, UMW Aerospace, Senior Upeca dan SME Aerospace. Syarikat ini juga sedang berusaha untuk menjadi pengeluar tunggal bagi acuan invar untuk produk berdasarkan komposit.
 - Satu projek diluluskan yang terkenal dengan pelaburan berjumlah RM6.3 juta oleh syarikat tempatan baharu yang mengeluarkan jig dan lekapan untuk aktiviti pembaikan dan baik pulih bagi industri aeroangkasa. Airbus telah memilih syarikat ini untuk membekal jig untuk pembaikan komposit bagi program A320 dan A330 berdasarkan keupayaan kejuruteraan syarikat tersebut dalam reka bentuk dan analisis. Projek yang merupakan kontrak secara langsung daripada Airbus, akan terus melengkapi ekosistem aeroangkasa Malaysia.
 - Sebuah projek pembesaran bernilai RM104 juta oleh syarikat milik asing sepenuhnya untuk perkilangan kerajang aluminium fleksibel dan pelapik bagi penyelesaian pembungkusan untuk pelbagai industri termasuk

Pelaburan Diluluskan bagi Fabrikasi Logam dan Industri Sokongan Kejuruteraan Mengikut Subsektor 2016, (RM Juta)




<p>makanan dan minuman, produk pengguna, dan industri perubatan. Pembesaran ini akan menjadi kilang kelima di Malaysia dan akan dilengkapi dengan proses automasi untuk terus meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kebergantungan pada pekerja berkemahiran rendah.</p>	<p>ketat daripada Perkilangan Peralatan Asli (OEM) untuk menyumbang luar barang dan komponen serta perkhidmatan kejuruteraan jitu.</p>	<p>Produk rata merangkumi papak, plat, gegelung tergelek panas (HRC), gegelung tergelek sejuk (CRC), kepingan dan gegelung tergalvani bagi huluan dan pertengahan; dan produk hiliran seperti paip, tiub, plat timah dan produk fabrikasi logam.</p>
<p>Fabrikasi logam Malaysia dan ESI terus menjadi penyumbang terbesar kepada ekonomi. Pelaburan berkualiti diluluskan pada 2016, menunjukkan peralihan yang ketara ke arah teknologi lebih tinggi, produk bernilai tambah tinggi dan perkhidmatan.</p>	<p>Pembangunan masa depan bagi industri sokongan kejuruteraan akan tumpu kepada memperkuatkan perkhidmatan dan peningkatan keupayaan dan kualiti pengeluaran untuk menyediakan penyelesaian bersepadu. Industri ini sedang menuju ke arah pensijilan antarabangsa bagi pembekalan barang dan komponen minyak dan gas, aeroangkasa, peralatan perubatan dan industri solar/fotovoltaik. Melihat ke hadapan, syarikat Malaysia perlu bersatu padu untuk menjadi lebih berdaya saing untuk memberikan penyelesaian menyeluruh untuk menyokong pertumbuhan sektor perkilangan Malaysia, yang sedang bergerak ke arah industri teknologi tinggi, intensif modal dan bernilai tambah tinggi.</p>	<p>Penggunaan keluli yang jelas (ASC) oleh Malaysia pada 2016 dianggarkan sehingga 10.3 juta tan metrik dan menyasar untuk mencapai 16 juta tan metrik menjelang 2018. Kadar pertumbuhan tahunan bagi permintaan keluli diramalkan sebanyak empat peratus dari 2016 ke 2018.</p>
<p>Kini terdapat lebih daripada 2,000 syarikat ESI di Malaysia yang menyediakan produk dan perkhidmatan yang terdiri daripada acuan dan cetakan kepada fabrikasi logam. Dengan pelaburan bukan ekuiti yang semakin meningkat dan kemunculan perkilangan digital, ESI Malaysia berkedudukan di peringkat ‘pusat sehenti’ dengan menawarkan penyelesaian menyeluruh kepada pelanggan.</p>	<p>PRODUK LOGAM ASAS</p> <p>Industri besi dan keluli di Malaysia merangkumi aktiviti perkilangan huluan, pertengahan dan hiliran bagi ferus (besi dan keluli) dan logam bukan ferus (seperti aluminium, timah, tembaga, zink dan plumbum).</p>	<p>Berikutnya lebihan kapasiti pembekalan keluli global, China komited dalam memotong lebihan kapasiti ketidakcekapan perniagaan milik negeri yang akan membantu untuk mengurangkan pembekalan berlebihan dan menambahbaik harga. Baru-baru ini, penggabungan antara pemain-pemain industri keluli utama seperti Kumpulan Baosteel dan Kumpulan Wuhan Steel dijangka akan terus mengurangkan kapasiti terkini sebanyak 60 tan metrik. Meskipun dengan pembangunan ini, Malaysia terus menghadapi persaingan sengit daripada China disebabkan oleh lebihan kapasiti dan akibatnya, kilang keluli tempatan masih beroperasi di bawah kapasiti pengeluaran dan masih belum mencapai ekonomi skala. Walau bagaimanapun, pemain industri keluli tempatan terus mengekalkan operasi mereka dengan pertolongan yang disediakan oleh kerajaan melalui pelbagai remedi perdagangan yang membawa kepada penurunan dalam pengimportan keluli terutamanya dari China.</p>
<p>Sebagai satu ‘pusat sehenti’, Malaysia juga menawarkan perkhidmatan bersepadu yang terdiri daripada konsepsi produk (termasuk reka bentuk dan prototaip) kepada pengeluaran bersiri manakala pengurusan aliran proses secara keseluruhan termasuk perolehan, logistik, pembungkusan, ujian dan pensijilan. Ini telah mampu dicapai kerana penaiktarafan yang berterusan ke atas kemudahan dan pemerolehan teknologi terkini untuk memenuhi syarat yang</p>	<p>Secara umum, industri ini boleh dikategorikan kepada dua subsektor utama iaitu: Produk panjang merangkumi bilet, blooms, pembahagi, palang dan wayar rod bagi huluan dan pertengahan; dan produk hiliran seperti jaring dawai, pembentukan wayar halus, bolt dan nat.</p>	

Galakan pelaburan bagi industri keluli di Malaysia akan terus mengutamakan projek bersepadu dengan teknologi berseni yang menekankan ciri teknologi tinggi, bernilai tambah tinggi, jimat tenaga dan mesra alam. Pemain industri besi dan keluli tempatan digalakkan untuk meningkatkan rantai nilai menggunakan teknologi *less metal scrap* untuk membolehkan pengeluaran keluli gred lebih tinggi untuk menyokong industri perkilangan *high-end* seperti automotif, minyak dan gas, E&E dan industri pemesinan.

Berbanding dengan sektor logam ferus yang sudah ditubuhkan, masih terdapat potensi tinggi bagi sektor logam bukan ferus untuk terus berkembang di negara ini. Pemain utama dalam sektor ini terhad kepada subsektor industri aluminium yang mengeluarkan lembaran/kerajang aluminium, aluminium fin stok, jongkong aluminium (dikitar semula), rod aluminium dan aluminium berciri ekstrusi, dan subsektor tembaga yang mengeluarkan rod/wayar tembaga, jalur kuprum, tiub/ekstrusi tembaga dan logam berasaskan timah. Terkini dalam ekosistem hanya terdapat satu pengeluar dalam perkilangan huluan bukan ferus.

Projek Diluluskan pada 2016

Pada 2016, terdapat 19 projek diluluskan melibatkan perkilangan produk logam asas dengan pelaburan berjumlah RM4.9 bilion. Daripada ini, lapan merupakan projek baharu dengan pelaburan berjumlah sehingga RM0.4 bilion dan 11 merupakan projek pembesaran/pelbagaiannya dengan pelaburan berjumlah RM4.5 bilion.



Projek-projek ini dijangka akan menjana peluang pekerjaan untuk 3,345 orang.

Projek diluluskan yang besar pada 2016 termasuk: Satu projek pembesaran/pelbagaiannya bertempat di Sarawak oleh syarikat milik majoriti Malaysia dengan pelaburan tambahan berjumlah RM2.2 bilion. Syarikat ini akan menambahbaik kemudahan sedia ada untuk pengeluaran jongkong aluminium, jongkong aloy aluminium dan mempelbagai kepada produk pertengahan untuk mengeluarkan rod wayar aluminium dan rod wayar aloy aluminium. Projek bersepadu ini akan menampilkan proses elektrolisis canggih untuk industri aluminium di Malaysia yang menjimatkan tenaga dan mesra alam.

Satu projek dengan pelaburan tambahan berjumlah RM1.9 bilion oleh syarikat milik majoriti Malaysia untuk perkilangan bilet feronikel, bilet keluli tahan karat, jalur tergelek panas keluli tahan karat, tar arang batu dan gumpal semi kok serta untuk memulihkan kemudahan sedia ada mereka untuk perkilangan

produk panjang karbon keluli di Telok Kalong, Kemaman di Terengganu. Projek keluli tahan karat bersepadu ini akan membantu syarikat ini untuk menembusi pelbagai industri daripadanya alat memasak dan kutleri kepada alat pembedahan, automotif dan struktur aeroangkasa yang memerlukan ciri-ciri khusus dan berfungsi keluli tahan karat.

Sebuah syarikat milik majoriti Malaysia akan melaksanakan projek pembesaran/pelbagaiannya dengan pelaburan tambahan bernilai RM3.8 bilion untuk perkilangan dawai tembaga pelepasan pemesinan elektrik (EDM) dan pelbagaiannya kepada pengeluaran wayar keluli tahan karat dan aluminium. Projek ini akan memaparkan kenaikan bagi keupayaan teknikal dalam pengeluaran wayar terhalus untuk pemesinan EDM dengan diameter yang terdiri daripada 0.15mm hingga 0.07mm. Pelbagaiannya kepada wayar keluli tahan karat dan aluminium akan membolehkan syarikat tersebut untuk memasuki segmen pasaran baharu dalam industri automotif, semikonduktor dan peralatan perubatan.

Pembekal antarabangsa utama bagi lembaran keluli bersalut untuk industri bangunan dan pembinaan di Bukit Raja, Klang telah meningkatkan kemudahan mereka di Malaysia dengan memasang sistem penyalut canggih yang terkini. Pelaburan tambahan berjumlah RM65 juta adalah sebahagian daripada inisiatif mereka untuk terus mengautomasikan dan meningkatkan kemudahan pengeluaran yang membawa kepada peningkatan dalam kapasiti dan kelajuan pengeluaran tanpa menjedarkan kualiti produk. Penambahbaikan dalam teknologi ini adalah bagi menampung perubahan dalam jangkaan dan keperluan perniagaan daripada pelanggan mereka. Oleh itu, ia juga akan mewujudkan potensi untuk meningkatkan bakat dan mengurangkan pekerja kurang mahir di negara ini.

Meskipun pertumbuhan yang lemah bagi ekonomi pada 2016, industri besi dan keluli akan terus memainkan peranan penting dalam membentuk lanskap perindustrian Malaysia dengan menjanakan kesan limpahan pada aktiviti ekonomi merentasi sektor-sektor industri seperti sektor perlombongan, perkilangan dan infrastruktur.

Menjelang 2020, Malaysia menyasar untuk meningkatkan permintaan keluli tempatan daripada 10.4 juta tan metrik kepada 16.5 juta tan metrik yang akan ditampung oleh peningkatan pengeluaran tempatan kepada nisbah import daripada 60:40 kepada 70:30. Pembesaran bagi pengeluaran keluli dijangka akan menyaksikan peningkatan dalam peluang pekerjaan daripada 160,000 kepada 220,000 pekerjaan.

ia amat penting bagi pemain industri keluli Malaysia untuk meneroka segmen pasaran baharu daripada bertumpu kepada segmen pasaran tradisional seperti sektor pembinaan dengan mengeluarkan keluli gred dan berkualiti lebih tinggi untuk menyokong aktiviti perkilangan lebih canggih seperti automotif, aeroangkasa, peralatan perubatan dan elektronik. Pelarasian seumpama ini amat penting untuk memampangkan industri besi dan keluli serta penyusunan semula daya saing Malaysia di peringkat serantau dan global. Penyusunan semula ini memerlukan sokongan untuk kesenangan akses teknologi melalui usaha sama dengan rakan kongsi asing atau kerjasama rapat dengan institusi teknikal tempatan. Bakat Malaysia juga memerlukan peningkatan untuk dilengkapi dengan pengetahuan tentang teknologi tercanggih.

Bagi mengembangkan bakat sedia ada, Institut Logam Malaysia (MSI) telah dilantik sebagai Badan Peneraju Industri (ILB) bagi sektor besi dan keluli oleh Kementerian Sumber Manusia. Mereka akan melaksanakan Analisis Pekerjaan untuk industri besi dan keluli serta membangunkan dan mengkaji Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) dalam memenuhi keperluan industri.

Penggabungan antara pemain-pemain industri keluli Malaysia amat digalakkan dan ia akan menjadi pengubah strategi bagi industri itu untuk menggunakan pakai model perniagaan baharu yang lebih mampan dan berdaya saing seperti yang dibuktikan oleh

China. Penggabungan ini, terutamanya antara industri huluan dan pertengahan mampu mewujudkan integrasi dan membolehkan syarikat untuk menjadi lebih berdaya saing dengan mengoptimumkan sumber mereka apabila membida untuk projek tempatan atau luar negara.

Malaysia kini sedang menggalakkan Sistem Binaan Berindustri (IBS) untuk diguna pakai oleh industri pembinaan. Pemain industri tempatan perlu mengamalkan standard baharu ini dalam mengeluarkan bahan binaan berdasarkan standard IBS yang ditetapkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) untuk mengekalkan atau mengembangkan bahagian pasaran tempatan mereka. Ini amat penting bagi pemain industri tempatan untuk memanfaat daripada pembangunan projek mega terkini yang dilaksanakan oleh kerajaan dan sektor swasta iaitu Forest City di Johor, Melaka Gateway, Mass Rapid Transit (MRT) dan Bandar Malaysia di Sungai Besi, Kuala Lumpur.

TEKSTIL DAN PRODUK TEKSTIL

Industri tekstil dan produk tekstil merangkumi kedua-dua aktiviti huluan (tekstil utama) dan hiliran (pakaian, produk tekstil dan aksesori). Pada 2016, industri ini merupakan penyumbang eksport ke-10 terbesar dengan jumlah eksport sebanyak RM12.6 bilion dan menyumbang kira-kira 2.1 peratus kepada jumlah eksport Malaysia bagi barang perkilangan.

Turki menjadi pasaran eksport utama bagi produk tekstil dari Malaysia, menyumbang sebanyak RM776.7 juta (11.4%) daripada jumlah keseluruhan eksport industri tersebut diikuti oleh Jepun dan Indonesia. Pada 2016, sebanyak lapan projek diluluskan bagi industri tekstil dan produk tekstil dengan jumlah pelaburan RM763.4 juta. Pelaburan domestik berjumlah sehingga RM401 juta (52.5%) manakala pelaburan asing berjumlah RM362.4 juta (47.5%).

Daripada jumlah projek diluluskan, dua merupakan untuk tekstil utama (RM698 juta), dua untuk pakaian beli siap (RM1.2 juta) dan empat untuk produk tekstil/aksesori (RM64.2 juta). Daripada lapan projek diluluskan, empat merupakan projek baharu (RM456 juta) manakala bakinya adalah projek pembesaran/pelbagai (RM307.4 juta). Projek diluluskan dijangka akan menjana 344 peluang pekerjaan yang mana 143 bagi kategori pengurusan, teknikal dan penyeliaan. Antara pekerjaan berpendapatan tinggi yang akan diwujudkan termasuk jurutera, pengawal kualiti dan juruteknik berkemahiran tinggi.

Projek Diluluskan pada 2016


Projek diluluskan yang utama bagi 2016 adalah terdiri daripada syarikat milik majoriti Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM410 juta. Syarikat-syarikat ini bercadang untuk melaksanakan pengeluaran kain polister dikait dengan pelaburan bagi pemesinan canggih dari Jerman dan kemudahan mesra alam untuk memodenkan proses mengait, pencelupan dan kemasan bagi pakaian mewah. Ia memberikan regangan tinggi, kemampunan, kiraan benang halus dan ciri kain berprestasi berfungsi bagi pakaian bersukan dan pakaian kasual untuk jenama Nike, Under Armour dan Adidas. Projek ini akan membawa kepada kewujudan peluang pekerjaan yang banyak di daerah Kluang, Johor. Potensi pasaran adalah 60 peratus bagi pasaran domestik.

Selain daripada projek di atas, terdapat sebuah projek besar dengan pelaburan sebanyak RM287.9 juta untuk kain bukan tenunan. Ini merupakan pembesaran bagi projek milik asing yang bertumpukan produk bernilai tambah

tinggi dan penambahbaikan produk sedia ada yang mendemonstrasikan komitmen kepada pelaburan jangka masa panjang dan mampan di Malaysia. Pasaran eksport yang kukuh terus dikuatkan oleh kenaikan dalam jualan dan output pengeluaran dengan permintaan tertinggi daripada jenama bernilai tinggi iaitu Kimberly Clark, Procter & Gamble, SCA dan 3M. Tambahan itu, pembesaran syarikat tersebut serta fokus berterusan bagi penyelidikan dan pembangunan produk baharu berkualiti tinggi akan menawarkan pelbagai peluang pekerjaan kepada pekerja tempatan berkemahiran. Komitmen mereka kepada latihan akan memberi manfaat kepada pekerja dalam memperoleh pengetahuan dan pengalaman dalam inovasi dan pembangunan teknologi terkini.

Maju ke hadapan, industri tekstil masih relevan dan perlu digalakkan terutamanya bagi peluang pemasaran serta aktiviti huluan. Di bawah Bajet Malaysia 2015, kerajaan mengenalkan insentif cukai baharu, iaitu, Elaun Modal Automasi (ACA) dengan objektif untuk memacu peralihan bagi perkilangan dan sektor perkhidmatan, daripada berintensif buruh kepada nilai tambah tinggi, berintensif pengetahuan dan industri berdasarkan inovasi.

Pelaburan Diluluskan bagi Industri Tekstil dan Produk Tekstil Mengikut Subsektor 2016, (RM Juta)



PRODUK MINERAL BUKAN LOGAM

Industri mineral bukan logam merupakan penyumbang eksport Malaysia ke-15 terbesar pada 2016 dengan jumlah eksport sehingga RM5.6 bilion atau kira-kira 0.7 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport negara bagi barang perkilangan.

Industri ini merangkumi seramik dan produk berasaskan tanah liat, simen dan produk konkrit, produk kaca, produk mineral bukan logam lain seperti kapur tohor, barit, marmar dan granit, serta komponen Sistem Binaan Perindustrian (IBS). Eksport utama pada 2016 termasuk pengilang mineral (RM2.3 bilion), kaca dan barang kaca (RM1.9 bilion); dan mineral pembinaan tanah liat serta mineral pembinaan refraktori (RM772.3 juta).

Singapura adalah destinasi eksport utama bagi produk mineral bukan logam Malaysia, menyumbang RM2.0 bilion (36.2%) daripada jumlah keseluruhan industri diikuti oleh Jepun dan Republik Korea.

Sebanyak 34 projek mineral bukan logam dengan pelaburan berjumlah RM3 bilion diluluskan pada 2016. Daripada ini, 16 projek adalah baru dengan nilai pelaburan RM2.2 bilion manakala selebihnya 18 merupakan projek pembesaran/pelbagaiian berjumlah sehingga RM0.7 bilion. Pelaburan domestik berjumlah RM1.1 bilion (35.9%) dan pelaburan asing berjumlah sehingga RM1.9 bilion (64.1%). Daripada kesemua projek dan pelaburan ini, 11 projek untuk komponen IBS, 10 untuk seramik dan produk berasaskan tanah liat, tiga untuk produk konkrit dan tiga lagi untuk produk bukan logam.


Projek Diluluskan pada 2016

Antara projek diluluskan yang besar pada 2016 adalah projek syarikat milik asing sepenuhnya dengan pelaburan berjumlah RM1.1 bilion untuk pengeluaran komponen IBS. Projek ini akan menggunakan pakai IBS sebagai penyelesaian utama untuk perniagaan pembangunan harta tanah mereka yang meluas bagi memastikan bekalan yang selamat dan berterusan bagi komponen pembinaan

berkualiti tinggi di dalam serta luar negara. Projek ini akan melaksanakan falsafah lebih maju berkaitan mesra alam dan pembinaan hijau menggunakan teknologi automasi terkini dari Eropah. Projek ini akan menjadi kemudahan pasang siap terbesar di Malaysia dengan rantaian bekalan lengkap yang mengintegrasikan pelbagai perkhidmatan reka bentuk, perkilangan dan pemasangan.

MIDA akan terus menggalakkan aktiviti huluan bagi pengilang IBS untuk pengeluaran bahan-bahan, bahagian dan komponen. Ia juga akan mengintegrasikan proses rantaian bekalan dengan menggunakan pakai pendekatan ekosistem. MIDA juga merasakan bahawa ia perlu mengenal pasti jurang industri produk mineral bukan logam bagi membantu industri pembinaan untuk menambah baik prestasi mereka, terutamanya dalam mengamalkan cara-cara inovatif untuk menjadikan aktiviti mereka lebih mampan. Ini juga bagi mengurangkan kebergantungan yang kuat industri pembinaan kepada pekerja untuk menjadi lebih berdaya saing dalam dunia terkini yang berdaya saing. IBS yang merupakan ekosistem pembinaan yang moden dan menyeluruh, akan memenuhi matlamat tersebut dengan baik. Ia akan menjadi selari dengan teras produktiviti bagi Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP), dilancarkan pada 10 September 2015. CITP juga mengenal pasti teknik pembinaan moden sebagai salah satu pemacu utama untuk meningkatkan produktiviti sebanyak dua setengah kali ganda.

Pelaburan Diluluskan bagi Industri Produk Mineral Bukan Logam Mengikut Subsektor 2016, (RM Juta)





CITP, yang berhasrat untuk meningkatkan penggunaan pembinaan IBS di Malaysia, adalah agenda kebangsaan untuk mengubah industri pembinaan. Ia mempunyai objektif utama iaitu untuk mengubah industri pembinaan ke arah produktiviti tinggi dan mampan alam sekitar dengan pemain berdaya saing di peringkat global yang bertumpu dengan kuat kepada standard keselamatan dan kualiti.

Baru-baru ini kerajaan mengumumkan insentif bagi syarikat perkilangan komponen IBS supaya dipertimbangkan untuk sama ada Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan (ITA). Insentif-insentif ini adalah efektif bagi permohonan diterima oleh MIDA dari 10 September 2015 hingga 31 Disember 2020. Apa-apa pengimportan pemesinan, peralatan dan bahan mentah digunakan secara langsung untuk perkilangan komponen IBS dan tidak boleh didapati dari dalam negara berhak mendapat pengecualian duti import.

Tinjauan terkini bagi pelaksanaan IBS di Malaysia

kelihatan menggalakkan sebagaimana CITP akan memacu ke era kemajuan dan pertumbuhan dalam industri pembinaan menjelang 2020.

PERALATAN PERUBATAN

Saiz pasaran peralatan perubatan global pada 2015 telah dijangka bernilai AS\$324 bilion, di mana 49 peratus dikuasai oleh AS diikuti oleh Eropah Barat pada 24 peratus dan Asia Pasifik sebanyak 20 peratus. Berdasarkan kaji selidik dibuat oleh Persatuan Industri Perubatan Malaysia (AMMI), lebih dari 90 peratus peralatan perubatan dikilangkan di Malaysia dieksport ke seluruh dunia, terutamanya ke AS, Eropah dan Jepun. Di bawah RMK-11 bagi pembangunan nasional (2016-2020), industri peralatan perubatan dikenal pasti sebagai salah satu sektor yang mempunyai pertumbuhan pesat di samping subsektor aeroangkasa, kimia, elektronik dan pemesinan.

Pertumbuhan bagi 200 pengilang peralatan perubatan sedia ada di Malaysia akan

terus mencepatkan kesedaran tentang sasaran di bawah RMK-11. Daripada 200 syarikat tersebut, 30 merupakan syarikat multinasional (MNC), 50 syarikat besar tempatan (LLC) dan 120 adalah perusahaan kecil dan sederhana.

Pada 2016, eksport peralatan perubatan bernilai RM15.8 bilion. Daripada jumlah ini, RM7.9 bilion adalah eksport sarung tangan perubatan, menyumbang sebanyak 49.8 peratus daripada jumlah eksport peralatan perubatan. Eksport utama yang lain termasuk instrumen dan peralatan perubatan, pembedahan, pergigian atau sains veterinar (RM2.5 bilion), tiub pakai buang untuk cecair intravena, kanula (RM1.9 bilion), peralatan elektro-diagnostik (RM672.2 juta) dan kanta lekap (RM658.9 juta).

Industri peralatan perubatan di Malaysia telah bersedia untuk meneruskan pertumbuhan mereka sebagai pemain industri sedia ada yang bergerak ke arah projek pembesaran dan pelbagai. Ini dibuktikan oleh kenaikan jumlah pelaburan dan bilangan projek diluluskan pada 2016 berbanding pada 2015. Sebanyak 41 projek dengan pelaburan berjumlah RM2.9 bilion diluluskan pada 2016. Sebanyak 26 daripadanya adalah projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan berjumlah RM1.6 bilion (56.6%) dan 15 adalah projek baharu dengan pelaburan berjumlah RM1.2 bilion (43.4%). Pelaburan asing berjumlah sehingga RM1.6 bilion (55.4%) manakala pelaburan domestik berjumlah RM1.3 bilion (44.6%).



Projek-projek ini dijangka akan menjana peluang pekerjaan untuk 7,386 orang.

Antara projek diluluskan terbesar adalah:

- Projek pelbagai oleh syarikat milik asing sepenuhnya dengan pelaburan berjumlah RM539.1 juta bagi perkilangan peralatan perubatan untuk bahagian dan komponen kardiologi, kardiovaskular, neurologi dan yang berkaitan. Produk-produk ini akan dikilangkan menggunakan teknologi inovatif terkini dan tiada produk sama kini diluluskan/dikeluarkan di Malaysia. Kemudahan ini akan menjadi yang pertama di rantau Asia dan akan memberikan peluang perniagaan yang bagus

dari segi penjenamaan dan promosi. Keseluruhan pengeluaran ini bertujuan untuk eksport.

- Satu projek baharu oleh syarikat milik asing sepenuhnya untuk perkilangan komponen jantung berstruktur, peranti biopsi endoscopi, dan untuk memberikan perkhidmatan pemasakan peralatan modal. Projek ini akan meningkatkan pengetahuan pekerja tempatan melalui program latihan dan pemindahan teknologi maju tinggi ke dalam Malaysia. Di samping itu, ia juga akan bekerjasama dengan universiti tempatan untuk membangunkan bakat dalam bidang peranti perubatan. Sebanyak 99 peratus produk dikeluarkan untuk pasaran eksport.

Malaysia sudah lama menjadi lokasi menarik bagi MNC dalam industri peranti perubatan untuk penubuhan kemudahan perkilangan. Setiap tahun, Malaysia menerima pelaburan daripada MNC baharu daripada pelbagai negara, terutamanya dari AS dan Eropah. Strategi kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab perkilangan kontrak bagi peranti perubatan bernilai tambah tinggi telah membantu untuk membentangkan keupayaan cemerlang infrastruktur Malaysia dengan berkesan dan sumber-sumber untuk perkilangan produk berteknologi tinggi. Sehingga kini, Malaysia berada di barisan hadapan bagi industri peranti perubatan di Asia Tenggara.

Bilangan projek yang meningkat daripada MNC

juga memberikan platform kepada syarikat tempatan untuk menyokong MNC dengan membekalkan bahagian dan komponen peranti perubatan serta memberikan perkhidmatan seperti pensterilan, pembungkusan dan ujian. Sebagai tambahan, kewujudan MNC di Malaysia menggalakkan kerjasama yang baik dengan universiti dan institusi penyelidikan tempatan bagi pembangunan produk baharu dan sumber manusia.

Secara keseluruhan, kerajaan telah membangunkan rantaian bekalan tempatan menyeluruh merangkumi kedua-dua pemain industri global dan tempatan. Di samping itu, kewujudan industri sokongan peranti perubatan yang kukuh daripada perkhidmatan pensterilan, pembungkusan perubatan steril, kejuruteraan jitu, pembuatan alat dan cetakan untuk acuan dan pemasangan kontrak, fabrikasi pemesinan dan perkhidmatan perkilangan elektronik, juga meletakkan Malaysia sebagai destinasi sumber luar dan hab perkilangan peranti perubatan di kalangan ASEAN.

Selepas kebangkitan vendor tempatan, Malaysia lebih yakin bahawa lebih banyak syarikat asing akan tertarik untuk melabur dalam negara ini dan memanfaatkan diri mereka kepada rantaian bekalan dan ekosistem yang telah ditubuhkan dan telah dipelihara sejak bertahun lalu. Dalam hal ini, MIDA dengan kerjasama SME Corporation Malaysia, menganjurkan program rantaian bekalan bagi industri rantaian bekalan pada 2016. MIDA juga telah

menubuhkan Panel Penasihat Pelaburan Peralatan Kesihatan (MDIAP) untuk terus memacu industri industri ke peringkat seterusnya.

Bidang tumpuan mereka termasuk peralatan elektroperubatan, peranti kardiovaskular, peranti ortopedik, produk diagnostik *in vitro*, produk penjagaan luka, perkilangan kontrak untuk R&D, peranti dan peralatan perubatan, serta produk daripada penumpuan teknologi. Melalui platform ini, Malaysia berhasrat untuk memberi kemudahan lebih baik kepada syarikat berpangkalan Malaysia untuk mencapai matlamat mereka untuk menjadi juara global.

Sebagai tambahan, kerajaan telah menubuhkan Majlis Eksport Negara merangkumi 12 sektor, termasuk peranti perubatan. Majlis ini mentakrifkan pelan tindakan untuk memampangkan pertumbuhan eksport. Di bawah kumpulan tumpuan bagi industri peralatan perubatan, eksport bagi peralatan perubatan dijangka akan meningkat kepada RM27.3 bilion menjelang 2020 dengan kadar pertumbuhan tahunan terkumpul sebanyak 12 peratus.

MIDA juga memulakan beberapa kajian berkaitan dengan pembangunan bakat, kemajuan teknologi dan pembangunan industri untuk terus mempromosikan industri peralatan perubatan di Malaysia. Projek diluluskan pada 2016 selari dengan sasaran pembangunan perindustrian di bawah RMK-11. Daripada bilangan pekerja yang diambil untuk projek diluluskan pada

2016, 1,082 orang akan berada di kategori pengurusan, teknikal dan penyeliaan dan 380 orang menerima upah sebanyak RM5,000 ke atas sebulan.

Daripada 41 projek diluluskan, 30 (73.1%) adalah berorientasikan eksport dengan peratus eksport sebanyak 80 peratus ke atas. Selain itu, 37 projek (90.2%) yang akan mengilangkan peralatan perubatan bernilai tambah tinggi dengan nilai tambah lebih dari 40 peratus. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan projek diluluskan berdasarkan kualiti dan pengetahuan, dan dijangka akan menyumbang banyak kepada pendapatan eksport. Ini juga bermakna kerajaan berada di arah yang betul untuk mencapai matlamat menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

FARMASEUTIKAL

Saiz pasaran global bagi produk farmaseutikal dijangka akan mencapai AS\$1.2 trilion menjelang 2016. Segmen-segmen yang baru muncul adalah biologi dan generik. Pertumbuhan perbelanjaan global tahunan bagi perubatan telah dijangka akan meningkat kepada AS\$70 bilion pada 2016, dipacu oleh pertumbuhan volum dalam pasaran baru muncul dan perbelanjaan lebih tinggi oleh negara-negara maju. Peningkatan ini didorong oleh kenaikan pendapatan dan pengembangan makroekonomi, serta kenaikan akses kepada ubat-ubatan disokong melalui pelbagai dasar dan program kerajaan.

Produk farmaseutikal terkini yang dikilang di Malaysia bertumpu kepada ubat generik. Kira-kira 65 hingga 80 peratus ubat tersebut perlu diimport, terutamanya antibiotik generasi baharu, penurun kolesterol, anti-diabetis, kardiovaskular dan ubat anti-kanser. Negara-negara utama yang menjadi pengimpor adalah Jerman, Perancis dan United Kingdom.

Malaysia mempunyai lebih daripada 50 syarikat farmaseutikal yang mempunyai keupayaan untuk menghasilkan generik dalam hampir kesemua bentuk dos, termasuk penyediaan steril, suntikan dan kapsul gelatin lembut bagi antibiotik, bahan suntikan, penahan sakit dan suplemen kesihatan.

Pada 2016, sebanyak 258 kemudahan perkilangan dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (DCA), Kementerian Kesihatan Malaysia, dikategorikan oleh 149 (57.7%) jenis ubat tradisional, 87 (33.7%) farmaseutikal dan 11 (4.3%) produk veterinar, lapan (3.1%) suplemen kesihatan tradisional dan tiga (1.2%) suplemen kesihatan. Jumlah tergabung sebanyak 24,228 produk farmaseutikal didaftarkan dengan DCA, merangkumi ubat tradisional (51.5%), preskripsi (28.3%), bukan preskripsi (16.7%), suplemen kesihatan (3.8%) dan ubat veterinar (0.3%). Selain daripada membekal produk farmaseutikal kepada pasaran domestik, syarikat farmaseutikal di Malaysia mengeksport dengan aktif produk mereka seperti ubat-ubatan, pro-vitamin dan antibiotik kepada pengguna di Asia Tenggara, Afrika dan Timur

Tengah. Pertumbuhan eksport kekal stabil pada 10 ke 12 peratus setiap tahun. Pada 2016, eksport produk farmaseutikal bernilai RM1.5 bilion.

Sebanyak 9 projek dengan pelaburan berjumlah RM916.3 juta diluluskan pada 2016. Daripada ini, lima merupakan projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan berjumlah RM723.6 juta (68.1%) dan empat merupakan projek baharu dengan pelaburan berjumlah RM292.7 juta (31.9%). Pelaburan asing berjumlah sehingga RM644.2 juta (70.3%) manakala pelaburan domestik berjumlah RM272.1 juta (29.7%). Projek-projek ini dijangka akan menjana peluang pekerjaan untuk 570 orang.

Antara projek diluluskan terbesar adalah:

- Satu projek oleh syarikat milik asing sepenuhnya dengan jumlah pelaburan lebih daripada RM1 bilion untuk perkilangan insulin dan analog, protin-insulin DNA terapeutik dan analog serta antibodi monoclonal begitu juga rekombinan insulin manusia buatan Malaysia yang pertama. Projek ini juga mempunyai

pusat R&D berintegrasi sepenuhnya yang mengambil lebih daripada 40 ahli sains Malaysia untuk mendorong penerokaan dan kajian ubat dalam membangunkan produk biofarmaseutikal biosimilar untuk terus menyokong pertumbuhan arena Biotech R&D Malaysia. Terkini, projek tersebut mengambil kira-kira 400 graduan tempatan dalam kedua-dua bidang sains dan teknikal (S&T) dengan indeks S&T sebanyak 87 peratus. Dengan pengkomersialan projek tersebut, simpanan pertukaran asing berpotensi terakru kepada ekonomi Malaysia dengan bekalan produk keluaran tempatan untuk diabetis.

- Sebuah syarikat milik asing sepenuhnya telah membuat pelaburan sebanyak RM201 juta untuk perkilangan ubat generik. Projek ini akan membina pusat R&D dan kemudahan perkilangan mengikut standard Pentadbiran Makanan dan Dadah Amerika Syarikat. Projek ini akan mewujudkan peluang pekerjaan untuk 176 orang, termasuk 144



<p>warga Malaysia dalam bidang sains dan teknikal, iaitu farmasi, biologi dan kimia. Ini akan menjadi projek farmaseutikal pertama di Malaysia yang akan menembusi pasaran AS. Syarikat ini juga bekerjasama dengan universiti tempatan seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia bagi mendapatkan set kemahiran yang diperlukan.</p>	<p>teknologi melalui kerjasama dengan institusi penyelidikan tempatan bagi kajian dan pembangunan aktiviti serta pembangunan bakat tempatan.</p>	<p>Maju ke hadapan, MIDA akan bermula secara proaktif dalam menyelaras kerjasama antara institusi penyelidikan/universiti dan industri bagi aktiviti R&D, pengkomersialan penemuan R&D serta pembangunan bakat.</p>
<ul style="list-style-type: none"> Projek pembesaran oleh syarikat milik Malaysia sepenuhnya dengan pelaburan berjumlah RM117.8 juta untuk perkilangan larutan intravena dan larutan irigasi. Projek ini dijangka akan melatih lebih ramai graduan dari universiti tempatan, terutamanya dalam kemahiran teknikal. Projek ini telah mengenal pasti kira-kira 100 vendor tempatan untuk program pembangunan vendor dalam pelbagai bidang seperti logistik, pembungkusan, komponen, bahan mentah, kejuruteraan dan elektrik. 	<p>Di bawah RMK-11, strategi bagi hala baharu untuk industri perkilangan farmaseutikal halal dijangka akan menetapkan nilai dan identiti tinggi kepada produk yang pelbagai dan kompleks. Pengilang Malaysia juga menggunakan pakai strategi-strategi ini dan beralih kepada pengeluaran farmaseutikal halal dengan cara meningkatkan pematuhan kepada standard, pensijilan, dan ujian yang akan mewujudkan akses pasaran lebih besar.</p>	<p>Beberapa institusi penyelidikan/universiti telah dikenal pasti bagi inisiatif ini. Sebagai tambahan, MIDA telah memulakan beberapa kajian berkaitan pembangunan bakat, pemajuan teknologi dan pembangunan industri untuk terus mempromosikan industri farmaseutikal di Malaysia. Hasil daripada inisiatif ini adalah peningkatan kapasiti dan keupayaan industri ini dalam pembangunan modal insan dan produktiviti.</p>
<p>Industri farmaseutikal di Malaysia sebelum ini dikuasai oleh pemain tempatan. Bagaimanapun, tiga tahun yang lalu, terdapat peningkatan kepentingan daripada pemain asing untuk menubuhkan syarikat farmaseutikal mereka tersendiri di Malaysia. Penglibatan daripada pemain asing untuk perkilangan produk dan bahan-bahan farmaseutikal kompleks telah memberi manfaat kepada industri farmaseutikal dalam negara, terutamanya bagi pemindahan</p>	<p>Penubuhan kemudahan farmaseutikal baharu oleh pemain asing untuk menampung pasaran ASEAN akan membuatkan Malaysia sebagai hab perkilangan mereka dan terus memajukan industri ini melalui penjenamaan produk farmaseutikal buatan Malaysia. Ini juga akan menggalakkan kewujudan pemain tempatan untuk maju ke hadapan dalam menaik taraf operasi terkini mereka bagi memenuhi permintaan pasaran ke atas produk seumpama itu. MIDA telah menubuhkan Panel Penasihat Pelaburan Farmaseutikal (PharmIAP) untuk memberikan strategi kepada kerajaan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bagi pembangunan industri farmaseutikal untuk ke peringkat keupayaan dan daya saing yang seterusnya. Bidang tumpuan mereka adalah biofarmaseutikal/biologi seperti vaksin dan biosimilars, ubat onkologi, entiti kimia baharu, bahan aktif farmaseutikal (API), eksipien/kimia farmaseutikal dan phyto-perubatan.</p>	<p>Trend bagi pembangunan teknologi bagi industri farmaseutikal di Malaysia kini beralih daripada ubat generik kepada ubat-ubat barisan sempadan dan kompleks, iaitu biologi seperti vaksin dan biosimilars, API dan ubat onkologi. Dengan rangka kerja kawal selia, standard, pematuhan dan perjanjian pengiktirafan bersama, pengilang farmaseutikal Malaysia mampu mengakses kepada pasaran baru muncul terbaru seperti negara-negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Sri Lanka, Vietnam, Thailand dan Indonesia.</p> <p>Daripada jumlah pengambilan pekerja bagi projek diluluskan pada 2016, 345 kakitangan (60.5%) berada di kategori pengurusan, teknikal dan penyeliaan dan 155 kakitangan (27.2%) dengan gaji jangkaan sebanyak RM5,000 ke atas bagi setiap bulan. Lima (55.6%) daripada sembilan</p>

projek yang diluluskan adalah berorientasikan eksport dengan peratus eksport sebanyak 80 peratus ke atas. Semua projek diluluskan mengilang produk farmaseutikal bernilai tambah tinggi dengan nilai tambah lebih daripada 40 peratus, satu gambaran jelas bahawa trend kelulusan sedang mara ke arah perkilangan produk farmaseutikal kompleks dan barisan sempadan di Malaysia dengan kandungan bernilai tambah tinggi.

BIOTEKNOLOGI

Malaysia merupakan salah satu daripada 17 negara mega-pelbagai yang dikenal pasti oleh Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNEP) kerana memiliki majoriti daripada spesis bumi, yang mungkin mempunyai manfaat yang besar terhadap generasi masa hadapan. Memandangkan Malaysia dikurniakan dengan sumber-sumber asli dalam pertanian, perhutanan dan mineral, ia merupakan pendahulu untuk menerima bioteknologi sebagai enjin ekonomi baharu bagi pembangunan yang mampan.

Menjelang 2020, kerajaan menjangkakan sektor ini akan mengambil seramai 160,000 orang pekerja dan akan dapat menyumbang tidak kurang daripada lima peratus daripada KDNK negara. Sektor ini juga dijangka akan menjana RM248 bilion pendapatan pada masa itu.

Teknologi platform bagi bioteknologi seperti pengubahsuaian genetik, penjurujan DNA, bioinformatik dan kejuruteraan laluang

metabolik mempunyai kegunaan komersial dalam beberapa bidang aplikasi. Aplikasi kesihatan manusia termasuk terapeutik, diagnostik, farmakogenetik bagi menambah baik amalan mempreskripsi, makanan kesihatan dan nutraceutical, dan beberapa peranti perubatan. Aplikasi perindustrian merangkumi penggunaan proses bioteknologi untuk menghasilkan kimia, plastik dan enzim. Dalam aplikasi persekitaran, ia digunakan bagi biopemulihan dan biopenderia, kaedah untuk mengurangkan kesan persekitaran atau kos pengekstrakan sumber, dan penghasilan biofuel. Adalah dijangkakan bahawa kira-kira setengah daripada pengeluaran global terkini bagi makanan utama, makanan ternakan dan tanaman bahan mentah perindustrian kemungkinan datang daripada pelbagai tumbuhan yang dimajukan menggunakan proses bioteknologi. Bioteknologi ini termasuk bukan sahaja pengubahsuaian genetik bahkan juga intragenik, rombakan gen dan pemilihan dibantu penanda. Bioteknologi juga digunakan bagi menambahbaik ternakan untuk produk tenusu dan daging yang menyumbang kepada kemajuan pelbagai haiwan yang boleh menghasilkan farmaseutikal berharga atau sebatian lain dalam susu. Bagi kesihatan, pengetahuan bioteknologi akan memainkan peranan dalam pembangunan kesemua jenis terapi.

Pada 2016, 18 projek bioteknologi menerima Status BioNexus dan empat projek diluluskan bagi Lesen Perkilangan di bawah Akta

Penyelarasian Perindustrian, 1975, dengan jumlah pelaburan bernilai RM464.9 juta.

Pelaburan baharu dalam subsektor bioteknologi terus berkembang dengan peratusan tertinggi datang dari barisan hadapan domestik dengan pelaburan berjumlah RM408.1 juta (87.8%), manakala pelaburan asing menyumbang sebanyak RM56.8 juta (12.2%) daripada jumlah pelaburan diluluskan pada 2016. Projek-projek diluluskan ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 776 peluang pekerjaan.

Antara projek diluluskan terbesar adalah projek baharu oleh syarikat milik Malaysia sepenuhnya dengan pelaburan berjumlah RM35.9 juta untuk perkilangan produk perubatan berasaskan biologi dan pertumbuhan semula serta derivatif. Ia akan menjadi projek pertama di Malaysia yang menggunakan sel stem bagi rawatan terapeutik. Projek ini akan memberikan platform baharu bagi kerjasama antara syarikat dan universiti tempatan untuk R&D bagi produk berdasarkan sel stem. Projek ini juga akan menggalakkan pembangunan Harta Intelek untuk didaftarkan di Malaysia.

Ia juga akan mewujudkan kesan *spin-off* dalam pembangunan rantaian nilai untuk penyumberan bahan mentah tempatan, peralatan, pembungkusan dan bahan guna habis. Kemunculan bioteknologi akan dipengaruhi sokongan kajian awam, peraturan, hak harta intelek, dan sikap sosial.

Sektor awam adalah pemain utama dalam bioteknologi kesihatan dan menyumbang sebahagian besar bagi kajian untuk pengeluaran utama oleh universiti atau institusi penyelidikan kerajaan. Komitmen dan penglibatan yang kuat oleh kerajaan dalam pembangunan bioteknologi di Malaysia adalah petunjuk yang jelas bahawa ia amat penting untuk menjadikan bioteknologi sebagai salah satu tiang utama bagi pertumbuhan ekonomi. Dasar Bioteknologi Negara dilihat amat cerah sebagaimana ia meliputi secara menyeluruh pelbagai aspek yang diperlukan untuk pembangunan industri bioteknologi yang masih muda. Pembangunan industri bioteknologi di Malaysia akan menanamkan bukan sahaja peningkatan kesedaran terhadap sains dan teknologi dalam menjana kemakmuran dan kesejahteraan negara, bahkan juga merangsang penerokaan baharu melalui penyelidikan dan pembangunan termaju terhadap flora dan fauna yang semakin berkurang untuk penggunaan efisien dalam pertanian, kesihatan dan perindustrian.

Sebagai negara pertama di Asia Tenggara melancarkan inisiatif bioekonomi, Malaysia menyediakan platform yang efektif dan kondusif untuk membina industri berasaskan bio dalam negara. Ini termasuk aktiviti dalam tanaman makanan, akuakultur, pemprosesan makanan, peranti perubatan, kimia berasaskan bio, bio-kosmeseutikal, kesihatan dan farma-nutrisi yang menawarkan potensi kukuh untuk memaksimumkan biodiversiti negara dan

meletakkan Malaysia di barisan hadapan industri berasaskan bio global.

MyHSR Corporation Sdn Bhd, yang bertanggungjawab atas pembangunan dan kemajuan projek High Speed Rail (HSR), ditugaskan untuk membangunkan rangka kerja koridor HSR. Dengan memanfaatkan industri HSR, pembangunan sosioekonomi juga akan ditingkatkan selari dengan koridor HSR. Penumpuan geografi kelompok perniagaan dan pekerja akan menyebabkan peningkatan kumpulan pakar berkemahiran bagi pekerja dan bakat. Salah satu kelompok perniagaan dikenal pasti selari dengan HSR adalah bioekonomi dan pusat R&D penjagaan kesihatan klinikal serta ujian akan ditubuhkan. Ini mempunyai potensi untuk melonjakkan Malaysia sebagai hab perkilangan bioteknologi serantau.

PERTANIAN DAN PEMPROSESAN MAKANAN

Pertanian

Sektor pertanian merangkumi akuakultur dan perikanan marin; penanaman tanaman, buah-buahan dan sayur-sayuran; florikultur; ternakan ikan hiasan; penternakan; dan pemeliharaan lebah.

Di bawah RMK-11, sektor pertanian dijangka akan bertumbuh kepada 3.5 peratus setiap tahun, menyumbang 8.2 peratus kepada jumlah KDNK. Subsektor agro makanan dijangka akan bertumbuh kepada 5.4 peratus setiap tahun dengan ternakan, akuakultur dan sayur-

sayuran sebagai penyumbang terbesar. Subsektor ini akan ditransformasi kepada industri berpendapatan tinggi dan mampu melalui R&D inovatif dan inisiatif pemodenan.

Penternakan

Ayam dan daging adalah produk utama dalam subsektor penternakan. Penambahbaikan kaedah penternakan dan pertanian telah menyumbang kepada produktiviti lebih tinggi bagi penternakan haiwan dan penerokaan baharu bagi vaksin haiwan telah membawa kepada penurunan risiko kepada penyakit yang boleh mempengaruhi produktiviti. Walaupun negara Malaysia mempunyai sumber haiwan ternakan dan telur yang mencukupi, peratusan besar daripada permintaan dalam negeri bagi daging lembu dan kambing terus diimport. Jumlah eksport Malaysia bagi haiwan ternakan dan daging pada 2016 berjumlah sehingga RM859.2 juta manakala jumlah import RM3.4 bilion.

Perikanan

Subsektor perikanan di Malaysia boleh dikategorikan kepada perikanan tangkapan marin dan akuakultur. Akuakultur kekal sebagai segmen paling pesat dalam subsektor ini, dengan anggaran pengeluaran tahunan sebanyak 500,000 tan metrik. Jumlah eksport Malaysia bagi ikan dan hidupan laut lain pada 2016 berjumlah RM1.8 bilion manakala jumlah import adalah RM2.6 bilion.

Sayur-sayuran dan Buah-buahan

Pada 2016, eksport bagi sayur-sayuran dan buah-buahan berjumlah sehingga RM1.3 bilion. Kebanyakan daripada

pengeluaran tempatan merangkumi sayur-sayuran dan buah-buahan segar seperti durian, pisang dan nenas. Import kebanyakannya merangkumi buah beriklim sederhana seperti epal, anggur dan oren. Jumlah import bagi sayur-sayuran dan buah-buahan pada tempoh yang sama adalah RM6.1 bilion.

Projek Diluluskan pada 2016
 Pada 2016, sebanyak 16 projek pertanian diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM69.4 juta. Kesemua projek ini adalah daripada pelaburan domestik. Daripada jumlah projek diluluskan, enam merupakan projek baharu dan sepuluh adalah projek pembesaran/pelbagai. Projek diluluskan tersebut adalah dari subsektor seperti penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran, akuakultur serta perikanan laut dalam.


Antara projek diluluskan terbesar adalah:

- Satu projek baharu oleh syarikat milik Malaysia sepenuhnya dengan pelaburan berjumlah RM49.9 juta untuk penanaman kelapa di Johor.
- Satu projek baharu oleh syarikat milik Malaysia sepenuhnya dengan pelaburan RM6.2 juta untuk penanaman herba dan rempah di Johor.

Pemprosesan Makanan

Subsektor ini merangkumi semua aktiviti nilai tambah yang menggunakan produk pertanian atau hortikultur. Transformasi dalam industri makanan daripada proses konvensional kepada proses yang menggunakan teknologi baharu sejajar dengan

Pelaburan Diluluskan bagi Industri Pemprosesan Makanan mengikut Subsektor, 2016



pembangunan industri tersebut di peringkat global.

Pada 2016, eksport makanan berjumlah sehingga RM18.4 bilion manakala jumlah import makanan adalah RM17.1 bilion. Antara barang utama dieksport adalah produk boleh dimakan dan penyediaan (RM5.5 bilion), koko dan penyediaan koko (RM4.2 bilion), bijirin tersedia dan penyediaan tepung (RM3.0 bilion), marjerin dan lelemak (RM1.2 bilion) serta produk tenusu (RM1.1 bilion).

Import utama adalah produk boleh dimakan dan penyediaan (RM5.1 bilion), gula dan pemanis (RM3.7 bilion), produk tenusu (RM2.8 bilion), sayur-sayuran dan buah-buahan (RM1.7 bilion) serta koko dan penyediaan koko (RM1.4 bilion).

Kerajaan telah memasukkan industri makanan sebagai subsektor ketujuh untuk dijadikan sebahagian daripada Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) sebagai tambahan kepada enam NKRA yang sedia ada. Ini adalah untuk menangani isu peningkatan

kos kehidupan, di mana peningkatan harga makanan global kini mempengaruhi negara di seluruh dunia. Bagi mengurangkan beban rakyat dan untuk menangani keselamatan dan jaminan makanan, kerajaan telah mengumumkan mekanisme kawalan harga bagi barang-barang keperluan. NKRA terbaru ini termasuk makanan dan barang keperluan lain dan ia berkaitan dengan rantai bekalan.

Bagi mencapai objektif ini, beberapa langkah akan dilaksanakan untuk meliberalisasikan rantai bekalan seperti membenarkan lebih banyak barang import ke dalam pasaran, menggunakan tanah terbari untuk pengeluaran dan penanaman makanan serta memperoleh sumber alternatif lebih murah bagi bahan mentah.

Projek Diluluskan pada 2016

Sebanyak 46 projek dengan pelaburan RM2.4 bilion diluluskan pada 2016. Projek diluluskan tersebut adalah

bagi subsektor pemprosesan makanan termasuk minuman, pelaburan domestik berjumlah RM1.8 bilion (75%) manakala pelaburan asing berjumlah RM0.6 bilion (25%). Projek-projek ini dijangka akan menjana peluang pekerjaan tambahan untuk 5,904 orang.

Projek diluluskan tersebut adalah bagi pengeluaran produk makanan laut, pemprosesan buah-buahan dan sayur-sayuran, bijirin dan produk berasaskan tepung, coklat dan gula pemanis, bahan ramuan, produk daging diproses, minuman dan produk makanan lain.

Satu produk diluluskan terbesar adalah projek baharu oleh Sunlight Inno Seafood Sdn. Bhd., sebuah syarikat milik penuh Malaysia dengan pelaburan RM1.3 bilion bagi melaksanakan penternakan udang bersepadu dan pemprosesan udang beku dengan kemudahan R&D di Pitas, Sabah. Syarikat tersebut dilantik sebagai salah sebuah syarikat jaguh di bawah EPP 6: Model Penternakan Akuakultur Bersepadu (IZAQ) bagi meneroka pasaran untuk udang premium. IZAQ merangkumi skala perindustrian dan zon akuakultur berasaskan darat dengan setiap zon dilengkapi infrastruktur bersepadu termasuk pusat penetasan, kawasan pertumbuhan luar, sebuah kilang pemprosesan dan kilang makanan ternakan. Projek ini dijangka akan mewujudkan 3,800 pekerjaan.

PRODUK MINYAK SAWIT

Industri produk minyak sawit, minyak isirung sawit, oleokimia

dan derivatif (termasuk biodiesel) dan produk daripada biojisim sawit (termasuk penjanaan tenaga). Industri minyak sawit Malaysia kekal sebagai salah satu daripada industri penting kepada negara. Ia juga penyumbang keempat terbesar kepada ekonomi negara dan NKEA Minyak Sawit menyasarkan GNI sebanyak RM178 bilion menjelang 2020. Indonesia kekal sebagai pengeluar terbesar bagi minyak sawit di dunia manakala Malaysia antara pengeksport terbesar.

Pengguna utama minyak sawit adalah China, India dan Eropah. Sebagai pengeluar dan pengeksport terbesar minyak sawit dan produk minyak sawit, Malaysia memainkan peranan penting sebagai pembekal minyak sawit untuk memenuhi keperluan global bagi minyak dan lemak. Berdasarkan Data MPOB 2016, penghasilan minyak sawit mentah (CPO) pada 2016 dikurangkan kepada 17.3 juta tan daripada 20.0 juta tan pada 2015. Penghasilan minyak sawit mentah dan dedak isirung sawit juga menurun kepada 12.0 juta tan dan 2.2 juta tan (2016) daripada 2.3 juta tan dan 2.5 juta tan masing-masing pada 2015.

Negeri Sabah, Sarawak dan Johor adalah pengeluar utama bagi minyak sawit mentah. Kadar penggunaan kilang minyak sawit dan penghancur isirung sawit pada 2016 adalah masing-masing 77.8 peratus dan 59.5 peratus manakala kapasiti penapisan bagi kilang penapis minyak sawit adalah masing-masing 59.4 peratus dan oleokimia 84.6 peratus.

Eksport produk minyak sawit Malaysia pada 2016, merangkumi minyak sawit (minyak sawit mentah dan minyak sawit diproses), minyak isirung sawit, dedak isirung sawit, oleokimia, biodiesel dan produk sawit lain, bernilai sehingga 22.8 tan dengan nilai eksport berjumlah RM62.5 bilion berbanding dengan 2015 dengan eksport bernilai RM58.4 bilion dan 24.9 tan. India merupakan pengimport terbesar bagi minyak sawit Malaysia pada 2016 diikuti oleh European Union dan PRC.

Projek Diluluskan pada 2016

Pada 2016, sebanyak 44 projek dengan pelaburan berjumlah RM2.12 bilion diluluskan bagi penghasilan produk minyak sawit berbanding dengan 73 projek dengan pelaburan berjumlah RM2.15 bilion pada 2015. Projek ini termasuk minyak sawit dan produk minyak isirung sawit, oleokimia, produk daripada biojisim sawit dan penjanaan tenaga. Pelaburan asing berjumlah sehingga RM1.3 bilion manakala pelaburan domestik berjumlah RM864.4 juta.

Subsektor minyak sawit dan minyak isirung sawit mencatat pelaburan tertinggi sebanyak RM949.7 juta diikuti oleh oleokimia (RM557.1 juta), projek penjanaan tenaga daripada biojisim sawit (RM335.8 juta) dan produk daripada biojisim sawit (RM275.7 juta).

Minyak Sawit dan Minyak Isirung Sawit

Penapisan dan penghancuran adalah aktiviti utama dalam subsektor ini. Terkini, terdapat 52 kilang penapisan dan 45 kilang penghancuran dalam operasi yang jumlah kapasitinya masing-masing 26.3 juta tan



dan 7.3 juta tan setiap tahun. Penapisan diproses berjumlah 14.2 juta tan bagi minyak sawit mentah dan 1.4 juta tan bagi minyak isirung sawit mentah manakala kilang penghancuran memproses 4.3 juta tan isirung sawit. Produk utama yang dihasilkan ditapis, diluntur dan dinyahbau (RBD) olein dan stearin sawit. Produk lain termasik marjerin, Vanaspati dan produk lelemak khusus.

Projek Diluluskan pada 2016

Pada 2016, sembilan projek dengan pelaburan berjumlah RM949.7 juta diluluskan bagi produk minyak sawit dan minyak isirung sawit yang mana empat merupakan projek baharu dan lima merupakan projek pembesaran/pelbagai. Pelaburan asing berjumlah sehingga RM635.2 juta manakala pelaburan domestik berjumlah 314.5 juta.

Satu projek besar diluluskan adalah projek baharu oleh Unigra Food Process Asia Pacific Sdn. Bhd. sebuah

syarikat milik asing sepenuhnya dari Itali dengan pelaburan berjumlah RM308.7 juta untuk menghasilkan produk minyak sawit bernilai tambah tinggi seperti pengganti atau yang bersamaan lemak koko. Projek ini adalah kilang pertama mereka di luar Itali.

BIOJISIM SAWIT

Enam jenis biojisim minyak sawit dihasilkan sebagai produk sekunder bagi industri minyak sawit; pelepas kelapa sawit, batang kelapa sawit, tandan buah kosong, tempurung isirung sawit, gentian mesokarp dan buangan kilang minyak sawit.

Malaysia mampu memanfaat daripada tambahan sumbangan RM30 bilion kepada GNI dan 66,000 pekerjaan tambahan menggunakan biojisim daripada industri minyak sawit bagi aktiviti hiliran bernilai tambah lebih tinggi. Negara dijangka akan menjana 100

juta tan kering menjelang 2020 (tidak termasuk buangan kilang minyak sawit).

Projek Diluluskan pada 2016

Dalam subsektor produk biojisim sawit, 14 projek dengan pelaburan berjumlah RM275.6 juta diluluskan pada 2016 berbanding 15 projek dengan pelaburan berjumlah RM397.2 juta pada 2015. Pelaburan domestik berjumlah sehingga RM175.4 juta manakala pelaburan asing adalah RM100.2 juta. Projek diluluskan adalah bagi penggunaan tandan buah kosong dan batang pokok kelapa sawit untuk menghasilkan bio-arang batu, pellet, gentian, papan lapis dan venir.

Aktiviti penapisan dan penghancuran telah mencapai tahap kematangan dalam negara dan bukan lagi dinaikkan sebagai bidang pertumbuhan. Bagaimanapun, terdapat peluang yang besar dalam aktiviti hiliran yang boleh menjana produk bernilai tambah tinggi dan bagi subsektor biojisim sawit. Dalam aktiviti hiliran, bidang pertumbuhan adalah bagi produk berasaskan oleokimia dan makanan berkhasiat dan bahan-bahan serta aktiviti R&D yang secara umumnya melibatkan teknologi tahap tinggi.

PRODUK PETROLEUM (TERMASUK PRODUK PETROKIMIA)

Malaysia, yang mempunyai rizab gas asli ke-16 terbesar di dunia dan rizab minyak mentah ke-26 terbesar, menyaksikan industri petrokimia berkembang pesat. Industri ini meliputi



gas asli, produk petroleum dan produk petrokimia, yang bertindak sebagai bahagian penting daripada bahagian industri kimia yang lebih luas, menyediakan bekalan yang berterusan bagi bahan mentah kepada pelbagai sektor perkilangan.

Sebanyak 20 projek dengan pelaburan berjumlah RM24.7 bilion diluluskan untuk pengeluaran produk petroleum termasuk petrokimia pada 2016, penurunan sebanyak 33 peratus dalam pelaburan diluluskan berbanding pada 2015. Pertumbuhan sederhana ini mungkin berpunca daripada kemelesetan dalam industri minyak dan gas sedunia. Meskipun penurunan trend bagi pelaburan, 10 daripada 20 projek diluluskan adalah projek baru berjumlah RM16.6 bilion

manakala lebihan 10 adalah projek pembesaran/pelbagaian berjumlah sehingga RM8.1 bilion. Pelaburan ini disumbang oleh DDI berjumlah RM19.1 bilion dan Pelaburan Langsung Asing (FDI) berjumlah RM5.6 bilion dengan potensi untuk mewujudkan 963 pekerjaan baru.

Pertumbuhan Malaysia yang berterusan dalam industri petrokimia sebahagiannya dikaitkan dengan pembangunan Kompleks Bersepadu Petrokimia Pengerang (PIPC) yang sedang berjalan seperti dijadualkan.

Pada 2016, empat projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) dan kemudahan berkaitan merangkumi loji janakuasa,

terminal regasifikasi dan terminal penyimpanan, diluluskan untuk melengkap ekosistem RAPID dengan pelaburan DDI berjumlah RM18.8 bilion dan FDI berjumlah sehingga RM2.6 bilion. Projek PETRONAS RAPID bernilai RM60 bilion ini bersedia untuk mengubah permukaan industri kimia di Malaysia dan Asia Tenggara dengan kapasiti penapisan sebanyak 300,000 tong setiap hari dan menghasilkan kedua-dua komoditi dan etilena dibezakan premium dan polimer berdasarkan propilena serta produk glikol.

Sebuah lagi projek diluluskan yang utama pada 2016 adalah projek pembesaran/pelbagaian kilang petrokimia bernilai RM1.5 bilion disumbang oleh syarikat milik asing.



Cabar utama bagi industri petrokimia Malaysia kekal pada turun naik harga minyak mentah yang mewujudkan ketidaktentuan dalam pelaburan huluan dan hiliran; serta keperluan bagi kemudahan produk bersepadu untuk menambahbaik margin dan ekonomi skala.

KIMIA DAN PRODUK KIMIA

Industri kimia dan produk kimia adalah salah satu industri utama dan penting di Malaysia. Industri ini meliputi pelbagai jenis produk dan merangkumi kimia pertanian, gas perindustrian, kimia bukan organik, cat, sabun dan bahan pencuci, kosmetik dan kelengkapan peribadi serta subsektor produk kimia lain. Industri kimia dan produk kimia memberikan hubungan kuat dan boleh dikatakan menyokong kesemua sektor lain dalam ekonomi Malaysia.

Produk daripada industri ini adalah komponen utama dalam industri seperti elektrik dan elektronik, automotif,

minyak dan gas, farmaseutikal, pembinaan dan lain-lain. Penubuhan ekosistem lebih cekap dalam industri kimia akan mengurangkan kebergantungan kepada kimia mentah diimport manakala industri tempatan mendapat manfaat daripada kualiti yang ditambah baik dan masa pengeluaran yang dipendekkan untuk produk mereka. Bagaimanapun, industri kimia tempatan perlu mengikuti perkembangan dengan teknologi terkini, automasi, R&D dan kecekapan supaya kekal berdaya saing dalam pasaran global.

Pada 2016, sebanyak 38 projek dengan pelaburan berjumlah RM1.36 bilion diluluskan, yang mana 18 adalah projek baharu (RM635 juta) manakala yang lain adalah projek pembesaran/pelbagaiian (RM729 juta). DDI berjumlah sehingga RM1.14 bilion (83.9%) manakala FDI berjumlah RM219.92 juta (16.1%). Projek diluluskan dijangka akan mewujudkan 1,338 peluang pekerjaan baharu.

Meskipun terdapat peluang yang banyak di Malaysia, cabaran pembangunan masih perlu ditangani. Dalam senario terkini, cabaran utama untuk mara ke hadapan adalah untuk memastikan tenaga yang berterusan, persekitaran dan perlindungan iklim, inovasi, produktiviti generasi hadapan dan perubahan digital proses perkilangan terkini akan menjadi penting kepada industri untuk mencapai matlamat transformasi Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi.

INDUSTRI PLASTIK

Industri plastik memainkan peranan utama dalam menyediakan pelbagai aspek kehidupan moden yang sedang kita nikmati hari ini. Plastik bukan sahaja dapat dilihat dalam kehidupan seharian, industri tersebut telah memberikan banyak manfaat kepada pelbagai teknologi termaju yang dapat dilihat hari ini dalam bentuk plastik berprestasi tinggi terutamanya digunakan dalam sektor automotif, aeroangkasa dan perubatan.

Subsektor plastik menyaksikan 46 projek diluluskan pada 2016 dengan pelaburan berjumlah RM1.55 bilion. Daripada ini, 24 adalah projek baharu dengan pelaburan berjumlah RM1.25 bilion manakala bakinya adalah projek pembesaran/pelbagaiian dengan pelaburan berjumlah RM303.3 juta. Sebanyak 25 projek diluluskan adalah bagi syarikat milik Malaysia sepenuhnya (RM318.8 juta), 12 projek adalah syarikat milik asing sepenuhnya (RM1.03 bilion) dan sembilan lagi adalah

usaha sama (RM204.2 juta). Dijangkakan sebanyak 3,015 pekerjaan baharu akan dijana daripada projek ini dalam subsektor plastik.

Selaras dengan fasa perkembangan teknologi, industri plastik terus berkembang. Salah satu penyumbang utama atas pertumbuhan yang pesat adalah nanoteknologi. Ia telah merevolusikan industri plastik dan dalam masa yang sama memberikan masa depan yang lebih cerah daripada kimia maju dan produk hibrid industri plastik. Peranan nanokomposit sebagai bahan tambahan dalam plastik telah dibuktikan untuk menambahbaik ciri fizikal plastik tradisional. Keturunan bagi baka industri ini lebih kuat, berhaba, tahan kemik dan calar, yang bermakna secara keseluruhannya ia jauh lebih unggul daripada pelopor mereka.

Sebelum ini, plastik dikenali sebagai ancaman kepada alam sekitar. Bagaimanapun, dengan teknologi maju, industri ini bersedia untuk mengubah persepsi negatif ini. Kajian-kajian baharu mula mendedahkan, beg plastik buangan boleh diproses menjadi nanomaterial berteknologi tinggi. Pencapaian dalam inovasi ini menggunakan buangan plastik tidak biodegradable kepada ‘membran tiub nano karbon’ yang disintesis. Bahan ini bernilai tinggi disebabkan oleh kepelbagaiannya fungsinya dalam aplikasi maju antaranya penyimpanan tenaga, penapisan, dan produk bioperubatan.

Inovasi ini mampu direalisasi kerana pelbagai dasar kerajaan yang dilaksanakan dan insentif. Bagi mengelakkan aktiviti perkilangan plastik sedia ada daripada dilabel sebagai operasi primitif, kerajaan juga telah merangka insentif baharu bagi syarikat-syarikat untuk membuat pelaburan dalam industri automotif bagi pengeluaran mereka. Inisiatif ini akan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja kurang mahir dan dalam masa sama meningkatkan produktiviti mereka. Dengan penurunan yang berterusan dalam harga minyak mentah, industri plastik diramalkan akan berkembang pesat sebagaimana pengilang mengambil kesempatan dalam situasi harga ini untuk menghasilkan produk bernilai tambah tinggi.

OLEOKIMIA

Usaha untuk mengalah sektor oleokimia ke atas rantaian nilai dan mengenalkan produk berasaskan sawit canggih sedang membuat hasil melalui pelaksanaan Entry Point Project (EPP) 6 di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara Minyak Sawit.

Sebagai salah satu pengeluar oleokimia asas terbesar di dunia, Malaysia sedang beralih secara beransur-ansur kepada pengeluaran derivatif oleokimia nilai tambah dan kimia berasaskan bio. Limpahan bahan mentah tempatan di Malaysia dan adanya pembangunan teknologi dalam industri oleokimia telah merangsang syarikat untuk menghasilkan produk berasaskan minyak sawit

khusus seperti surfaktan, bio-pelincir dan derivatif gliserol untuk industri kimia hijau dan biodiesel.

Jumlah pelaburan sebanyak RM580 juta diluluskan pada 2016 untuk sembilan projek oleokimia, yang dijangkakan akan menjana 372 peluang pekerjaan baharu. Empat daripadanya erupakan projek baharu.

Lebih daripada 80 peratus daripada pelaburan ini daripada sumber asing (RM463 juta) manakala bakinya daripada sumber domestik (RM117 juta).

Kebanyakan syarikat oleokimia melihat ke arah pembesaran dan pelbagai kilang sedia ada kerana kebanyakannya sudah beroperasi hampir dua dekad. Penaiktarafan jentera dan peralatan amat diperlukan untuk memastikan kecekapan, ketekalan serta prestasi lebih baik bagi 10 tahun akan datang. Meskipun terdapat ancaman lebihan kapasiti oleo, hasil minyak sawit yang lebih rendah disebabkan oleh El Nino dan harga petrokimia yang rendah, produk oleokimia akan terus menjana minat dan permintaan yang selamat dan kimia hijau yang mampan.

PRODUK GETAH

Industri produk getah di Malaysia telah berkembang sepanjang tahun dan berubah ke arah nilai tambah tinggi, teknologi lebih baik dan lebih ‘hijau’ serta peningkatan berterusan dalam automasi. Industri produk getah boleh dikategorikan kepada produk lateks, tayar dan produk berkaitan tayar serta produk

getah perindustrian dan am, dengan industri tersebut dikuasai oleh perusahaan kecil dan sederhana (SME).

Pada 2016, sebanyak RM1.09 bilion dilaburkan kepada 13 projek diluluskan (tidak termasuk peralatan perubatan). Lapan daripadanya adalah projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM674 juta manakala bakinya adalah projek pembesaran/pelbagai dengan jumlah pelaburan RM414 juta. Kira-kira 21 peratus daripada jumlah pelaburan datang daripada sumber domestik (RM224 juta) manakala sumber asing membuat pelaburan paling banyak (RM864 juta). Empat daripada projek diluluskan adalah syarikat milik asing sepenuhnya (RM429.5 juta) manakala bakinya adalah usaha sama syarikat-syarikat (RM646.8 juta). Pelaburan yang dibuat terutamanya bagi barang getah tersemperit, produk getah dibentuk, pelapisan EVA serta tayar penumpang dan komersial. Projek diluluskan dijangka akan mewujudkan 2,275 peluang pekerjaan.

Kelebihan negara Malaysia dalam R&D bagi industri getah telah membolehkan industri tersebut untuk kekal berdaya saing. Usaha sama dalam produk getah khusus dan 'hijau', serta inisiatif kerajaan untuk memecutkan automasi dalam proses perkilangan telah menghasilkan produk berkualiti lebih baik dan produktiviti yang ditambah baik. Hasil ini telah meletakkan industri produk getah di Malaysia sebagai contoh perindustrian getah yang terbaik.

KAYU DAN PRODUK KAYU

Subsektor berasaskan kayu di Malaysia telah menjadi salah satu daripada subsektor terpenting sejak dua dekad yang lalu. Industri ini kebanyakannya dimiliki oleh rakyat Malaysia, dengan kira-kira 87 peratus daripada syarikat tersebut merangkumi pengilang berskala kecil dan sederhana. Sepanjang tahun, ia telah membangun daripada industri pemprosesan utama kepada industri dipacu teknologi yang lebih canggih yang menghasilkan sebilangan besar produk hiliran nilai tambah.

Projek Diluluskan pada 2016

Sebanyak 57 projek diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM678.1 juta, yang mana 41 adalah pelaburan baharu berjumlah RM560.8 juta dan 16 adalah projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan berjumlah RM117.3 juta. Pelaburan domestik berjumlah sehingga RM526.3 juta manakala pelaburan asing berjumlah RM151.8 juta. Projek-projek ini dijangka akan mewujudkan 2,579 peluang pekerjaan.

Subsektor perabot mencatat pelaburan tertinggi pada 2016. Subsektor ini menarik pelaburan berjumlah RM160.7 juta bagi 25 projek. Lima belas daripadanya adalah projek baharu dengan pelaburan bernilai RM87.2 juta manakala bakinya adalah projek pembesaran/pelbagai bernilai RM73.5 juta. Satu projek diluluskan yang besar adalah daripada LY Furniture Sdn. Bhd, dengan pelaburan tambahan bernilai RM17.6 juta. Kini LY Furniture mempunyai 15 kilang dengan jumlah keluasan

kawasan kilang sebanyak 1.2 juta kaki persegi dan mengambil 1,200 pekerja. LY Furniture adalah antara pengilang set bilik tidur kayu terbesar di Malaysia. Pelaburan domestik menyumbang sebanyak RM137.8 juta daripada jumlah pelaburan dalam subsektor ini manakala pelaburan asing sebanyak RM22.9 juta.

Subsektor produk panel serta subsektor kumai dan pertukangan kayu dan tanggam menarik enam dan dua projek masing-masing dengan pelaburan diluluskan berjumlah RM73.3 juta dan RM77.9 juta. Sebagai tambahan, 24 projek dengan pelaburan berjumlah RM366.2 juta diluluskan untuk perkilangan produk dan bahan berasaskan kayu yang lain seperti pelet kayu, kayu gergaji dan sisa pertanian.

INDUSTRI KERTAS, PERCETAKAN DAN PENERBITAN

Industri kertas, percetakan dan penerbitan merangkumi perkilangan pulpa, kertas, produk kertas serta aktiviti percetakan dan penerbitan. Subsektor kertas meliputi pengeluaran kertas sederhana, kertas pelapik, kertas akhbar, percetakan dan kertas menulis, kertas tisu, kertas colok serta kertas-kertas khusus. Subsektor produk kertas terdiri daripada produk pembungkusan seperti kad bodi beralun, pembungkusan dalaman dan bahan kusyen, label, pelekat dan lampin pakai buang. Subsektor percetakan dan penerbitan termasuk semua percetakan bahan pembungkusan, buku, majalah, dokumen keselamatan, kad ucapan, kalender serta lain-lain aktiviti percetakan.



Industri kertas Malaysia telah meningkatkan kapasiti pengeluaran secara beransur-ansur. Terdapat 23 kilang kertas dengan jumlah kapasiti pengeluaran kira-kira 1.9 juta metrik tan setiap tahun. Kertas buangan adalah bahan mentah utama digunakan oleh industri untuk menghasilkan produk kertas mereka. Terkini, industri ini memberikan peluang pekerjaan kepada lebih daripada 5,000 orang.

Industri percetakan dan penerbitan domestik terdiri daripada pengilang berorientasikan domestik berskala kecil dan sederhana. Kini terdapat kira-kira 1,000 syarikat sedang beroperasi terutamanya terlibat dalam percetakan am.


Projek Diluluskan pada 2016

Pada 2016, sebanyak 15 projek diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM361.8 juta. Daripada ini, lapan adalah projek pembesaran/pelbagaiannya dengan pelaburan berjumlah RM209.5 juta (58%), manakala enam adalah projek baharu dengan pelaburan berjumlah RM152.3 juta (42%).

Pelaburan asing menyumbang sebanyak RM51.2 juta (14%), manakala RM310.6 juta (86%) disumbangkan oleh pelaburan domestik. Projek-projek ini dijangka akan menyediakan peluang pekerjaan kepada 906 orang.

Mengikut subsektor, pelaburan tertinggi dicatat oleh subsektor produk kertas dengan jumlah RM272.1 juta (8 projek) dan diikuti oleh subsektor percetakan dan penerbitan dengan jumlah RM89.7 juta (7 projek).

Projek Diluluskan bagi Industri Kertas, Percetakan dan Penerbitan mengikut Subsektor, 2016 (RM Juta)



PRESTASI SEKTOR PERKHIDMATAN

GAMBARAN KESELURUHAN

Sektor perkhidmatan merupakan antara teras utama bagi pertumbuhan ekonomi negara. Sumbangannya telah meningkat dengan stabil sejak beberapa tahun dari segi kedua-dua pelaburan dan peluang pekerjaan serta akan terus memainkan peranan utama dalam memacu kedudukan Malaysia daripada ekonomi berpendapatan sederhana kepada ekonomi berpendapatan tinggi berasaskan inovasi dan kreativiti.

Pembangunan sektor perkhidmatan dipandukan oleh Rangka Tindakan Sektor Perkhidmatan, yang dilancarkan pada 2015. RMK-11 juga telah meletakkan kepentingan yang lebih besar bagi sektor perkhidmatan dengan strategi-strategi yang diformulasikan untuk meningkatkan daya saing dan ketahanan sektor tersebut. RMK-11, yang menyasarkan peningkatan bagi pendapatan eksport sektor perkhidmatan lebih daripada 40 peratus daripada RM135 bilion dicatat pada 2015 kepada RM195 bilion.

Di samping itu, untuk mengubah sektor perkhidmatan, sasaran tertentu untuk meningkatkan nilai tambah bagi setiap pekerja daripada RM55,574 pada 2013 kepada RM74,101 pada 2020, meningkatkan sumbangan subsektor dipacu pengetahuan kepada KDNK daripada 36 peratus pada 2014 kepada 40 peratus pada 2020, dan meningkatkan bahagian nilai

tambah eksport perkhidmatan daripada 12 peratus pada 2010 kepada 19 peratus pada 2020.

Pembangunan sektor perkhidmatan akan dipandu oleh Rangka Tindakan Sektor Perkhidmatan, yang dilancarkan pada 2015. Pelan tindakan tersebut berhasrat untuk membuka potensi sektor tersebut dan mengubahnya menjadi lebih berintensif pengetahuan dan berteraskan inovasi. Sektor perkhidmatan dijangka akan meningkat pada 6.8 peratus setiap tahun dan menyumbang 56.5 peratus kepada KDNK pada 2020, dan menyediakan 9.3 juta pekerjaan.

Pada 2016, sebanyak 4,199 projek dalam sektor perkhidmatan diluluskan berjumlah sehingga RM141.2 bilion. Daripada ini, pelaburan domestik berjumlah sehingga RM112.9 bilion, dengan pelaburan asing menyumbang sebanyak RM28.3 bilion.

Di antara sektor perkhidmatan, subsektor harta tanah terus mendahului dengan jumlah pelaburan bernilai RM64.1 bilion, diikuti oleh perkhidmatan kewangan pada jumlah RM13.7 bilion, utiliti pada jumlah RM10.6 bilion dan perdagangan beragihan pada jumlah RM9.3 bilion.

Dalam Malaysia sedang menuju ke arah menjadi negara maju, kerajaan telah menggariskan rangka kerja bagi Model Ekonomi Baru. Di bawah model ini, usaha akan dipergiatkan untuk menyasar dan menarik industri di mana Malaysia mempunyai asas yang kukuh bagi bidang pertumbuhan baharu. Sektor perkhidmatan mendapat peningkatan

bahagian bagi KDNK apabila ekonomi semakin matang, seperti yang dibuktikan oleh negara membangun.

Sejak beberapa Rancangan Malaysia yang lalu, sektor perkhidmatan di negara telah menjalani banyak perubahan melalui strategi termasuk liberalisme pembangunan modal insan dan pembaharuan pengawalseliaan. Transformasi yang lebih meluas telah dijangkakan melalui Rancangan Malaysia Ke-11, yang akan menyaksikan sektor perkhidmatan diubah menjadi lebih berintensif pengetahuan dan pertumbuhan dipacu produktiviti. Strategi mengikut sektor tertentu akan membuka potensi pertumbuhan yang lebih besar dalam sektor tersebut. Seterusnya, sektor perkhidmatan akan menarik lebih banyak pelaburan swasta, meningkatkan eksport perkhidmatan dan mewujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi sejajar dengan aspirasi negara untuk menjadi negara maju dan inklusif.

JEJAK OPERASI GLOBAL DI MALAYSIA

Didorong oleh kos yang semakin meningkat, permintaan global dan peningkatan persaingan, syarikat-syarikat multinasional (MNC) kini menggunakan model Hab Utama yang membolehkan pembuatan keputusan yang lebih cepat dan menyokong trend rantaian nilai yang semakin berkembang.

Bertempat di pertengahan ASEAN, Malaysia merupakan pusat penjana ekonomi kukuh dan membolehkan MNC untuk mengakses kumpulan bakat

yang sedang berkembang, ekosistem perniagaan, infrastruktur dan perhubungan bertaraf antarabangsa, kelebihan kos berdaya saing serta pakej insentif cukai yang memenuhi permintaan model perniagaan mereka yang semakin meningkat.

Kini, kedudukan negara Malaysia telah berubah ke arah bersaing di landasan yang sama sebagai lokasi utama bagi MNC untuk menubuhkan pangkalan serantau dengan memindahkan ibu pejabat mereka ke memanfaatkan seluruh rantau.

TREND UNTUK DILIHAT

Logistik sebagai komponen utama dalam menyediakan jumlah penyelesaian rantaian bekalan kepada perniagaan-perniagaan, adalah bidang tumpuan utama bagi negara Malaysia.

Kini, dalam permintaan yang semakin kompleks dan peningkatan kepelbagaian barang, keputusan untuk beralih kepada teknologi digital menjadi lebih penting. Melihat ke hadapan, rantaian nilai digangu oleh teknologi yang semakin berkembang melalui platform e-Dagang akan melonjakkan gelombang baru untuk menjalankan perniagaan dengan ketara.

Walaupun jejantas yang menghubungkan pasaran maya dengan pergerakan fizikal bagi barang adalah logistik, apabila mara ke hadapan ia akan mengembangkan skop untuk melengkapkan pertumbuhan mendadak bagi e-Dagang di Malaysia apabila

ia amat penting untuk menjadi lebih lancar.

Memacu ke hadapan dengan permintaan pengguna yang semakin meningkat bagi produk bernilai tinggi disesuaikan akan mendorong permintaan bagi pusat e-Pencapaian.

Dengan unjuran pertumbuhan dua digit bagi e-Dagang di rantau ini, Malaysia sudah bersedia untuk memainkan peranan kukuh untuk merangsang transformasi lanskap digital sedia ada dalam menentukan hala untuk mencapai Pelan Tindakan Strategik e-Dagang Kebangsaan.

PRESTASI MENGIKUT INDUSTRI: PERTUBUHAN GLOBAL DILULUSKAN

Pada 2016, sebanyak 1,952 projek pertumbuhan global diluluskan oleh MIDA. Daripada pertumbuhan ini, 999 adalah Pejabat Perwakilan (REs), 620 adalah Pejabat Serantau (ROs), 166 adalah Ibu Pejabat Operasi

(HQs), 36 adalah Hab Operasi Global, 26 Pusat Pengedaran Serantau (RDCs), 75 Pusat Perolehan Antarabangsa (IPCs), 11 adalah Pusat Pengurusan Perbendaharaan (TMCs) dan 19 adalah Hab Utama.


*NOTA: Berkuat kuasa pada 1 Mei 2015, permohonan baharu untuk status dan insentif bagi Ibu Pejabat Operasi (HQs), Pusat Perolehan Antarabangsa (IPCs) dan Pusat Pengedaran Serantau (RDCs) tidak akan diterima kerana skim-skim ini telah diselaraskan oleh pengenalan kepada Pakej Insentif Hab Utama yang diumumkan dalam Bajet 2015.

Insentif Hab Utama

Pada Mei 2015, Malaysia memperkenalkan Insentif Hab Utama untuk menarik dan menggalakkan MNC untuk memilih Malaysia sebagai pangkalan bagi menjalankan perniagaan dan operasi global dan serantau strategik mereka. Syarikat-syarikat ini mengurus dan mengawal, fungsi utama termasuk pengurusan risiko, membuat keputusan, aktiviti perniagaan strategik,

Nilai Perbelanjaan Perniagaan dalam RM Juta

2016



perdagangan, kewangan, pengurusan dan sumber manusia untuk berkhidmat kepada syarikat-syarikat rangkaian mereka.

Sejak penubuhannya, MIDA meluluskan 19 projek Hab Utama (PH) dengan jumlah pelaburan RM15.1 bilion dan mewujudkan 2,343 pekerjaan bernilai tinggi.

Pada 2016, negara ini menyaksikan 13 Hab Utama baharu, dengan perbelanjaan perniagaan sebanyak RM13.8 bilion dan memberikan 1,982 pekerjaan.

Pusat Perdagangan Global

Ansell (Malaysia) Sdn Bhd

Ansell adalah syarikat terutama di peringkat dunia dalam menyediakan penyelesaian perlindungan keselamatan dan kesihatan terbaik yang meningkatkan kesejahteraan manusia. Dengan operasi yang berjalan di Amerika Utara, Amerika Latin/Caribbean, EMEA dan Asia, setiap hari, lebih daripada 15,000 orang di 55 negara membentuk dan mengilang produk yang mana terdapat berjuta pengguna, pekerja dan profesional penjagaan kesihatan yang bergantung kepadanya. Ansell memegang kedudukan teratas dalam pasaran peralatan perlindungan peribadi dan sarung tangan perubatan, serta kategori kesihatan dan kesejahteraan seksual. Ansell beroperasi dalam empat segmen perniagaan utama: Perubatan, Perindustrian, Kegunaan Perseorangan dan Kesihatan Seksual.

Mula menubuhkan operasi di Malaysia sejak 11 April 2014, Pusat Perdagangan Global

Ansell (Malaysia) Sdn. Bhd. (Ansell GTC) beroperasi sebagai perolehan global dan pangkalan perdagangan untuk mengurus perancangan bekalan, perolehan dan pengukuhan, perkongsian perkhidmatan dan R&D.

IMI Engineering Sdn Bhd

Norgren, sebuah syarikat beribu pejabat di United Kingdom yang disenaraikan di bawah London Stock Exchange, bermula operasi di Malaysia pada 1995 sebagai cabang pengedaran bagi jualan, pemasaran dan pengedaran bahagian dan komponen bagi sistem pneumatik dan peralatan penghawa.

Sebagai sebuah anak syarikat kepada IMI Group, IMI Engineering Sdn. Bhd. adalah syarikat kejuruteraan khusus yang mereka bentuk, mengilang, dan memberi perkhidmatan produk kejuruteraan tinggi yang mengawal pergerakan tepat bagi cecair. Syarikat ini terdiri daripada tiga bahagian; IMI Critical Engineering, IMI Precision Engineering dan IMI Hydronic Engineering. Syarikat ini mengambil pekerja lebih 12,000 orang dan beroperasi di lebih 50 negara di serata dunia.

IMI Engineering Sdn. Bhd. ditubuhkan dengan strategik untuk menyokong lima tumpuan pasaran utama, iaitu kenderaan komersial, sains hayat, tenaga, makanan dan minuman serta automasi perindustrian.

Pelanggan utama syarikat ini termasuk Petronas Group, Malaysia LNG Sdn Bhd, Agilent Technologies Singapore (International) Pte Ltd, TNB

Janamanjung Sdn Bhd dan Transwater API Sdn Bhd. Jumlah hasil bagi syarikat ini pada 2015 adalah RM11.7 juta.

Pacific Inter-Link Sdn Bhd

Pacific Inter-link Sdn Bhd (PIL) adalah syarikat Malaysia yang diperbadankan di Kuala Lumpur pada 22 Jun 1988 untuk mempromosikan eksport minyak sawit dan produk berkaitan kepada Timur Tengah, telah berkembang menjadi organisasi bernilai berjuta dolar untuk menjadi pemain global utama dalam bidang produk minyak sawit dan barang pengguna.

Sebagai sebuah syarikat bertumpukan eksport, PIL ditubuhkan di lebih daripada 70 negara di serata dunia dan bertapak terutamanya di Asia Tenggara, Timur Tengah dan Afrika.

Pada dekad akan datang, melalui hab utamanya di Malaysia, pelaburan syarikat ini yang bernilai RM3.6 bilion adalah gambaran keyakinan mereka terhadap Malaysia sebagai hab serantau bagi syarikat berdasarkan komoditi.

Nestrade S.A.

Kumpulan Nestlé mula bertempat di negara ini 104 tahun dahulu, sejak 1912. Nestle Malaysia bermula operasi mereka di Pulau Pinang melalui Syarikat Anglo-Swiss Condensed Milk dan kemudiannya berpindah ke Kuala Lumpur pada 1939. Pada 1962, Nestlé memulakan kilang pertama mereka di Petaling Jaya, Selangor, dan kini Nestlé mempunyai lapan kilang di seluruh Malaysia. Terkini, syarikat ini mempunyai kira-kira 5,900 pekerja di Malaysia yang mana di peringkat perkilangan

terdapat 100 peratus rakyat Malaysia.

Nestlé Malaysia disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur dan mengeksport produk mereka ke lebih daripada 50 negara di Asia, Timur Tengah, Afrika, Eropah dan Amerika serta ia juga dikenali sebagai Pusat Halal Global.

Nestrade S.A., sebuah syarikat di bawah Kumpulan Nestlé yang menawarkan penyelesaian perdagangan bersepadu kepada kilang-kilang Nestlé di seluruh dunia. Pada 1977, Nestlé World Trade Corporation (WTC) telah ditubuhkan untuk menyokong pembangunan syarikat gabungan Nestlé dalam pasaran sedia ada dan baharu melalui eksport produk Nestlé. Fungsi dan peranan WTC kemudiannya dikaji semula dan pada 2003, WTC menukar namanya kepada Nestrade S.A.

Selama bertahun, Nestrade S.A., yang beribu pejabat di Switzerland, telah mengurus import dan eksport produk Nestlé di negara tertentu dan juga perolehan bagi beberapa peralatan teknikal, bahan ramuan dan bahan mentah. Bagi melengkapkan keperluan perolehan Kumpulan Nestlé dengan cadangan nilai yang terbaik, tiga pusat kecekapan telah ditubuhkan, meliputi operasi perniagaan global. Ini akan berada di bawah skop Nestrade S.A. yang diperluaskan. Beribu pejabat di Switzerland, dua hab di Malaysia dan Panama akan meliputi 60 peratus daripada perbelanjaan perolehan syarikat tersebut, mengoptimumkan keupayaan, kecekapan dan keberkesanan penyumberan bahan dan perkhidmatan untuk syarikat tersebut.

Nestrade S.A. melalui tiga hab global (Switzerland, Panama dan Malaysia) akan menyediakan perkhidmatan perolehan profesional bagi pengurusan kategori dan pembolehan perfungsian disokong oleh aktiviti transaksi bagi sumber untuk membuat pembayaran melalui pusat skala, kepada kebanyakan syarikat kumpulan Nestlé di 140 buah negara serata dunia.

IOI Corporate Service Sdn Bhd
IOI Corporation Berhad adalah antara konglomerat dipelbagaikan terbesar di dunia yang menguruskan ladang kelapa sawit dan perkilangan berdasarkan sumber.

Sebagai sebuah Hab Utama lengkap pada 2016, syarikat ini akan bertumpu kepada pengurusan segmen perniagaan perkilangan berdasarkan sumber kumpulan tersebut secara strategik. Hab Utama ini akan menyokong keseluruhan rantaian kumpulan tersebut bagi kemudahan perkilangan oleokimia di Malaysia, Amerika Syarikat, Kanada, Netherlands dan China bagi penyumberan strategik, perancangan dan pengedaran pengeluaran. Projek Hab Utama IOI menanda trend global bagi konglomerat berdasarkan komoditi yang menyepadukan rantaian bekalan mereka untuk mengoptimumkan kecekapan dan daya saing.

JCY HDD Industries Sdn Bhd
JCY, sebuah syarikat milik Malaysia, yang bermula sebagai pembekal Pemasangan Papan Litar Tercetak (PCBA) sedekad lalu kini berkembang menjadi salah sebuah pengilang komponen dan bahagian terbesar untuk pemacu cakera keras (HDD).

Keputusan JCY untuk menjadikan Malaysia sebagai hab serantau berasal daripada kejayaan yang besar syarikat tersebut. Kini JCY mempunyai 19 kemudahan perkilangan dan 16 daripadanya berada di seluruh Malaysia sahaja dengan tenaga pekerja seramai kira-kira 9,600 orang.

Projek PH baru ini akan mewujudkan 82 pekerjaan bernilai tinggi di mana 80 peratus dijangka akan dipenuhi oleh bakat warga Malaysia yang akan membantu melatih keupayaan mereka sebagai pakar dalam perniagaan, pengurusan dan kemahiran pengetahuan perusahaan.

Kini operasi JCY di Malaysia berhubung dengan kira-kira 350 pembekal yang kebanyakannya pembekal tempatan dari bidang bahan mentah, automasi, reka bentuk peralatan dan fabrikasi.

Melalui ‘Pendekatan Berkembang Dengan Pembekal’ oleh JCY, pembekal tempatan diutamakan bagi pembekalan bahan dan komponen utama untuk memenuhi keperluan perolehan perhubungan global JCY. Ini seterusnya akan meningkatkan daya saing pembekal tempatan dalam memenuhi standard antarabangsa dan membolehkan mereka untuk berintegrasi kepada rantaian nilai global.

Hab utama JCY akan meningkatkan keupayaan R&D mereka dari segi reka bentuk dan pembangunan alat dan kelengkapan untuk mendatangkan hasil dan kecekapan yang lebih baik serta penjimatan kos dan juga mengurangkan

kebergantungan kepada tenaga pekerja kurang mahir. Industri sokongan dan perkhidmatan kemudiannya dijangka akan mengembang seiring dengan pembangunan tersebut. Ini sejajar dengan visi Malaysia dalam menjadi hab untuk perkilangan pintar.

Selari dengan pertumbuhan JCY, kesan pengganda yang dijana nyata dibuktikan oleh syarikat seperti JCY yang mempunyai kelebihan untuk menjuarakan transformasi lanskap industri E&E sedia ada sekaligus.

Daikin Malaysia Sdn Bhd

Daikin Malaysia Sdn Bhd (DAMA), sebuah syarikat milik Daikin Japan sepenuhnya adalah syarikat penyaman udara terkemuka di dunia yang beribu pejabat di Osaka, Jepun. Syarikat ini bermula operasi di Malaysia pada 2006 apabila Daikin Industries Limited (DIL) memperoleh O.Y.L Group.

Daikin mengeluarkan pelbagai jenis Produk Unitari (UP) daripada 7kBtu-750kBtu bersesuaian untuk perumahan bagi aplikasi pembinaan komersial termasuk lekapan dinding, kaset siling, siling tersembunyi, penyongsang satu fasa, penyongsang pelbagai fasa, blower statik dan unit bumbung. Syarikat induk terbesar mereka, Daikin Industries Ltd ditubuhkan pada 1924 dan ia terlibat terutamanya dengan rekaan, perkilangan dan penjualan komersial, perindustrian dan produk pemanasan, pengudaraan dan penyaman udara institusi.

Daikin Industries Ltd mengambil pekerja lebih daripada 60,000 orang dan beroperasi di lebih

180 negara di seluruh dunia. Pendapatan mereka pada 2016 adalah RM77.3 bilion di mana 89 peratus daripada jualan mereka adalah produk berkaitan penyaman udara.

Cadangan pembesaran Daikin termasuk mengukuhkan operasi mereka di Malaysia sebagai hab serantau untuk aktiviti ASEAN mereka, dengan pelaburan berjumlah sehingga RM200 juta dalam tempoh 10 tahun.

Lotte Chemical Titan Corporation Sdn Bhd

Ditubuhkan sebagai pengeluar bersepadu bagi poliolefin dan olefin pertama di Malaysia, Lotte Chemical Titan kini salah sebuah pengeluar kimia terbesar di Asia Tenggara.

Lotte memilih Malaysia sebagai hab utama mereka untuk mengurus rantaian bekalan serantau mereka untuk menyokong pemerolehan diselaraskan bagi bahan mentah untuk menyokong operasi perkilangan mereka di Malaysia dan Indonesia serta memusatkan pengedaran antarabangsa bagi produk akhir.

Peralihan Lotte Chemical Titan daripada menjadi pengilang kimia tunggal, melalui hab utama mereka akan menyepadukan keputusan strategik dan fungsi operasi kepada perkhidmatan lebih canggih yang akan menyepadukan seluruh ekosistem industri kimia tempatan.

Avago Technologies (Malaysia) Sdn Bhd

Menurut Bloomberg 2016, pengambilalihan Broadcom Corporation pada 2016 oleh Avago Technologies yang

bernilai sehingga AS\$37 bilion, diiktiraf sebagai M&A terbesar dalam sejarah semikonduktor global dan menjadikan syarikat tersebut pengilang semikonduktor kurang fabrikasi ketiga terbesar selepas Intel dan Qualcomm di dunia.

Operasi Hab Utama

Broadcom akan menyatukan dan memusatkan aktiviti perkilangan dan pengedaran global Broadcom Limited di Malaysia.

Projek Hab Utama akan menyokong Broadcom Limited dalam rantaian bekalan global bersepadu, perancangan pengeluaran, penyumberan komponen, ujian atasan bagi cip komunikasi Broadcom, dan pengedaran produk akhir.

Dalam masa sama, Hab Pengedaran Global Broadcom Limited akan dipindahkan dari Singapura ke Malaysia pada 2017 dan akan menguruskan inventori global kumpulan tersebut berjumlah RM64 bilion setiap tahun.

Penempatan kawalan rantaian bekalan Broadcom di Malaysia akan menggalakkan pertumbuhan industri perkhidmatan sokongan, seperti pemesinan, logistik dan ICT. Inisiatif ini membuka peluang perniagaan baharu untuk pengilang kontrak tempatan dalam industri E&E Malaysia, antaranya Amertron Berhad, TF AMD Microelectronics dan Kumpulan ASE. Syarikat-syarikat ini akan memanfaat daripada pemindahan teknologi dari Broadcom sebagai perintis bagi sektor cip komunikasi.

Projek Hab Utama Broadcom akan melibatkan pelaburan yang melebihi beberapa bilion

RM hingga 10 tahun akan datang dan mewujudkan sekurang-kurangnya 200 pekerjaan bernilai tinggi untuk warga Malaysia.

Wilhelmsen Ship Management Sdn Bhd

Kumpulan Wilhelmsen adalah salah sebuah syarikat terbesar dalam industri maritim global yang berasal dari Oslo, Norway yang telah membentuk industri maritim lebih daripada 155 tahun. Kumpulan syarikat ini memberikan pengurusan rantaian bekalan, pengangkutan laut, perkhidmatan pengendalian terminal dan pengedaran darat serta perkhidmatan teknikal di lebih 2,200 pelabuhan dan kepada lebih daripada 50 peratus dari kapal dagang global.

Operasi global syarikat ini adalah melalui 310 pejabat di 71 negara dengan 23,800 orang pakar marin.

Pada 2017, syarikat ini menduduki tempat pertama di dunia bagi Global Car Transport Fleet dan kelima bagi kapal perkhidmatan untuk pemain pengurusan kapal.

Syarikat ini kini beroperasi di seluruh dunia dengan jumlah pendapatan AS\$3.3 bilion pada 2015.

Melalui operasi Hab Utama mereka, Wilhelmsen kini akan menjalankan aktiviti untuk seluruh rantaian bekalan dan menempatkan semula pembuat keputusan utama dari Norway ke Malaysia. Peralihan ini akan menyelaras, mengintegrasikan dan memberikan aktiviti pengurusan kapal global yang efisien di serata dunia dari

Malaysia. Syarikat ini akan melabur RM94.6 juta dalam tempoh lima tahun.

McDermott Asia Pacific Sdn Bhd

McDermott (NYSE: MDR) adalah pembekal terkemuka bagi perkhidmatan kejuruteraan bersepadu, perolehan, pembinaan dan pemasangan (EPCI) bagi pembangunan bidang huluan di serata dunia. Syarikat ini memberikan kemudahan pengeluaran tetap dan apungan, sistem aliran paip dan bawah laut daripada konsep sehingga pentauliahuan untuk projek pesisir laut kompleks dan minyak dan gas bawah laut untuk membantuk syarikat minyak mengeluar dan mengedar hidrokarbon dengan selamat. Pelanggan mereka termasuk syarikat tenaga tempatan dan terutama.

Beroperasi di kira-kira 20 negara di serata dunia, sumber syarikat ini yang bertumpu secara tempatan dan berintegrasi global termasuk kira-kira 12,400 orang pekerja, sebuah syarikat kepelbagaian bagi kapal pembinaan marin khusus, kemudahan fabrikasi dan pejabat kejuruteraan. Mereka terkenal dengan pengetahuan dan pengalaman yang luas, kemajuan teknologi, rekod prestasi, keselamatan cemerlang dan komitmen untuk menyampaikan prestasi. McDermott telah berkhidmat kepada industri tenaga sejak 1923.

McDermott menempatkan semula Ibu Pejabat Serantau mereka dari Singapura ke Malaysia pada 2016. Ini sejajar dengan tumpuan syarikat tersebut iaitu beroperasi secara dekat dengan pelanggan

mereka. Ibu Pejabat Serantau terbaru itu memberikan rangkaian penuh bagi korporat, strategik, perkhidmatan teknikal dan perkongsian kepada operasi dan projek mereka di Asia. Langkah ini menggambarkan keyakinan syarikat tersebut terhadap Malaysia sebagai hab pilihan bagi perkhidmatan minyak dan gas serantau.

PUSAT PENGURUSAN PERBENDAHARAAN (TMC)

Putra Kewangan Panasonic (Malaysia) Sdn Bhd

Syarikat besar elektronik multinasional Jepun, Panasonic Corporation Berjaya bertapak di Malaysia melalui 21 anak syarikat mereka yang melaksanakan pelbagai aktiviti seperti R&D, perkilangan, perolehan dan pengedaran.

Sejak itu, syarikat ini terus mempelbagaikan pangkalan mereka di Malaysia dengan menjadi peserta terkini yang menubuhkan Pusat Pengurusan Perbendaharaan (TMC) mereka pada 2016, untuk memberikan sokongan perbendaharaan dan kewangan kepada 12 Syarikat Kumpulan Panasonic bagi syarikat berkaitan di 10 negara di serata dunia, serta 20 syarikat berkaitan mereka yang sedia ada di Malaysia.

PERKHIDMATAN SOKONGAN

Perkhidmatan Logistik Bersepadu (ILS)

Kekuahan industri logistik negara berada pada lokasi strategik Malaysia, keterhubungan, kemudahan serba canggih, kehadiran pemain utama bagi

penghantaran dan logistik dan yang paling penting, keadaan politik, ekonomi dan persekitaran sosial negara yang stabil.

Industri logistik membentuk teras utama kepada rantai bekalan dan diiktiraf sebagai kunci untuk menggalakkan perdagangan, memudahkan kecekapan perniagaan dan merangsang pertumbuhan ekonomi. Dengan adanya lokasi yang strategik, pertumbuhan ekonomi yang kukuh, hubungan serantau yang baik dan infrastruktur pengangkutan yang kuat, Malaysia mempunyai asas dan infrastruktur yang benar untuk meletakkan nagara ini sebagai gerbang logistik serantau.

Sebanyak 72 pembekal ILS diberikan insentif pada Disember 2016 dengan pelaburan bernilai RM4.52 bilion. Sebanyak enam ILS diluluskan pada 2016, yang mana akan menanggung pelaburan bernilai RM672.6 juta dan mewujudkan 765 peluang pekerjaan. Pertumbuhan industri logistik kini teguh sepanjang tahun dan peningkatan trend dijangka akan terus meningkat hingga masa hadapan.

Berdasarkan projek ILS diluluskan terkini, kebanyakan syarikat ILS di Malaysia sedang mara ke arah operasi bersepadu, inovasi didorong ICT (e-dagang) dan menyediakan perkhidmatan logistik khusus untuk menyokong pelbagai sektor perindustrian seperti industri minyak dan gas serta petrokimia.

Steinweg Malaysia Sdn Bhd

Syarikat perkhidmatan logistik terkemuka, C. Steinweg (Malaysia) Sdn Bhd mengkhusus kepada pemborongan, pengedaran, penghantaran, pengangkutan dan perkhidmatan nilai tambah lain bagi pelbagai jenis sumber asli, bahan perindustrian dan komoditi, termasuk kimia berbahaya dan tidak berbahaya. Syarikat induk mereka, C. Steinweg-Handelsveem B.V. antara syarikat logistik terbesar di dunia dan beribu pejabat di Rotterdam, Netherlands.

Rangkaian syarikat ini meliputi lebih daripada 40 negara dengan lebih daripada 100 lokasi di Eropah Barat, Asia Pasifik, Amerika Utara, Amerika Selatan, Timur Tengah, Afrika, Eropah Timur dan Baltic/Rusia.

Syarikat ini telah membeli sebuah tanah sebesar 48 ekar di Pelabuhan Tanjung Langsat untuk membangunkan Kemudahan Gudang tercanggih dan mengendalikan Hab Komoditi Antarabangsa dan Sumber Asli bersepadu (termasuk kimia berbahaya dan tidak berbahaya). Pelaburan syarikat ini bagi projek tersebut dianggarkan bernilai RM520 juta.

Projek ini akan terus mengukuhkan rayuan negeri Johor sebagai hab perdagangan dan pengedaran antarabangsa terutamanya bagi kimia dan memberi rangsangan pengenalan kepada ekosistem logistik di Malaysia. Di samping itu, kehadiran Steinweg dijangka akan menarik aliran kargo serantau ke Tanjung Langsat yang akan mempercepatkan pertumbuhan Malaysia sebagai hab serantau

yang berkhidmat kepada negara-negara jiran ASEAN.

Infinity Logistics & Transport Sdn Bhd

Ditubuhkan pada 2003, Infinity Logistics & Transport adalah sebuah lagi syarikat perkhidmatan logistik utama di Malaysia. Syarikat ini adalah Pengendali Terminal Landasan Rel untuk kerja kargo memuatkan dan memunggah serta kontena daripada gerabak kereta api di Johor, Selangor, Pulau Pinang, Kelantan dan Selatan Thailand. Perkhidmatan Infinity termasuk pengangkutan pelbagai produk besi serta kargo projek melalui rel.

Infinity mendapat geran diluluskan bernilai RM4.8 juta bagi pemodenan dan penaiktarafan kemudahan dan peralatan di bawah Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF) bagi pembelian ‘Lokomotif Diesel-Elektrik 2500HP’. Geran ini membolehkan syarikat ini untuk melaksanakan Perkhidmatan Logistik Bersepadu (ILS) – Perkhidmatan Jambatan Darat dan Pemunggahan Kargo melalui rel, menghubungkan Malaysia dan Thailand. Perkhidmatan jambatan darat adalah perkhidmatan kereta api yang menghubungkan pelabuhan di Semenanjung Malaysia dengan pelabuhan di Thailand. Perkhidmatan ini menjaminkan masa perjalanan lebih laju (di mana ia mengambil masa 60 jam sahaja untuk ke destinasi) dan keselamatan barang yang dibawa di antara dua negara tersebut juga lebih terjamin berbanding penggunaan pengangkutan lain.

Pembelian tersebut dengan jumlah keseluruhan pelaburan bernilai RM49 juta dijangka akan mengukuh dan menaik taraf kualiti perkhidmatan jambatan darat di antara rangkaian sedia ada dimiliki oleh Keretapi Tanah Melayu (KTMB) dan State Railway Thailand (SRT), dan menyokong keperluan industri logistik tempatan, dalam masa sama mengurangkan kesesakan di Padang Besar.

YCH Logistics Malaysia Sdn Bhd

YCH Group adalah pembekal penyelesaian rantaian bekalan hujung ke hujung bersepadu kepada beberapa MNC terbesar di dunia termasuk DELL, Motorola, Samsung, Exxon Mobil dan Unilever. Beribu pejabat di Singapura sejak 1955, syarikat ini diiktiraf sebagai pembekal Seventh-Party Logistics (7PL) terutama. Kini, YCH Group mengambil pekerja lebih daripada 5,000 orang di serata dunia dan mempunyai hab rantaian bekalan bertempat di lebih daripada 100 lokasi seluruh Asia Pasifik, berkhidmat kepada pelanggan dari seluruh kelompok industri seperti barang pengguna bergerak pantas, elektronik, kimia dan penjagaan kesihatan serta e-Dagang.

YCH Logistics Malaysia Sdn Bhd, usaha niaga luar negara yang pertama syarikat ini, ditubuhkan pada 1988 dan beroperasi sebagai pembekal perkhidmatan logistik yang terlibat dalam aktiviti penghantaran barang, pengangkutan, pemborongan dan pengedaran.

Hab Pencapaian e-Dagang YCH Logistics Malaysia yang baru

ditubuhkan dan bertempat di Shah Alam, menawarkan aktiviti pemborongan khusus, pemenuhan pesanan, logistik penghantaran dan penghantaran jarak terakhir. Syarikat ini memberikan perkhidmatan e-pencapaian yang lengkap melalui hab ini untuk memenuhi keperluan pelanggan mereka.

Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa (IILS)

IILS adalah status yang diberikan kepada syarikat logistik yang memberikan perkhidmatan logistik bersepadu dan lancar (pintu ke pintu) sepanjang rantaian nilai logistik sebagai entiti tunggal di skala serantau atau global. Satu Lesen Ejen Kastam akan dikeluarkan kepada syarikat IILS yang berkelayakan.

Pada 2016, sebanyak 21 syarikat diluluskan dengan status IILS berbanding 14 syarikat IILS diluluskan pada 2015. Daripada syarikat yang diluluskan ini, 18 merupakan syarikat milik Malaysia.

Pejabat Perwakilan (RE)/ Pejabat Serantau (RO)

Malaysia adalah pangkalan bagi RE dan RO untuk menyelaras dan menyokong operasi mereka di rantau Asia Pasifik. Seterusnya, penubuhan RE dan RO ini akan memberikan peluang kepada syarikat untuk menubuhkan operasi serantau pada masa hadapan.

RE/RO ini diwujudkan sebagai langkah awal untuk melaksanakan kajian kemungkinan bagi peluang pelaburan di Malaysia dan untuk menyelaras aktiviti perniagaan untuk syarikat induk serantau mereka.

Kelulusan RE/RO pada 2016

Pada 2016, sebanyak 91 RE/RO baharu diluluskan dengan jumlah perbelanjaan perniagaan bernilai RM122.7 juta dan dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan untuk 185 warga Malaysia daripada jumlah keseluruhan sebanyak 258 pekerjaan. Daripada 91 RE/RO diluluskan, 52 projek (57.1%) adalah RE manakala 39 projek (42.9%) adalah RO.

Antara negara utama diluluskan dengan RE/RO adalah Amerika Syarikat dan Jepun dengan 10 kelulusan setiap negara, manakala baki kelulusan lain adalah daripada China dan Singapura dengan sembilan kelulusan setiap negara, dan Perancis menerima enam kelulusan. Subsektor tumpuan bagi penubuhan RE/RO baharu adalah pemesinan dan sokongan kejuruteraan, E&E, peralatan perubatan, makanan serta IT dan perisian. Negara-negara asal bagi RE/RO adalah pelbagai termasuk Austria, Thailand, Denmark, Finland dan Sepanyol.

TEKNOLOGI HIJAU

Malaysia bermatlamat untuk menjadi sebuah negara maju yang mampan dan inklusif menjelang 2020. Bagi mengimbangi keperluan untuk pertumbuhan ekonomi dan diiringi tekanan persekitaran, Teknologi Hijau (GT) telah dikenal pasti sebagai pendorong ekonomi masa hadapan kepada negara yang akan menyumbang kepada keseluruhan Pembangunan Mampan dan Pertumbuhan Hijau. Dasar Teknologi Hijau Kebangsaan (GTP)



adalah berdasarkan empat teras utama iaitu Tenaga, Persekitaran, Ekonomi dan Sosial. Di bawah dasar ini, teknologi hijau adalah sektor silang yang bertumpu kepada empat sektor iaitu tenaga, pembinaan, pengurusan sisa dan pengangkutan.

TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI

Malaysia telah menekankan Tenaga Boleh Diperbaharui (RE) sebagai kepentingan utama dengan dasar dan inisiatif yang direka khusus untuk merangsang pertumbuhan sektor ini sebagai langkah utama ke arah ekonomi hijau, satu langkah yang selaras dengan Pelan Tindakan Kerjasama Tenaga ASEAN 2016-2025.

Di bawah pelan tersebut, yang bermatlamat memenuhi

peningkatan permintaan bagi tenaga di rantau yang mempunyai populasi seramai 625 juta, ASEAN berhasrat untuk meningkatkan penggunaan RE kepada 23 peratus menjelang 2025 dalam campuran tenaga mereka berbanding 9.4 peratus pada 2014.

Program lain di bawah pelan yang sama adalah grid kuasa ASEAN, saluran paip gas trans-ASEAN, kecekapan tenaga dan penjimatan tenaga (EE/EC).

Dengan adanya sumber RE yang banyak di Malaysia, iaitu solar, biojisim, biogas dan hidrokuasa kini mencapai kemajuan besar dengan fotovoltan solar (PV) dan menyumbang 67 peratus daripada jumlah tenaga boleh diperbaharui, manakala sumber lain turut dipromosikan dengan aktif.

Pada 2016, skim pemeteran tenaga bersih (NEM) dan loji

fotovoltan solar berskala besar (LSS) diperkenalkan untuk menggalakkan penjanaan RE dan untuk mencapai sasaran penjanaan RE bagi 2,080MW menjelang 2020.

NEM membolehkan elektrik penggunaan sendiri yang dijana oleh pengguna sistem PV, di samping menjual tenaga berlebihan kepada syarikat-syarikat utiliti. Pengguna boleh memanfaat dari segi penjimatian bil elektrik melalui pengurangan penggunaan elektrik dan kredit tenaga daripada penjanaan kuasa solar.

Satu skim bagi loji fotovoltan solar berskala besar (LSS) diperkenalkan pada Mac 2016, menarik pemaju untuk menghasilkan tenaga boleh diperbaharui dalam kapasiti lebih besar seperti daripada 1MW kepada 50MW dengan kapasiti tahunan agregat yang disasarkan sebanyak 200MW

di Semenanjung Malaysia dan 50MW di Sabah (sasaran kapasiti terkumpul sebanyak 1,000MW dalam masa 4 tahun menjelang 2020).

Pada 2016, sebanyak 111 projek tenaga boleh diperbaharui dengan jumlah pelaburan RM1.9 bilion diluluskan, yang mana pelaburan domestik bernilai sehingga RM1.7 bilion (88%) dan pelaburan asing adalah RM233.8 juta (12%).

Pelaburan diluluskan termasuk 81 projek solar dengan pelaburan berjumlah sehingga RM588.8 juta, enam projek biojisim dengan jumlah RM343.6 juta, 12 projek biogas (RM145.7 juta), 10 projek mini-hidro (RM806.6 juta), dan dua projek dengan sumber digabung iaitu solar, biojisim dan biogas berjumlah RM64.0 juta.

Projek-projek ini dijangka akan menjana kira-kira 615 peluang pekerjaan. Salah satu projek besar diluluskan pada 2016 adalah sebuah projek penjanaan solar RE bernilai RM66.7 juta untuk ditempatkan di Jasin, Melaka. Projek tersebut dijangka akan menjana 12MW kapasiti tenaga bagi penggunaan sendiri untuk meyokong operasi perkilangan kaca mereka yang memakan tenaga tinggi.

Sehingga kini, ini merupakan projek solar RE terbesar yang dijana untuk penggunaan sendiri.

Sebuah lagi projek biojisim yang terkenal akan ditempatkan di Padang Terap, Kedah dengan pelaburan bernilai RM121.1 juta akan menggunakan sekam padi dan serpihan kayu untuk

menghasilkan elektrik, dengan kapasiti berpotensi mencapai 9.95MW.

Projek ini adalah yang pertama seumpamanya di negara dan dijangka akan menggunakan 300 tan sekam padi/serpihan kayu setiap hari atau kira-kira 9,000 tan setiap bulan untuk menjana elektrik. Secara tidak langsung, projek ini juga membantu meringankan masalah yang dihadapi oleh pengilang beras untuk melupus sekam padi mereka.

KECEKAPAN TENAGA (EE)/ PENJIMATAN TENAGA (EC)

Pelaburan dalam projek kecekapan tenaga (EE)/ penjimatatan tenaga (EC) amat menjanjikan masa hadapan yang cerah memandangkan kenyataan bahawa permintaan dan penggunaan tenaga semakin berkembang dan ia merentasi semua sektor, terutamanya sektor perkilangan.

Dari pandangan sejarahnya, kadar pertumbuhan Malaysia bagi permintaan tenaga lebih tinggi daripada keluaran dalam negeri kasar (KDNK), dan ketidakseimbangan nisbah ini menunjukkan aktiviti berintensif tenaga mendorong pertumbuhan negara, membawa kepada keperluan untuk menggalakkan penggunaan tenaga dengan cekap.

Di bawah Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga (NEEAP) yang diperkenalkan pada Januari 2016, tumpuan mereka adalah untuk menangani isu-isu berkaitan bekalan tenaga dengan pengurusan permintaan dengan cekap.

Pelan 10 tahun tersebut (2016-2025) bermatlamat menggalakkan kecekapan tenaga dalam tiga sektor sasaran iaitu perindustrian, yang menggunakan kira-kira 44.2 peratus daripada tenaga dijana, komersial (33%) dan selebihnya adalah perumahan.

Matlamat mereka adalah untuk memastikan penggunaan tenaga yang produktif dan mengurangkan sisa bagi menyumbang kepada pembangunan mampan dan meningkatkan kebajikan dan daya saing dengan sasaran lapan peratus penjimatan tenaga negara sebanyak 52,233 GW dan pengurangan CO₂ sebanyak 37,702 ktCO₂eq.

Semakin banyak syarikat sedang mempertimbangkan dan beralih ke arah teknologi hijau dalam aktiviti mereka, termasuk pengilang, pengendali pusat membeli-belah, bangunan komersial, dan pengendali yang menggunakan tenaga lain-lain.

Pada 2016, sebanyak 19 projek kecekapan tenaga (EE)/ penjimatatan tenaga (EC) dengan jumlah pelaburan RM248.5 juta diluluskan.

Daripada itu, tiga projek dilaksanakan melalui syarikat perkhidmatan tenaga (ESCO) dan 15 projek diambil oleh sektor perindustrian dan komersial.

Sebahagian besar daripada pelaburan tersebut disumbang oleh sumber domestik, berjumlah sehingga RM235.6 (95%) daripada jumlah pelaburan diluluskan berbanding RM12.9 juta (5%) daripada sumber asing.

Pelaburan dalam projek EE ini dijangka akan menjana 142 peluang pekerjaan.

Pengurusan Sisa

Di Malaysia, sisa adalah penyumbang kedua terbesar kepada pelepasan gas rumah hijau (GHG) yang berada di belakang sektor tenaga, seperti yang dibuktikan oleh kebanyakan tapak pelupusan untuk pelupusan sisa.

Di bawah RMK-11, salah satu strategi dikenal pasti untuk melaksanakan pertumbuhan hijau adalah dengan menguruskan sisa secara sistematis dan holistik.

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara serta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) akan menerajui inisiatif ini, bersama agensi berkaitan lain termasuk Lembaga Pelesenan Tenaga Atom, Jabatan Pertanian, DOE, Jabatan Mineral dan Geosains, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan MIDA.

Pada 2016, dua projek pengurusan sisa diluluskan dengan jumlah pelaburan RM381.9 juta untuk aktiviti pengurusan sisa pepejal bersepadan termasuk penjanaan tenaga daripada biogas; dan rawatan sisa perubatan daripada pensterilan gas.

Kedua-dua projek dijangka akan menjana kira-kira 112 peluang pekerjaan.

Di samping itu, sebuah lagi projek diluluskan yang besar dan akan ditempatkan di Port Dickson, Negeri Sembilan dengan pelaburan bernilai RM332.4 juta melibatkan

pengurusan sisa pepejal bersepadan menggunakan sisa pepejal modular pemulihan lanjutan dan sistem rawatan (SMART).

Seramai 85 orang pekerja akan diambil bagi projek ini.

Sebanyak 800MT sisa pepejal akan diuruskan setiap hari melalui pelbagai proses termasuk pemulihan, kitar semula, pelupusan dan sisa kepada tenaga dengan eksport kapasiti sebanyak 20MW untuk menjana elektrik menggunakan biojisim dan biogas.

Sebuah lagi projek akan ditempatkan di Sendayan, Negeri Sembilan dengan pelaburan bernilai RM49.5 juta akan mengguna pakai teknologi pensterilan gas baharu untuk merawat sisa perubatan. Projek ini adalah bagi melengkapkan perkhidmatan konsesi terkini yang telah mencapai kapasiti rawatan penuh disebabkan oleh peningkatan sisa perubatan dijana oleh hospital dan klinik awam/swasta.

Perkhidmatan Hijau

Kepentingan pembekal perkhidmatan hijau untuk menyokong peralihan pertumbuhan hijau amat sejarar dan syarikat yang membekal perkhidmatan berkaitan teknologi hijau kini boleh dipertimbangkan untuk insentif teknologi hijau seperti yang diumumkan di bawah Bajet 2014.

Aktiviti perkhidmatan teknologi hijau yang berkelayakan berada pada RE, EE, kenderaan elektrik (EV), bangunan hijau/ pusat data hijau, pensijilan dan pengesahan hijau, serta perbandaran hijau.

Peranan syarikat perkhidmatan untuk meningkatkan penggunaan amalan hijau adalah sama penting.

Pada 2016, sebanyak 14 projek perkhidmatan dengan jumlah pelaburan RM37.6 juta diluluskan, kebanyakannya dikuasai oleh pemain tempatan dengan pelaburan RM35.9 juta (95%) dan selebihnya RM1.7 juta (5%) adalah sumbangan daripada pelaburan asing.

Projek aktiviti perkhidmatan hijau ini akan melibatkan kira-kira 73 orang pekerja. Kebanyakan daripada aktiviti perkhidmatan hijau diluluskan adalah penyepadan sistem fotovoltan solar dan empat pembekal perkhidmatan berkaitan dengan pembinaan hijau.

PERNIAGAAN DAN PERKHIDMATAN PROFESIONAL

Penerokaan sains, kejayaan teknologi dan inovasi merupakan tiga penggerak utama ke arah mencapai pertumbuhan holistik dalam pembangunan negara.

Melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan, MIDA bersama agensi-agensi berkaitan dan pihak berkepentingan bekerjasama rapat dalam memastikan sumber-sumber dipindahkan secukupnya untuk memaksimumkan manfaat masyarakat bagi pelaburan penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Keutamaan akan diberikan kepada program penyelidikan yang memanfaatkan beberapa sektor ekonomi seperti nanoteknologi, robotik,

automasi, serta sistem siber fizikal dan perisian mereka berkaitan bandar pintar dengan harapan bahawa Malaysia menjadi selangkah lebih dekat dalam mencapai 2.0% perbelanjaan kasar bagi R&D (GERD) pada 2020 lalu meletakkan kedudukan negara Malaysia sebagai hab aktiviti berteknologi tinggi.

Badan Penilaian Pematuhan Bebas (ICAB)

Sebagai sebahagian daripada pendekatan sinergi untuk mengukuhkan ekosistem R&D, kerajaan memperkenalkan insentif baharu bagi Badan Penilaian Pematuhan Bebas (ICAB) tahun ini, yang bermatlamat untuk meningkatkan perkhidmatan sokongan ujian dan teknikal bagi pelbagai industri di Malaysia.

Insentif ini menjurus ke arah merangsang pembekal perkhidmatan ICAB baharu, bertumpu kepada perkhidmatan ujian tercanggih. Dengan menggunakan ICAB tempatan ini, syarikat perkilangan mampu membebaskan diri daripada kos tinggi yang berasal daripada perkhidmatan kemudahan ujian luar negara.

Selain daripada makmal ujian, makmal penentukan, badan pensijilan, dan kemudahan ujian Pematuhan Amalan Makmal Baik juga berkelayakan untuk menikmati insentif.

MIDA menjangkakan pengenalan terhadap inisiatif seumpama ini, lebih banyak ICAB antarabangsa dan tempatan akan berminat untuk menubuhkan dan mengembangkan projek mereka di negara ini, dengan itu

terus memperkuuh rantai bekalan R&D hujung ke hujung Malaysia.

Kerjasama Penyelidikan Universiti-Industri

Bagi memaksimumkan manfaat masyarakat bagi pelaburan R&D, reka bentuk penyelidikan harus berpandu kepada keperluan pihak berkepentingan dan industri-industri, di mana interaksi adalah diperlukan untuk menghubungkan jurang antara ahli akademik dan industri untuk mara ke arah pengkomersialan hasil penyelidikan.

MIDA telah lama bercita-cita untuk berada di barisan hadapan bagi menghubungkan keupayaan penyelidikan universiti dengan keperluan industri kepada produk yang berpotensi komersial tinggi, melalui pemadanan perniagaan dan insentif cukai, dengan tujuan utama iaitu untuk menjenamakan semula ahli akademik kepada badan penyelidikan yang didorong pasaran, bersedia untuk pengkomersialan yang akan melengkapkan keperluan industri.


Dengan penawaran insentif kepada R&D, entiti daripada institusi pengajian tinggi dan pengilang mampu memperuntukkan pelaburan R&D dengan lebih tinggi, sebagaimana mereka dijamin mempunyai minda penyelidikan terbaik yang negara ini perlu tawarkan bagi pembangunan produk mereka. Kerjasama ini juga akan memanfaat graduan baharu sebagaimana mereka mendapat pendedahan awal kepada R&D perindustrian.

Ia juga akan membantu mereka untuk memperoleh kemahiran tertentu untuk memenuhi permintaan dan jangkaan industri yang berkaitan dengan pengambilan pekerja.

Projek R&D Diluluskan

Pada 2016, RM266 juta diluluskan bagi tujuh projek diluluskan di Malaysia, yang mana RM234.7 juta (88.2%) datang daripada sumber asing manakala RM31.3 juta (11.8%) daripada domestik. Projek-projek ini dijangka akan mewujudkan 687 pekerjaan berpendapatan tinggi.

Bahagian Pelaburan bagi Projek R&D Diluluskan, 2016



Sumber: MIDA

Daripada tujuh projek ini, dua projek adalah daripada syarikat yang diberikan insentif cukai diluluskan bagi R&D Kontrak, satu projek bagi syarikat R&D diluluskan, dua syarikat dianugerahkan Status R&D dan dua R&D dalaman.

Sebahagian besar pelaburan tersebut adalah daripada projek R&D Kontrak sumber domestik diluluskan bernilai sehingga RM37.36 juta, yang mana akan menjana 36 pekerjaan berpendapatan tinggi.

Salah satu daripada projek R&D Kontrak diluluskan adalah bagi teknologi baharu dan proprietari untuk penambahbaikan dan peningkatan kemudahan pengeluaran huluan, bagi menampung industri minyak dan gas.

Syarikat Malaysia dengan rekod prestasi yang ketara dan proses teknologi mesra alam sekitar akan menambah pertumbuhan industri minyak dan gas di Malaysia dengan menyokong aktiviti huluan seperti kemudahan pengeluaran terapung, platform kepala telaga, platform pemrosesan luar pesisir dan unit pengeluaran luar pesisir mudah alih. Kesemua teknologi ini akan dibangunkan secara dalaman, terus membuktikan keupayaan mereka sebagai pembangun teknologi utama dalam industri tersebut. Sebanyak RM31.2 juta telah dilaburkan dalam projek ini yang akan membawa kepada penciptaan 24 pekerjaan kemahiran.

Sektor automotif juga dikukuhkan melalui satu projek syarikat R&D yang memberikan perkhidmatan dalam

pembangunan komponen dan bahan automotif termasuk bumbung, lantai karpet, rak tengah, sarung penutup but dan penebat tukup. Syarikat tersebut, melalui penubuhan pusat ujian dan R&D komprehensif sendiri, akan berkhidmat sebagai platform reka bentuk dan pembangunan hujung ke hujung bagi busa poliuretana berkualiti tinggi yang akan digunakan dalam pengeluaran bumbung automobil. Syarikat ini dijangka akan menjana sehingga RM2.9 juta dan 14 pekerjaan berpendapatan tinggi untuk warga Malaysia.

Tahun 2016 juga menyaksikan peningkatan usaha untuk menggukuhkan kerjasama penyelidikan universiti-industri di negara ini. MIDA sebagai agensi pempromosi pelaburan utama, telah meluluskan lagi dua projek berstatus R&D bagi syarikat baharu daripada dua universiti berlainan yang bertumpu kepada pertanian, kimia, elektrik dan elektronik, perubatan tropika serta biologi begitu juga pembangunan ekosistem halal.

Pemain industri akan terlibat secara aktif dalam aktiviti R&D melalui penggunaan syarikat status diluluskan ini di mana akses mudah kepada pakar universiti dicagar, dalam masa sama membolehkan ahli akademik untuk menghasilkan lebih banyak penyelidikan dengan potensi komersial lebih tinggi berdasarkan keperluan industri. Dengan gabungan pelaburan bernilai RM14.9 juta, industri ini dijangka akan menjana 25 pekerjaan kemahiran kepada pasaran.

Perniagaan dan Perkhidmatan Profesional

Sebagai salah satu teras dalam 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), Perniagaan dan Perkhidmatan Profesional dikenal pasti sebagai sektor bernilai tambah tinggi yang merangkumi industri-industri amat tersendiri dengan pelbagai perkhidmatan bernilai tinggi seperti kejuruteraan, undang-undang, seni bina dan perkhidmatan telekomunikasi.

Memandangkan dasar sektor yang komprehensif dan strategi yang merentasi subsektor, ia mempunyai potensi yang besar dalam menjana pertumbuhan ekonomi yang ketara dan pewujudan pekerjaan, meningkatkan produktiviti dan mengukuhkan daya saing yang akan terus menyumbang kepada peningkatan eksport perkhidmatan dan pelaburan kepada negara.

Sejajar dengan aspirasi ekonomi kebangsaan, MIDA sebagai hab pertengahan bagi pelaburan di Malaysia telah mempermudah pelbagai pelaburan dalam subsektor ini bagi tahun 2016. Antara pelaburan utama yang telah diluluskan dengan pertolongan MIDA bagi tahun ini adalah seperti berikut:

Geran Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF) bagi syarikat perkhidmatan transkripsi media yang mentranskripsikan pita data seismik lama kepada media digital untuk kegunaan industri minyak dan gas. Antara lainnya, syarikat tersebut akan mengendalikan data seismik sensitif mengandungi maklumat penting tentang rizab minyak mentah Malaysia.

Jumlah pelaburan modal yang terlibat bernilai sehingga RM14.2 juta.

Projek outlet premium kelima Malaysia dilengkapi fesyen dan barang mewah untuk memenuhi permintaan tempatan dan antarabangsa. Penubuhan outlet ini akan meletakkan Malaysia di peta dunia sebagai salah sebuah syurga membeli-belah di rantau ini yang menyepadukan jenama tempatan dan jenama antarabangsa terkenal. Jumlah pelaburan bagi projek ini adalah RM320 juta dan ia akan memberikan 120 peluang pekerjaan kepada warga Malaysia.

HULUAN MINYAK DAN GAS

Subsektor perkhidmatan minyak dan gas merangkumi aktiviti penerokaan, penilaian, pembangunan serta pengeluaran minyak dan gas. Ia juga termasuk penyahtaulianan pelantar, logistik dan perkhidmatan penyimpanan (pertengahan).

Aliran menurun bagi harga minyak telah mengubah lanskap perniagaan minyak dan gas peringkat global secara drastik dan memaksanya untuk menjimatkan kos dan bertumpu kepada produktiviti dan dalam masa sama memupuk teknik dan teknologi berinovatif untuk menambahbaik kecekapan perkhidmatan serta daya saing.

Situasi ini juga memaksa syarikat untuk menyatukan dan menyelaraskan operasi mereka melalui penggabungan dan pengambilalihan (M&A).

Antara M&A utama dalam industri ini termasuk FMC

& Technip, Cameron & Schlumberger serta GE & Baker Hughes. Syarikat gabungan terbaru ini dijangka akan menjadi lebih mantap dan kos efektif untuk memastikan kemampuan jangka masa panjang.

Beberapa syarikat, seperti McDermott, Subsea7 dan Technip juga telah memilih untuk menempatkan semula operasi mereka dari Singapura ke Malaysia dalam satu usaha untuk mengurangkan kos operasi.

Pada 2016, RM240.3 juta pelaburan diluluskan bagi subsektor minyak dan gas, dengan 70 peluang pekerjaan diwujudkan berbanding jumlah pelaburan pada tahun lepas bernilai RM84.3 juta dan 91 peluang pekerjaan.

Projek diluluskan bagi 2016 adalah untuk membangunkan pusat bekalan pengguna bersama di Tanjung Langsat, Johor, yang mensasarkan untuk menarik lebih ramai pelabur dari Singapura.

Ita dianggarkan bahawa syarikat-syarikat ini mampu menjimatkan 25 peratus daripada kos operasi jika mereka memindahkan operasi dari Singapura ke pusat bekalan pengguna bersama di Johor.

Pusat bekalan pengguna bersama tersebut menawarkan kemudahan lengkap termasuk gudang, penyimpanan terbuka, kompleks perkilangan, peralatan pembaikan dan servis serta perkhidmatan logistik.

Sejajar dengan pembangunan Kompleks Petrokimia Bersepadu Pengerang (PIPC) di Johor, pusat

bekalan pengguna bersama tersebut berhasrat untuk menarik industri perkhidmatan sokongan bagi melengkapkan pembangunan PIPC.

Jentera dan Kelengkapan bagi Minyak dan Gas

Pada 2016, sebelas projek telah diluluskan oleh MIDA bagi subsektor perkilangan minyak dan gas dengan pelaburan RM227 juta. Projek ini dijangka akan mewujudkan 506 peluang pekerjaan.

Dua daripada projek diluluskan bagi subsektor minyak dan gas pada 2016 adalah daripada Eureka Efektif Sdn Bhd, yang kini sedang mengembangkan kemudahan sedia ada mereka dengan pelaburan tambahan RM10.1 juta.

Eureka bermula sebagai pembekal perkhidmatan pembersihan saluran paip dan kemudiannya meningkatkan rantaian nilai untuk menghasilkan peralatan pembersihan saluran paip mereka sendiri serta meletakkan nama mereka di pasaran global. Ini merupakan testimoni bahawa syarikat tempatan mampu untuk bersaing dengan pemain global.

Satu pelaburan diluluskan lain adalah daripada Romstar Research and Development Sdn Bhd bagi projek pelbagai untuk menghasilkan kebocoran fluks magnet (MFL), alat pemeriksaan sebaris/peralatan penyaluran pintar (IP) dan alat angkup berbilang saluran.

Jumlah pelaburan tambahan bagi projek tersebut adalah RM2.9 juta. Romstar & Research Development diwujudkan untuk menampung kepada pengeluaran



peralatan pemeriksaan pintar untuk dibenamkan kepada peralatan dikeluarkan oleh Romstar Polymer.

kesihatan untuk memastikan kewujudan ekosistem mampan bagi industri tersebut untuk berkembang maju.

membangunkan strategi dan program untuk membawa industri pelancongan penjagaan kesihatan Malaysia di barisan hadapan.

PERKHIDMATAN PENJAGAAN KESIHATAN

Perkhidmatan penjagaan kesihatan di Malaysia amat dikenali dan menerima anugerah-anugerah berprestij dalam pelbagai kategori di peringkat antarabangsa dan serantau, dan telah menjadikan negara destinasi pilihan utama bagi pelancong dan pengguna penjagaan kesihatan. MIDA mengambil peranan utama dalam menggalakkan pelaburan dalam industri penjagaan

Malaysia telah membangunkan secara progresif subsektor perkhidmatan pelancongan penjagaan kesihatan dengan Majlis Pelancongan Penjagaan Kesihatan Malaysia (MHTC) dan pihak berkepentingan yang berkaitan termasuk Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Tourism Malaysia dan Persatuan Doktor Pergigian Malaysia (MDA) yang memainkan peranan aktif dalam

Sebagai badan utama yang ditubuhkan untuk mempromosi pelancongan perubatan, MHTC dianugerahkan Majlis Pelancongan Asia Pasifik Terbaik Tahunan oleh Frost & Sullivan pada 2016 di bawah Anugerah Penjagaan Kesihatan dan Pelancongan Asia Pasifik. Sementara itu, IHH Healthcare Berhad diiktiraf sebagai Pembekal Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asia Pasifik Terbaik Tahunan.

Di bawah kategori Anugerah Pilihan Pengguna GHT bagi 2016, Pusat Perubatan Sunway dianugerahkan Pembekal Perkhidmatan Pembedahan Kosmetik dan Estetik Terbaik Tahunan, dan Institut Jantung Negara memenangi gelaran Pembekal Perkhidmatan Kardiologi Terbaik Tahunan.

Anugerah Pelancongan Perubatan 2016 oleh Jurnal Pelancongan Perubatan Antarabangsa (IMTJ) juga telah menganugerahkan Malaysia sebagai negara pilihan bagi pelancong penjagaan kesihatan sebagai Destinasi Tahun Ini di bawah kategori pelancongan kesihatan dan perubatan. Salah satu pengendali hospital swasta terkenal di Malaysia turut dianugerahkan di bawah kategori Hospital Antarabangsa. Kemunculan Malaysia sebagai pemain kukuh dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan peringkat global telah dibuktikan melalui pengiktirafan diberi oleh International Living Magazine, di mana Malaysia (bersama Colombia, Costa Rica dan Panama) telah disenaraikan sebagai "Empat Negara dengan Penjagaan Kesihatan Terbaik di Dunia pada 2016" dan juga "Penjagaan Kesihatan Pesara Terbaik di Planet pada 2016" selain Colombia, Costa Rica dan Panama.

Industri pelancongan perubatan telah mengalami pertumbuhan ketara sejak 2012. Pertumbuhan tersebut boleh dilihat daripada jumlah pelancong perubatan yang datang ke Malaysia yang meningkat daripada 728,000 pada 2012 kepada 859,000 pada 2015. Di samping itu, rekod menunjukkan bahawa

pendapatan dijana daripada industri pelancongan perubatan telah meningkat kepada RM914 juta pada 2015 daripada RM603 juta pada 2012. Pelancong penjagaan kesihatan utama dicatat pada 2016 datang daripada Indonesia, diikuti oleh India dan China.

Berhubung dengan pelaburan dalam industri penjagaan kesihatan swasta, tiga projek milik Malaysia sepenuhnya dan satu projek sebanyak 54 peratus daripada penglibatan syarikat asing diluluskan bagi subsektor perkhidmatan penjagaan kesihatan pada 2016 dengan jumlah pelaburan RM188.5 juta. Ia dijangkakan bahawa 266 peluang pekerjaan baharu akan diwujudkan dengan pelaksanaan projek-projek ini.

PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

Pendidikan menyumbang impak yang ketara kepada pembangunan sesebuah negara. Malaysia juga telah memulakan pelbagai pelan tindakan untuk mengubah sistem pendidikan negara terutamanya Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), yang telah diiktiraf dengan sewajarnya sebagai pengubah strategi dalam RMK-11. TVET adalah komponen kritikal dalam pendidikan sebagai permintaan pemain industri kerana modal insan yang berkemahiran harus dipenuhi. Penukaran 72 sekolah vokasional dan lapan sekolah teknik kepada kolej vokasional serta penubuhan lapan kolej baharu akan terus meningkatkan sistem penghantaran TVET di negara.

Pelaburan asing dalam subsektor pendidikan memainkan peranan penting dalam pembangunan pendidikan di negara. Ia melengkapi sektor pendidikan awam negara dalam memberikan peluang pendidikan, penjimatan pertukaran asing serta membina Malaysia sebagai hab bagi pendidikan cemerlang.

Latihan berorientasikan industri di tempat kerja telah memanfaat lebih daripada 63,000 orang pekerja sejak pengenalaannya pada 2004 di bawah Sistem Latihan Dual Nasional.

Sejajar dengan peningkatan dalam beberapa pendidikan swasta di Malaysia, kerjasama antara pembekal pendidikan swasta tempatan dan pendidikan asing juga telah meningkat. Subsektor pendidikan swasta Malaysia menyokong usaha kerajaan untuk memberikan akses kepada pendidikan berkualiti dalam semua segmen.

Sebanyak 670 projek diluluskan bagi subsektor ini pada 2016, termasuk pelaburan RM581.8 juta. Pelaburan domestik bernilai sehingga RM426.8 juta (73.4%) manakala pelaburan asing berjumlah RM155 juta (26.6%). Sebagai perbandingan, sebanyak 613 projek diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM1.5 bilion bagi tempoh yang sama pada 2015.

Pelaburan diluluskan pada 2016 adalah gabungan kedua-dua projek baharu dan projek pembesaran kolej/universiti swasta, pusat kemahiran dan institusi pendidikan swasta lain, termasuk sekolah antarabangsa/swasta.

PELANCONGAN (TERMASUK HOTEL)

Terdapat banyak tarikan di Malaysia yang memastikan industri pelancongan Malaysia boleh terus berkembang meskipun terdapat banyak cabaran sosio ekonomi global sekali-sekala. Industri pelancongan kini berkembang pada kadar yang besar. Pada 2015, pelancongan merupakan penyumbang pelaburan swasta kedua tertinggi pada jumlah RM24.5 bilion dan penyumbang GNI ketiga tertinggi pada jumlah RM67.1 bilion.

Pada 2016, Malaysia menasarkan untuk menarik 30.5 juta pelancong berbanding 25.7 juta pada 2015, menyumbang sebanyak RM103 bilion resit pelancong daripada RM69.1 bilion pada tahun sebelumnya. Bagi mengukuhkan kedudukan negara sebagai destinasi pelancongan utama, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC) mengetuai pembangunan industri ini manakala Tourism Malaysia dan Pusat Pelancongan Malaysia bekerjasama untuk mempromosi produk serta perkhidmatan pelancongan negara, sama ada dalam atau luar negara. Industri pelancongan di Malaysia mencapai kejayaan yang ketara di peringkat antarabangsa dan tempatan. Kejayaan Malaysia sebagai Destinasi Membeli-belah Kelima Terbaik di Dunia diberikan oleh Expedia UK 2016 menunjukkan Malaysia menjadi pilihan utama kepada pelancong luar negara.

Subsektor hotel dan pelancongan terus berkembang

sepantjang 2016, menyaksikan 97 projek diluluskan dengan pelaburan RM4.7 bilion. Daripada ini, 71.9 peratus (RM3.4 bilion) datang daripada pelaburan domestik, manakala selebihnya adalah pelaburan asing (RM1.3 bilion).

Projek hotel diluluskan yang utama kebanyakannya dimiliki dan diuruskan oleh pengendali tempatan, yang telah membawa jenama antarabangsa kepada projek mereka seperti Acmar Hotel & Residence di Klang, yang akan menampakkan lebih banyak landskap menarik pada hartanah mereka, dipadankan dengan Courtyard by Marriot di Pulau Pinang dan DoubleTree by Hilton di Melaka, kedua-duanya di bawah Marriot International Inc. dan Hilton Worldwide Holdings Inc. masing-masing.

Antara projek diluluskan yang besar dalam subsektor pelancongan adalah Borneo Samariang Resort City bertempat di Kuching. Ia merupakan taman tema air berskala besar melebihi 20 ekar dilengkapi taman safari serta pusat mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran (MICE) yang akan meningkatkan pembangunan tambahan di Bandar Samariang. Sebuah lagi projek adalah Langkawi Water Kingdom di Kedah, yang merupakan taman tema air pertama di Langkawi.

SYARIKAT BERSTATUS MSC

Pada 2016, sebanyak 336 syarikat diluluskan Status MSC dengan pelaburan diluluskan RM6.4 bilion (4.5%). Dibandingkan dengan tahun

2015, sebanyak 249 syarikat diberikan Status MSC dengan pelaburan diluluskan bernilai sehingga RM4.6 bilion (4%). Pelaburan domestik bernilai RM3.5 bilion (3.1%) manakala pelaburan asing berjumlah RM2.9 bilion (10.2%). Sebanyak 18,171 peluang pekerjaan dijangka akan diwujudkan oleh syarikat-syarikat berstatus MSC ini, berbanding dengan 12,853 peluang pekerjaan pada 2015.

HARTANAH (PERUMAHAN)

Hartanah meliputi industri perumahan (tidak termasuk bangunan komersial) di Malaysia. Pada 2016, sebanyak 680 projek diluluskan dengan jumlah pelaburan bernilai sehingga RM64.1 bilion, hampir kesemua bahagian (97.5%) datang daripada sumber domestik. Sebagai perbandingan, sebanyak 911 projek diluluskan dengan pelaburan RM26.9 bilion pada 2015.

PENGANGKUTAN

Subsektor pengangkutan meliputi pengangkutan maritim, penerangan serta pembinaan dan penyelenggaraan lebuhraya. Pada 2016, sebanyak 14 projek diluluskan dengan pelaburan RM1.9 bilion. Pelaburan domestik bernilai sehingga RM1.8 bilion manakala pelaburan asing berjumlah RM33.1 juta. Sebanyak 280 peluang pekerjaan dijangka akan diwujudkan oleh subsektor ini. Sebagai perbandingan, pelaburan diluluskan dalam subsektor pengangkutan pada 2015 berjumlah RM15.9



bilion. Pelaburan diluluskan pada 2016 kebanyakannya datang daripada pelaburan domestik dengan subsektor penerbangan mengambil bilangan tertinggi iaitu 11 projek bernilai RM393.3 juta manakala tiga projek diluluskan bagi subsektor pembinaan dan penyelenggaraan lebuh raya dengan pelaburan bernilai sehingga RM1.4 bilion.

TELEKOMUNIKASI

Subsektor telekomunikasi meliputi kemudahan rangkaian, perkhidmatan rangkaian,

perkhidmatan aplikasi (termasuk perkhidmatan aplikasi kandungan), postal dan penyiaran. Pada 2016, jumlah pelaburan dalam subsektor ini berjumlah sehingga RM5.9 bilion, di mana kesemuanya adalah pelaburan domestik. Sebagai perbandingan, pelaburan diluluskan bagi subsektor telekomunikasi pada 2015 berjumlah RM8.9 bilion.

UTILITI

Sebagai penyumbang utama bagi pelaburan dalam sektor perkhidmatan selepas harta tanah,

subsektor utiliti merangkumi perkhidmatan utiliti tenaga dan air. Utiliti tenaga termasuk penjanaan, penghantaran dan pengedaran elektrik oleh TNB, Syarikat SESCO Bhd. (SESCO) dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB). Perkhidmatan utiliti air ditawarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB).

Pelaburan pada 2016 bernilai sehingga RM10.5 bilion berbanding dengan RM11.6 bilion dicatat pada 2015. Pelaburan bagi tempoh tersebut juga didorong oleh sumber domestik.

PERKHIDMATAN KEWANGAN

Subsektor perkhidmatan kewangan merangkumi perbankan, insurans dan pasaran modal (pengurusan dana, nasihat pelaburan, perancangan kewangan, modal teroka dan broker).

Pelaburan pada 2015 bagi subsektor ini bernilai sehingga RM13.7 bilion. Sebagai perbandingan, pelaburan diluluskan pada 2015 dicatat pada RM15.4 bilion.

Pelaburan disokong oleh sumber domestik yang bernilai sehingga RM10.6 bilion (77.4%) manakala pelaburan asing berjumlah RM3.1 bilion (22.6%). Segmen perbankan kekal sebagai penyumbang terbesar bagi subsektor ini dengan pelaburan berjumlah RM13.4 bilion yang diketuai oleh aktiviti perbankan konvensional yang menjana RM11.7 bilion. Pelaburan bagi insurans dan pasaran modal masing-masing mencatat RM265.3 juta dan RM3.2 juta.

RM9.3 bilion. Mara ke hadapan, sebanyak 52,052 peluang pekerjaan dijangka akan diwujudkan oleh subsektor ini.

Sebagai perbandingan dengan tahun 2015, pelaburan pada 2016 diketuai oleh pelaburan asing bernilai sehingga RM5.7 bilion (61.3%) berbanding dengan pelaburan domestik berjumlah RM3.6 bilion (30.7%).

PERDAGANGAN PENGEDARAN

Sebuah lagi subsektor utama yang menyumbang kepada pelaburan dalam sektor perkhidmatan adalah perdagangan pengedaran yang merangkumi pemborongan dan perdagangan runcit; pasar raya besar, gedung membeli-belah dan jualan langsung; francais; serta projek diluluskan di bawah Akta Pembangunan Petroleum (PDA), 1974.

Pada 2016, sebanyak 1,449 projek diluluskan dengan pelaburan bernilai sehingga

PELABURAN DALAM SEKTOR UTAMA

PRESTASI SUBSEKTOR UTAMA

Sektor utama merangkumi tiga subsektor besar iaitu pertanian; perlombongan; serta perladangan dan komoditi.

Pertanian

Pada 2016, sebanyak 16 projek diluluskan dengan jumlah pelaburan RM69.4 juta, di mana kesemua adalah pelaburan domestik. Projek-projek ini dijangka akan menjana 529 peluang pekerjaan.

Perlombongan

Pelaburan dalam subsektor perlombongan merangkumi penerokaan minyak dan gas serta perlombongan mineral lain.

Pada 2016, sebanyak 19 projek diluluskan dengan pelaburan RM7.6 bilion. Pelaburan asing bernilai sehingga RM3.3 bilion (43.4%) dan pelaburan domestik berjumlah RM4.3 bilion (56.6%). Pelaburan utama diperoleh daripada subsektor minyak dan gas yang menyumbang sebanyak RM7.5 bilion (98.7%).

Perladangan dan Komoditi

Pada 2016, pelaburan bernilai RM542.7 juta diluluskan bagi subsektor perladangan dan komoditi, di mana kesemuanya adalah pelaburan domestik. Sebanyak RM319.2 juta atau 58.8 peratus daripada jumlah pelaburan adalah bagi perladangan getah, manakala RM223.5 juta (41.2%) adalah bagi subsektor minyak sawit.





3

**“KOLABORASI KE ARAH
PENARIKAN PELABURAN
BERKUALITI”**

KORIDOR-KORIDOR WILAYAH

MAJLIS PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR (ECERDC)

ECER, yang meliputi negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing di Johor menawarkan potensi pelaburan yang besar kepada para pelabur. Kaya dengan sumber asli seperti tanah yang subur, sumber mineral, hutan hujan tropikal berusia beratus tahun, pantai dan pulau indah, minyak dan gas, sumber mineral dan perikanan, ECER juga berada di kawasan strategik, menghadap Laut China Selatan. Ini membolehkan akses secara terus menggunakan laut dan udara ke pasaran ASEAN yang sedang berkembang dan Asia Pasifik secara amnya, satu wilayah dengan jumlah populasi kira-kira 4 bilion dan Keluaran Dalam Negara Kasar tahunan digabungkan sebanyak AS\$17 trillion.

Pada tahun 2016, ECER berdepan dengan pelbagai cabaran untuk menarik pelaburan pada awal tahun. Walau bagaimanapun, dengan usaha berterusan dalam mempromosikan pelaburan ke wilayah ini melalui kolaborasi dengan Kerajaan Negeri selain agensi-agensi kerajaan persekutuan seperti MIDA dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), pelaburan-pelaburan mula masuk pada suku terakhir tahun 2016. Nilai keseluruhan pelaburan yang dibawa masuk mele过asi sasaran tahunan sebanyak RM12 bilion dan sejak penubuhan ECERDC pada tahun 2007 sehingga penghujung

tahun 2016, pelaburan sebanyak RM101 bilion telah dibawa masuk ke dalam wilayah ini. Pencapaian ini merupakan 91.8 peratus dari sasaran tahun 2020 sebanyak RM110 bilion. Pelaburan sebanyak 101 bilion ini dijangka dapat mewujudkan lebih dari 102,000 peluang pekerjaan kepada rakyat.

Objektif utama Agenda Pemerksaan Ekonomi Bumiputera ECER adalah untuk meningkatkan status sosio-ekonomi Bumiputera dalam ECER. Program Teraju@ ECER merupakan program yang direka khas untuk merealisasikan agenda ini. Sejak pelancarannya pada tahun 2012, sejumlah 176 syarikat Bumiputera telah mendapat manfaat dari inisiatif ini yang memberikan bimbingan dan khidmat nasihat perniagaan bagi pengembangan perniagaan dan bantuan kewangan. Sebanyak 94 syarikat Bumiputera berprestasi tinggi (syarikat-syarikat Teras) menerima bimbingan tersebut, manakala 82 syarikat Bumiputera lain, dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1.62 bilion, diberikan geran Dana Fasilitasi TERAJU berjumlah RM208 juta.

Dari segi sektor, kluster perkilangan menjadi pemacu utama dalam ekonomi ECER, menyumbang sebanyak 53 peratus dari jumlah keseluruhan pelaburan dibawa masuk ke dalam ECER di antara tahun 2007 dan 2016, mewujudkan kira-kira 53,000 peluang pekerjaan. Mara ke hadapan, kluster perkilangan dijangka akan berkembang lebih lagi, dicetuskan oleh pertambahan keluasan kawasan perindustrian dalam ECER.


Selain perkilangan, kluster utama lain termasuklah pelancongan; bio-ekonomi; minyak & gas dan petrokimia, yang mana kesemuanya mencatatkan peningkatan pelaburan, berkait rapat dengan limpahan sumber asli yang dimiliki ECER. Keseluruhannya, ketiga-tiga subsektor ini menyumbang kepada 33 peratus dari keseluruhan pelaburan dalam ECER, menghasilkan lebih dari 29,000 peluang pekerjaan untuk rakyat.

Subsektor bio-ekonomi telah berkembang dengan ketara pada kadar yang pesat dari segi pelaburan. Kini ia merupakan pelaburan ketiga terbesar dalam ECER (kedua dalam Terengganu), satu petunjuk peningkatan beransur-ansur dari segi rantaian nilai ekonomi sektor tersebut dalam rantau ini.

Pelancongan merupakan satu lagi subsektor penting dalam ECER yang mempunyai pelbagai aset pelancongan termasuklah pantai, pulau, hutan dan aset semulajadi lain. Potensi untuk menarik pelaburan dan mempromosikan pembangunan ekonomi melalui subsektor pelancongan adalah besar. Satu daripada projek pelancongan utama ialah projek pembangunan integrasi Pusat Bandar Kuala Terengganu (KTCC) yang meliputi kira-kira 180 ekar di kawasan pantai Terengganu yang indah. Berhadapan dengan Laut China Selatan, pembangunan tersebut akan meletakkan KTCC sebagai destinasi dermaga dan bandar bersejarah, hab Mesyuarat, Insentif, Konvensyen dan Pameran (MICE) dan pintu masuk ke pulau-pulau menarik di luar pantai Terengganu. Kuarter Pembelajaran, Enklaf

Sektor		Peluang Pekerjaan
1.	Perkilangan	52,777
2.	Pelancongan	20,237
3.	Bio-ekonomi	5,509
4.	Minyak & Gas	3,366
5.	Infrastruktur	400
6.	Hartanah	8,358
7.	Logistik	410
8.	Pertanian	4,115
9.	Perkhidmatan	5,569
10.	Pendidikan	1,544
Jumlah		102,285

Pelaburan Mengikut Sektor



Gaya Hidup Berintegrasi, Perkampungan Penjagaan Kesihatan, Masjid dan Souq.

Kesemua pelaburan ini adalah selaras dengan Model Ekonomi Baru Kerajaan yang memberi tumpuan terhadap ekonomi rakyat dan ekonomi modal. Tambahan pula, kesemua pembangunan kluster ekonomi dalam ECER menyokong Program Transformasi Ekonomi negara, yang mana fokus kepada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) sebagai sebahagian dari Rancangan Malaysia ke-10 (RMK10)

Salah satu dari taman perindustrian terbaik dalam ECER ialah Taman Perindustrian Malaysia-China Kuantan (MCKIP) yang mana telah menjadi salah satu dari pemacu utama dalam pertumbuhan ekonomi ECER. MCKIP yang bermula pada tahun 2013 dengan 1,400 ekar akan berkembang kepada 3,000 ekar. Ini mencerminkan pembangunan positif yang menunjukkan

keyakinan berterusan para pelabur untuk melabur dalam ECER. Hakikatnya, MCKIP telah memperoleh jumlah pelaburan hampir RM20 bilion dalam industri berteknologi tinggi termasuklah peralatan plastik dan logam, komponen automotif dan keluli.

Pembangunan infrastruktur-infrastruktur utama untuk menyokong pertumbuhan pesat dalam MCKIP juga berada di landasan yang betul. Fasa pertama peluasan Pelabuhan Kuantan kepada pelabuhan laut dalam, yang dimulakan melalui perkongsian awam-swasta, dijangka siap sepenuhnya pada S3 2017. Setelah siap, ia berupaya untuk menguruskan 52 juta tan kargo dan kapal sehingga 200,000 tan berat muatan menyediakan laluan yang lebih cepat dan terus di antara ECER dan pelabuhan-pelabuhan wilayah timur China.

ECERDC komited dalam mengubah wilayah ini kepada destinasi pelaburan bertaraf

dunia. Ketika kebanyakan pelaburan memanfaatkan kelebihan ECER dalam sumber asli menggunakan teknologi kontemporari tradisional, ECERDC juga berusaha untuk membina asas bagi aktiviti R&D dan inovasi bagi memastikan wilayah ini mencapai ekonomi yang mampan dan berdaya tahan. Dalam pada itu, kolaborasi penyelidikan di antara pemain industri dan ahli akademik adalah penting dalam membantu inovasi dalam kejuruteraan dan sains ke arah perkilangan yang lebih maju.

Oleh itu, satu Perjanjian Persefahaman (MoU) telah ditandatangani di antara Universiti Swansea dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang merupakan satu langkah penting dalam membuka laluan bagi kolaborasi antara industri – ahli akademik yang akhirnya menarik pelaburan bernilai tinggi dan mengisi pertumbuhan ekonomi baru dalam wilayah ini. Berikut MoU yang telah

ditandatangani, ECERDC berusaha untuk mengukuhkan kerjasama perkongsian kerja dan penyelidikan di antara Universiti Swansea dan industri-industri dalam ECER.

Antara intipati pelaburan utama bagi tahun ini di mana pelaburan melibatkan R&D atau inovasi adalah:

- Kaneka MS Sdn. Bhd. merancang untuk menghasilkan bahan kedap MS polimer, satu bahan mentah untuk pelekat dan salutan;
- Detik Aturan (Pahang) Sdn. Bhd. merancang untuk menghasilkan pellet biomas berdasarkan minyak sawit (pellet biomas minyak sawit) menggunakan teknologi tempatan untuk menghasilkan bahan api alternatif kepada bahan api konvensional seperti arang batu, diesel dan kerosin;
- Geliga Slipway Sdn. Bhd. (GSSB) meluaskan kapasitinya untuk membaiki kapal-kapal yang lebih besar. GSSB mempunyai pengalaman lebih dari 28 tahun dalam bidang membuat dan membaiki kapal; dan
- Upstream Downstream Services Sdn. Bhd. (UDPS), yang akan menjadi perintis dalam pembangunan pusat pembuangan Merkuri (Hg) dalam rantau ini. UDPS juga telah mengambil satu langkah ke hadapan dan menerima pengiktirafan dari Malaysia Book of Record bagi kategori syarikat patuh Syariah dalam industri Minyak & Gas.

PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), satu entiti yang ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 867), diberi mandat untuk memacu program pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara atau NCER. Inisiatif yang bertujuan untuk mempercepat pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan taraf pendapatan bagi negeri-negeri utara Semenanjung Malaysia ini meliputi Kedah, Perak, Perlis dan Pulau Pinang.

Tidak seperti koridor pembangunan lain di Malaysia, wilayah Utara merupakan inisiatif pembangunan semula, yang menggabungkan kawasan membangun dengan lokasi kurang membangun. Ia mempunyai tenaga kerja yang besar dan berpengetahuan, rangkaian logistik yang luas dan sofistikated untuk menyokong sektor ekonomi utama, persekitaran perniagaan yang berkembang maju dan kehadiran syarikat multinasional besar yang membawa jaringan dan pasaran global. Keupayaan NCER dalam mempelbagai ekonomi akan memastikan daya tahan wilayah ini dan pertumbuhan ekonomi jangka panjangnya.

NCER telah membawa masuk pelaburan swasta terkumpul sebanyak RM79.92 dari tahun 2009-2016 dan mewujudkan 103,597 peluang pekerjaan dari tahun 2010-2016 di rantau ini. Pada tahun 2016, ia mengorak langkah dengan program pembangunan Fasa II yang terdiri daripada projek mesra rakyat, mewujudkan 12,376

peluang pekerjaan, walaupun berlatarbelakangkan ekonomi yang mencabar.

Tambahan kepada itu, disebabkan oleh penyampaian pelbagai inisiatif kebangsaan dan serantau, NCER memperoleh kadar pertumbuhan tahunan KDNK lebih tinggi sebanyak 5.8 peratus berbanding Malaysia sebanyak 5.4 peratus dalam tempoh dari tahun 2010-2014; manakala median pendapatan isi rumah dalam NCER telah meningkat dengan 10 peratus (Kadar Pertumbuhan Tahunan Kompaun – CAGR) dari tahun 2009-2014, berbanding 3 peratus dari tahun 2002 hingga 2007.

Program SuriaKU, satu inisiatif mesra rakyat oleh NCIA, bertujuan untuk memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi kumpulan berpendapatan rendah (B40) dan membantu menggerakkan mereka kepada kumpulan berpendapatan sederhana (M40). Inisiatif ini membantu menjana pendapatan dengan memanfaatkan sumber tenaga solar – yang mana menggunakan teknologi hijau untuk menghasilkan tenaga bersih. Melalui program ini, ia menjangkakan kumpulan sasaran dapat memperoleh pendapatan tambahan di antara RM250 hingga RM600 sebulan. Projek pertama SuriaKU, yang bermula di Pauh, Perlis, akan dilaksanakan ke seluruh negara sebagai satu inisiatif di bawah Belanjawan 2017; dan dijenamakan semula sebagai MySuria. Kerajaan Malaysia telah meluluskan belanjawan sebanyak RM45 juta bagi MySuria yang akan memberi manfaat kepada 1,620 buah rumah.

Dengan pelaksanaan Pelan Tindakan Sosio-Ekonomi NCER 2016-2025 yang baru pada tahun 2017, NCIA terlibat dengan pelaburan ‘spin-off’ yang akan dijana dari nod seperti Lembah Chuping, ‘Kedah Rubber City’, Taman Sains dan Teknologi Kedah dan ‘Greater Kamunting’. Nod pertumbuhan baru ini bertindak sebagai pemangkin pembangunan bagi NCER dan akan terus menjadi tulang belakang pembangunan ekonomi di seluruh rantau ini bagi tempoh 15 tahun akan datang. Projek berimpak tinggi di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11) akan membantu negara dalam agendanya untuk menjadi ekonomi RM2 trilion pada tahun 2023.

Beberapa inisiatif utama lain di dalam Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand di bawah Strategi Pembangunan Bersama (IMT-GT/JDS) berjaya dilaksanakan pada tahun 2016 termasuklah Program Kluster Superfruits, Bengkel Bersama Strategi Pembangunan Penyakit Akuakultur dan Pakej Inapdesa dan Pelancongan Eko IMT-GT di antara Perlis dan Satun. Inisiatif ini terus menerima sokongan kuat dari negara yang mengambil bahagian dan komuniti di wilayah sempadan.

Dalam mengukuhkan lagi pembangunan bakat, NCI telah melaksanakan pelbagai program meningkatkan kemahiran bagi memastikan graduan adalah relevan dengan industri. Ini termasuklah program latihan dalam industri Aeroangkasa dengan SAM Precision Sdn Bhd, industri LED dengan OSRAM Opto Semiconductors (M) Sdn Bhd, Pendidikan dan Program Latihan Teknikal dan Vokasional

dengan Kulim Hi Tech Park (KHTP) dan Program Latihan Semi-Kemahiran Koridor Utara (NSSTP) – Program TVET dengan Hewlett Packard Malaysia Manufacturing Sdn Bhd (HPMM) & Institut Teknikal Jepun-Malaysia (JMTI). Dalam usaha untuk menghasilkan sokongan ekosistem yang lebih inovatif dan kondusif. NCER memiliki dan kekal sebagai hab bakat yang relevan dengan industri. Ini adalah selaras dengan objektif utama Pertumbuhan dengan Sosial Ekuiti di mana inisiatif menjana pertumbuhan ekonomi di samping menghasilkan kesan limpahan sosioekonomi kepada Rakyat. Dipacu oleh nod-nod pertumbuhan baru ini selain dari rekod prestasi yang kukuh, NCER dipercayai akan terus maju sebagai sebuah rantau.

Pada tahun 2017, NCIA akan terus memberi tumpuan kepada pertumbuhan nod yang telah diletakkan untuk mengekalkan momentum pertumbuhan untuk Koridor Utara. Nod-nod pertumbuhan ini termasuklah:

Kawasan Perindustrian Lembah Chuping (KPLC)/Chuping Valley Industrial Area (CVIA)

Satu kajian pembangunan yang komprehensif telah dijalankan di KPLC/CVIA pada tahun 2014 untuk mendapatkan pandangan kritis mengenai potensi KPLC/CVIA sebagai satu pemangkin sosioekonomi utama Perlis. Hasil kajian membawa kepada peruntukan sebanyak RM723.7 juta dari Kerajaan Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia ke-11 bagi pembangunan infrastruktur di KPLC/CVIA.

KPLC/CVIA dijangka dapat menyediakan rangsangan

utama bagi petunjuk sosio-ekonomi Perlis selaras dengan transisi berterusan di negeri ini dari ekonomi berasaskan pertanian tradisional kepada model pertumbuhan dipacu industri yang moden. Projek ini dijangka mewujudkan 12,674 peluang pekerjaan dengan Pendapatan Negara Kasar sebanyak RM2.58 bilion menjelang tahun 2025.

Kedah Rubber City (KRC)

NCIA merupakan penggerak utama di sebalik kejayaan kelulusan pakej Insentif Khas bagi Kedah Rubber City (KRC) pada tahun 2015. Diluluskan oleh Kementerian Kewangan, pakej insentif ini direka khas untuk menarik pemain hiliran dan pertengahan getah dan berkaitan dengan getah untuk melaksanakan operasi mereka di dalam KRC.

Meliputi kawasan seluas 1,538 ekar di Ladang Bukit Ketapang, KRC terletak beberapa minit dari destinasi utama seperti Kuala Nerang, Alor Setar dan Durian Burung-Ban Prakob di sempadan Malaysia-Thailand. Pelan pembangunan KRC direka untuk mensasarkan industri pertengahan dan hiliran berdasarkan getah dan berkaitan getah yang bernilai tinggi. Strategi ini adalah untuk memanfaatkan lokasi strategi KRC dengan bekalan getah asli berkualiti tinggi dihasilkan dari utara Semenanjung Malaysia dan selatan Thailand. Pengilang yang disasarkan dikategorikan kepada 4 segmen:

- Pemangkin utama (tayar, sarung tangan, kondom, sebatian)
- Getah khusus perindustrian (peralatan perubatan, tilam)
- Produk getah kejuruteraan (gasket, tali sawat, penyerap hentakan seismic)

- Produk getah mesra alam sekitar (ekoprena, pureprena, kaki lima dan material jalan raya)

Melihat kepada potensi meluas KRC, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM417.5 juta untuk memastikan projek tersebut bermula dengan asas yang kukuh dan sokongan yang padu. Maju ke hadapan, KRC diunjurkan untuk mewujudkan 14,471 pekerjaan dengan sumbangan KDNK sebanyak RM14.7 bilion dalam tempoh 15 tahun.

Taman Sains dan Teknologi Kedah (KSTP)

NCIA menyiapkan satu kajian pembangunan terperinci pada tahun 2015 berkaitan penubuhan KSTP di Bukit Kayu Hitam. Kajian ini menandakan satu langkah ke hadapan ke arah penubuhan KSTP untuk melengkapkan taman perindustrian sedia ada di Kedah dan Koridor Utara seperti Taman Teknologi Tinggi Kulim, Kawasan Perindustrian Sungai Petani, Kawasan Perindustrian Gurun, Taman Sains Pulau Pinang dan Taman Perindustrian Batu Kawan.

Prinsip utama di sebalik konsep pembangunan KSTP ialah untuk menghasilkan persekitaran yang sesuai didiami dan mampan bagi pelabur, penyelidik dan komuniti tempatan. Disegmentasi secara berhati-hati untuk mencerminkan konsep ini, KSTP akan menampilkan kesimbangan antara Taman Perindustrian Moden (MIP) dan Pusat Penyelidikan Global (GRC). Beberapa sektor ekonomi telah dikenalpasti; dan KSTP akan terus memberi tumpuan kepada


tiga sektor, iaitu ‘Bahan Termaju’, Sains Agro dab Teknologi Komunikasi Maklumat. KSTP akan bertindak sebagai platform bagi R&D untuk bekerjasama dengan industri dari peringkat awal pembentukan konsep, reka bentuk dan sehingga ke pengeluaran komersil di tempat yang sama.

Pembangunan ini akan dilengkapi dengan unit komersil, kemudahan awam dan kawasan perumahan, dengan seksyen yang luas untuk rekreasi dan kawasan hijau. Ini dilakukan dengan tujuan untuk memperbaiki dan meningkatkan aspek kehidupan selesa di KSTP. KSTP akan dibina dalam tiga fasa, dengan Fasa 1 menjadi sambungan kepada Taman Perindustrian Bukit Kayu Hitam sedia ada. Inisiatif yang disebutkan dijangka akan mewujudkan 23,244 peluang kerja dan jumlah keseluruhan pengeluaran RM57.4 bilion dalam sektor sains dan teknologi menjelang tahun 2030.


PIHAK BERKUASA WILAYAH PEMBANGUNAN ISKANDAR (IRDA)

Iskandar Malaysia terus menarik jumlah pelaburan terkumpul yang boleh dibanggakan pada tahun 2016 walaupun terdapat ketidaktentuan global dan keadaan pasaran yang tidak memberangsangkan sepanjang tahun.

Prestasi pelaburan di Iskandar Malaysia adalah hasil daripada usaha galakan berterusan dengan kerjasama IRDA, MIDA dan agensi-agensi lain yang berkaitan untuk mempromosikannya sebagai satu destinasi pelaburan pilihan di Malaysia. Iskandar Malaysia memperoleh jumlah keseluruhan pelaburan komited sebanyak RM32.26 bilion pada tahun 2016, mengumpul jumlah pelaburan komited terkumpul pada hujung tahun 2016 sebanyak RM222.55 bilion. Dari jumlah ini, 54 peratus atau RM119.60 bilion telah direalisasikan di wilayah ini.



Pecahan Sektor Terkumpul 2006 hingga 2016



Sektor yang Digalakkan	RM'Bil	Sektor Lain	RM'Bil
Perkilangan	57.38	Pembangunan Campuran	57.82
Logistik	6.30	Hartanah Perumahan	44.43
Pelancongan	3.37	Hartanah Perindustrian	19.84
Penjagaan Kesihatan	3.16	Utiliti	12.97
Pendidikan	2.07	Kerajaan	9.84
Kewangan	1.84	Teknologi Baru	2.94
Kreatif	0.59		

Sumber: MIDA Ogos 2016 & Pengumuman Korporat Beraudit

Pembangunan campuran berjumlah RM57.82 bilion atau 27 peratus, merupakan penyumbang terbesar diikuti oleh pelaburan dalam sektor perkilangan dengan RM57.38 bilion atau 25 peratus. Pembangunan hartaanah perumahan dan perindustrian menyumbang sebanyak RM44.43 bilion dan RM19.84 bilion setiap satunya, mewakili 20 peratus dan sembilan peratus.

Pelaburan dalam sektor yang dipromosikan, iaitu sektor perkilangan dan perkhidmatan berjumlah RM74.71 bilion atau 34 peratus. Pelaburan domestik menyumbang kira-kira RM134.60 bilion atau 60 peratus dari jumlah keseluruhan pelaburan komited terkumpul, manakala bakinya RM87.95 bilion atau 40 peratus adalah dari pelaburan asing.

Info Pelaburan

- Forest City, merupakan sebuah projek pembangunan besar-besaran yang terdiri daripada empat pulau buatan meliputi kawasan
- Pembangunan 700 ekar Sedenak Iskandar Data Centre Hub (SIDH) di Sedenak, Kulai yang akan menjadi pelaburan pemangkin dalam menarik
- lebih dari 3,425 ekar di Gelang Patah, Johor. Dengan nilai pembangunan kasar sebanyak RM177 bilion, projek ini dijangka menawarkan 220,000 peluang pekerjaan menjelang tahun 2035. Forest City merupakan projek pembangunan campuran terbesar di Asia Tenggara yang menggabungkan elemen hijau dan bandar pintar dalam pembangunannya. Kerja-kerja yang telah dimulakan pada tahun 2015 menyaksikan pembukaan galeri pada Januari 2016 dan pembukaan Hotel Phoenix pada November 2016. Sekolah antarabangsa baru dengan silibus pendidikan Amerika sedang dibina dan dijangka siap pada tahun 2018 selain dari unit-unit perumahan yang sedang dalam pembinaan.
- Graduasi kohort pertama Universiti Southampton Kampus Malaysia dengan MEng Kejuruteraan Mekanikal di Universiti Southampton UK, menandakan satu lagi pencapaian penting bagi cawangan universiti-universiti asing di EduCity dan pembangunan Iskandar Malaysia sebagai destinasi

pelaburan pusat data dan aktiviti berkaitan ICT bertaraf dunia ke dalam Iskandar Malaysia. SIDH akan mempercepat penggunaan peranti dan infrastruktur *Internet of Things (IoT)* ke arah kehidupan pintar dan komuniti pintar. Dengan permulaan pelaburan dari Kerajaan Persekutuan, kerja-kerja infrastruktur telah bermula pada tahun 2016 dengan sasaran tarikh siap menjelang penghujung tahun 2017. SIDH akan menarik pelaburan baru, menyediakan peluang pekerjaan selain dari meningkatkan taraf pendapatan komuniti tempatan.

• Graduasi kohort pertama Universiti Southampton Kampus Malaysia dengan MEng Kejuruteraan Mekanikal di Universiti Southampton UK, menandakan satu lagi pencapaian penting bagi cawangan universiti-universiti asing di EduCity dan pembangunan Iskandar Malaysia sebagai destinasi

pendidikan. Program Kejuruteraan 2+2 (2 tahun di EduCity dan 2 tahun di UK) yang bermula pada tahun 2012 menyaksikan 10 orang pelajar menamatkan pengajian dengan Kelas Pertama dan lapan dengan Kelas Kedua Atas dalam MEng, menunjukkan kecemerlangan akademik dari kampus Malaysia.

Penciptaan pekerjaan

Iskandar Malaysia telah berjaya mewujudkan 717,547 pekerjaan dari tahun 2007 hingga November 2016.

Mengenai inisiatif pembangunan bakat, Iskandar Malaysia bersama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi telah mengadakan tiga pameran pekerjaan setakat ini, terutama dalam segmen Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Iskandar Malaysia. Sejumlah 160 syarikat mengambil bahagian dalam pameran pekerjaan tersebut dan telah memberi manfaat kepada lebih 4,000 calon sejak tahun 2015. Pameran pekerjaan TVET yang diadakan pada Oktober 2016 menawarkan lebih dari 10,000 pekerjaan.

Dua program di bawah Dana Profesional Iskandar Malaysia dan Geran Pekerjaan Iskandar Malaysia (IMEG) berjumlah RM31 juta, dilancarkan pada tahun 2016 untuk menangani ketidakpadanan kelayakan graduan untuk keperluan industri selain dari meluaskan bakat kepada segmen berlainan dalam komuniti

Pembangunan PKS

Pertumbuhan pendapatan PKS Iskandar Malaysia berada pada



7.9 peratus, yang mana lebih tinggi dari paras purata negara iaitu 6.45 peratus manakala paras keuntungan berada pada 5.8 peratus melebihi paras purata negara iaitu 5 peratus.

Pembangunan Mampan

Iskandar Malaysia dan pelaksanaan program Masyarakat Rendah Karbon (LCS) telah dipertonton di Pavillion Malaysia semasa mesyuarat Persidangan Parti ke-22 (COP22) di bawah Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Konvensyen Perubahan Iklim (UNFCCC) diadakan pada November 2016 di Marrakech, Maghribi. Dalam acara tersebut, Iskandar Malaysia berkongsi Inventori Gas Rumah Hijau (GHG) bagi tahun 2015. IRDA menyiapkan projek perintis Sistem Penilaian Komprehensif bagi Kecekapan Alam Bina (CASBEE) dan melancarkan manual CASBEE di COP22. CASBEE akan menjadi salah satu dari alat penilaian utama bangunan hijau untuk menilai kecekapan tenaga bangunan dan kawasan pembangunan di Iskandar Malaysia.

Meraikan 10 tahun Iskandar Malaysia

Iskandar Malaysia meraikan perjalanan 10 tahun sejak penubuhannya pada November 2006. Sambutan yang diadakan di Iskandar Puteri telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Dato Sri Mohd Najib Tun Razak dan turut diserikan dengan kehadiran Tun Abdullah Ahmad Badawi, mantan Perdana Menteri yang merasmikan Iskandar Malaysia pada tahun 2006 sebagai koridor pembangunan wilayah yang pertama di negara ini. Turut hadir bekas Menteri Besar Johor Tan Sri Abdul Ghani Othman dan Tan Sri Azman Mokhtar, Pengarah Urusan, Khazanah Nasional Berhad. Pencapaian 10 tahun telah diraikan dengan pencapaian yang kukuh dalam pelaburan, keterangkuman sosial dan kemampunan persekitaran.

Maju ke hadapan, pembangunan Iskandar Malaysia akan terus dipacu oleh Pelan Pembangunan Komprehensif ii (CDPii), dengan penekanan terhadap Lingkaran Kemampanan Iskandar Malaysia yang mana memberi tumpuan

kepada penjanaankekayaan, perkongsiankekayaan dan pengoptimuman sumber.

KORIDOR TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI SARAWAK (SCORE)

Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE) ialah inisiatif pembangunan utama yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan Sarawak ke arah mencapai status negeri berpendapatan tinggi dan maju menjelang tahun 2030. SCORE dilancarkan pada 11 Februari 2008 untuk membangunkan Wilayah Tengah Sarawak meliputi 70,708 km persegi dengan populasi seramai 896,489. Kelebihan utama SCORE ialah sumber tenaga yang besar khususnya 20,000MW kuasa hidro yang berpotensi, 1.46 bilion tan arang batu dan gas asli (40.9 trilion kaki padu). Elemen teras rancangan SCORE ini adalah untuk mempercepat pembangunan sumber tenaga untuk membolehkan Sarawak menetapkan harga tenaga secara kompetitif dan menarik pelaburan dalam industri berintensifkan tenaga besar khususnya Taman Perindustrian Samalaju, salah satu dari nod pertumbuhan dalam kawasan SCORE.

SCORE Fasa 1 (2008-2015) yang mana telah meletakkan batu asas telah berjaya dilaksanakan. Sepertimana kita membina massa kritikal dan momentum untuk memacu pembangunan, kita dengan gigih mempromosikan 10 industri utama di bawah SCORE iaitu aluminium, kaca,

berasaskan minyak, keluli, kelapa sawit, perikanan dan akuakultur, ternakan, perkayuan, pelancongan dan kejuruteraan marin. Setakat ini, SCORE telah berjaya menarik 21 projek pelaburan yang bernilai RM33.50 bilion. Projek-projek ini dijangka menjana 17,018 peluang pekerjaan. Selaras dengan matlamat kami di bawah Fasa 1 Pelan Pembangunan SCORE, sebahagian dari pelaburan ini adalah projek pencetus berkeutamaan tinggi seperti aluminium, 'feraloil' dan 'silikon polihabluran'.

Tahun 2016 menandakan tahun pertama bagi Pembangunan Fasa Kedua (2016-2020) bagi SCORE. Di bawah fasa ini, SCORE akan lebih fokus kepada menarik industri hiliran dengan memanfaatkan produk dari industri pencetus sedia ada dalam SCORE sebagai bahan mentah. Industri perkilangan hiliran dalam bidang bahan dan komponen binaan, industri berat dan keluli, produk tenaga boleh diperbaharui, pengangkutan dan inovasi sumber akan dipromosikan dan dibangunkan di bawah fasa pembangunan kedua ini. Industri hiliran ini akan berpusat di Taman Perindustrian Samalaju dan dengan ini, Taman Perindustrian Samalaju akan dibangunkan menjadi Perbandaran Inovasi Perindustrian untuk menarik industri-industri bertaraf dunia termasuklah teknologi akan datang dan industri sains agro dan sains hayat.

Fokus yang meluas juga akan diberikan untuk mempromosikan dan memacu pembangunan aktiviti hiliran dalam industri minyak dan

gas, dan kami menyasarkan untuk mewujudkan kilang petrokimia di Bintulu dan Taman Perindustrian Samalaju. Kejayaan dalam menarik industri hiliran ini adalah penting kerana mereka terlibat dalam aktiviti bernilai tambahan tinggi dan berupaya untuk menjana pekerjaan berpendapatan tinggi dalam negeri ini. Dalam hal ini, pihak Kerajaan akan terus meletakkan usaha berterusan terutamanya pembangunan infrastruktur, bekalan kuasa dan modal insan untuk memastikan SCORE dapat mengekalkan daya saing dan daya tarikan terutamanya dalam wilayah ini kepada kedua-dua pelabur domestik dan antarabangsa. Kawasan pedalaman SCORE juga akan diteroka untuk lebih banyak pembangunan selain dari menggalakkan pelaburan dalam kawasan sekitar Empangan HEP untuk meneroka peluang eko-pelancongan. Tasik HEP mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai pusat peranginan untuk menarik para pelancong untuk merasai pengalaman pemandangan yang indah, budaya dan tradisi orang tempatan yang eksotik. Industri biomas juga akan dipromosikan untuk memanfaatkan potensi kawasan hutan yang luas dan pembangunan penanaman kelapa sawit dalam kawasan SCORE.

Taman Perindustrian Samalaju

Taman Perindustrian Samalaju terletak kira-kira 60 kilometer dari bandar Bintulu. Dengan kawasan melebihi 8,000 hektar, Taman Perindustrian Samalaju adalah salah satu dari taman perindustrian terbesar di negara ini. Ia sedang dibangunkan dengan infrastruktur perindustrian yang diperlukan

termasuklah kemudahan pelabuhan dan sebuah perbandaran baru. Tambahan pula, jarak lokasi dari bandar-bandar dan penempatan sedia ada akan membolehkan pengembangan taman ini pada masa hadapan.

Sejak pelancaran pelan pembangunan SCORE pada Februari 2008, Taman Perindustrian Samalaju telah menerima respon yang menggalakkan dari pelabur domestik dan antarabangsa. Sambutan yang menggalakkan yang diterima dari manifes pelabur dan memperakui daya tarikan dan daya saing SCORE di peringkat global.

Sehingga kini, terdapat 16 syarikat dengan jumlah keseluruhan pelaburan sebanyak RM27.69 bilion telah diluluskan dan diberikan lesen perkilangan untuk ditempatkan di Taman Perindustrian Samalaju.

Profil Projek yang Beroperasi di Taman Perindusrian Samalaju

Tokuyama Malaysia Sdn. Bhd.
Tokuyama Corporation dari Jepun adalah pelabur asing pertama yang melabur di Taman Perindustrian Samalaju. Projek Tokuyama Malaysia Sdn. Bhd. di sini ialah menghasilkan '*polycrystalline silicone*', komponen utama dalam sel solar dan semikonduktor serta telah mewujudkan 1,050 peluang pekerjaan dalam negeri ini. Kilang Tokuyama adalah kilang pertama yang menghasilkan 'silikon polihabluran' di Malaysia membawa kepada teknologi tinggi yang baru. Rakyat Malaysia terutamanya graduan muda yang bekerja di kilang

Tokuyama boleh mendapat manfaat dan belajar dari perpindahan teknologi tinggi ini.

Press Metal (Bintulu) Sdn. Bhd.

Press Metal (Bintulu) Sdn. Bhd. di Taman Perindustrian Samalaju merupakan kilang peleburan aluminium Press Metal Berhad dalam kawasan SCORE. Kilang tersebut memulakan operasinya pada 1 Disember 2012 yang menghasilkan 320,000 tan metrik bilet dan jongkong aluminium setahun menggunakan teknologi peleburan 400kA terkini. Kilang peleburan aluminium pertama Press Metal Berhad adalah di Mukah yang mana telah memulakan operasi pada Ogos 2009 dan kini menghasilkan 120,000 tan metrik bilet dan jongkong aluminium. Press Metal Berhad adalah syarikat tempatan pertama yang melabur dalam SCORE.

OM Materials (Sarawak) Sdn. Bhd.

OM Materials (Sarawak) Sdn. Bhd. memulakan kilang peleburan aloi mangan di Taman Perindustrian Samalaju. OM Materials (Sarawak) Sdn Bhd dimiliki oleh OM Holding Limited (OMH) yang mana disenaraikan dalam Bursa Saham Australia (ASX) pada Mac 1998 dan telah menumpukan perhatian dalam perdagangan keluli. Projek di Taman Perindustrian Samalaju membawa pelaburan baru dalam peleburan aloi mangan yang menggunakan relau elektrik terendam. Projek ini akan memberi manfaat kepada perniagaan pengendalian logistik, seperti mana pengendalian pelaburan ini berjumlah 1

juta tan metrik setahun. Projek ini mewujudkan 2,684 peluang pekerjaan bagi rakyat tempatan.

Pertama Ferroalloys Sdn. Bhd.

Pertama Ferroalloys Sdn. Bhd. merupakan kilang aloi mangan dan ferro silikon skala besar pertama di Malaysia. Pemasangan relau ferro silikon pertama berjaya dilakukan pada S2 2016 dan dijangka memulakan operasi komersil sepenuhya pada S2 2017. Operasi penuh kilang dijangka akan menjana pengeluaran sebanyak 240,000 tan metrik setahun. Kilang ini adalah untuk menghasilkan dan membekalkan produk aloi mangan bagi industri keluli seluruh dunia dan akan mencetuskan pembangunan kluster perindustrian berdasarkan keluli di SCORE.

PIHAK BERKUASA PEMBANGUNAN DAN PELABURAN EKONOMI SABAH (SEDA)

Koridor Pembangunan Sabah (SDC) memasuki Fasa 3 pembangunan pada tahun 2016, selaras dengan RMK-11, 2016 hingga 2020. Pertumbuhan ekonomi Sabah telah mengekalkan prestasinya dengan stabil sejak penubuhan SDC pada tahun 2008, mencatatkan pertumbuhan 6.1 peratus pada tahun 2015, lebih tinggi dari pertumbuhan negara sebanyak 5 peratus. Pertumbuhan yang disumbangkan oleh pelbagai inisiatif di bawah SDC, yang mana telah siap pada tahun 2015 seperti Janakuasa Kimanis (KPP) dan Terminal Minyak dan Gas Sabah (SOGT).



Bidang galakan utama dalam SDC adalah: pelancongan, pertanian, kelapa sawit, perkilangan, logistik, minyak & gas, tenaga dan pendidikan. Sejak pelancaran SDC, jumlah pelaburan kumulatif bernalih RM158 bilion telah dibawa masuk sehingga September 2016 dengan RM57.68 bilion telah dilaksanakan.

SEDIA juga secara agresif telah mempromosikan pelaburan dalam inovasi, terutamanya dalam sektor pertanian, yang mana secara tradisionalnya bertindak sebagai tulang belakang ekonomi Sabah. Subsektor pemprosesan agro dan pembungkusan menambah nilai kepada industri agrikultur dan berdasarkan pertanian di negeri ini. Salah satu projek utama SDC, Presint Perindustrian Agro Sabah (SAIP), kluster yang didedikasikan untuk pemprosesan agro bersepada yang mana akan meningkatkan keupayaan industri berdasarkan pertanian tempatan, terutamanya PKS tempatan dalam pemprosesan hiliran agro-makanan, dan tanaman khusus dan akhirnya industri agro-bio.

SAIP menjangkakan untuk menjadi pusat kecemerlangan

baru dalam agro-bioteknologi yang mengoptimumkan sumber asli yang banyak untuk menghasilkan makanan dengan nilai tambahan, kosmetik, agro-biofarmaseutikal dan produk khusus berdasarkan botanikal, tumbuhan dan haiwan akuatik. SAIP juga bertindak sebagai tempat ujian bagi menjalankan usaha R&D, Pengkomersilan dan Inovasi (RDCI) dan untuk membangunkan inovasi yang dipacu ekosistem untuk menyokong usahawan asas tani. Tidak seperti taman sains dan teknologi (STP) di Malaysia, SAIP mempunyai platform yang sesuai untuk memupuk hubungan industri sains memberi tumpuan kepada Produk Asli Khusus (SNP), agro-bioteknologi dan produk makanan kesihatan. SAIP juga mempunyai Taman Halal yang khusus. Komponen teras SAIP ialah:

- Pentadbiran SAIP dan sokongan kompleks;
- Kompleks Inkubator agro-bioteknologi Bersepada;
- Taman Pengetahuan;
- Zon Komersil dan Institusi;
- Ladang Kesihatan dan Plot Demo;
- Zon rizab bagi industri agro yang strategik; dan
- Kediaman/Apartment Servis

Pelaburan yang dipromosikan termasuklah pengeluaran dan pemprosesan bahan-bahan farmaseutikal, penjagaan kesihatan dan makanan tambahan, makanan kesihatan dan berkhasiat, pati dan jus buah-buahan, bahan perasa dan makanan, produk selulosa, pati minyak, minyak wangi, produk herba dan marin, nutraceutikal, enzim industri, komestik dan peralatan mandian.

SAIP memberikan penekanan yang lebih terhadap pembangunan pengetahuan modal perniagaan. Walaupun ia bertujuan untuk menyokong permulaan perniagaan dan PKS, SAIP juga mengalaukan pelabur asing. Ia juga memainkan peranan untuk membantu usahawan dalam membangunkan perniagaan mereka dengan memberikan sokongan incubator, perkhidmatan pengurusan, sokongan latihan, sokongan perniagaan disesuaikan, akses pasaran, dan akses kepada kemudahan perkongsian pejabat selain dari pemprosesan, pembungkusan, perkhidmatan pengendalian selepas penuaian dan logistik.

Sebuah bangunan pentadbiran, kemudahan sokongan inkubator, kilang pemprosesan mini, sebuah makmal kultur tisu, kemudahan pembangunan produk dan plot nurseri dan demonstrasi telah tersedia. Di samping itu, bangunan Penyelidikan dan Kejuruteraan, kemudahan Pengendalian Selepas Penuaian, kemudahan Barisan Pengeluaran, kemudahan Persekutaran-Terkawal (CEF) dan bangunan Rumah Hijau Sampingan yang kesemuanya telah siap dibina pada tahun 2016. SAIP

kini beroperasi sepenuhnya. Pelaburan dalam industri yang dipromosikan dalam SAIP adalah layak untuk insentif fiskal khas SDC.

Ke arah mencapai misi dan visi SAIP; program SDC 1Agro-SAIP dan 1Bizlink telah ditubuhkan untuk menyediakan latihan, perkhidmatan perniagaan dan profesional, sokongan teknikal, R&D, penyesuaian perniagaan, galakan pelanggan selain dari pengurusan acara. Di bawah Program SDC 1Bizlink, sejumlah 34 peserta inkubator telah direkrut dengan 16 orang mempunyai permohonan geran mereka diluluskan dan enam masih dalam perbincangan. Di bawah acara Gerak IKS yang dianjurkan pada tahun 2016, sejumlah 141 peserta inkubator telah mendaftar dengan SEDIA.

Program 1Agro-SAIP bertujuan untuk memberikan pendedahan dan pemindahan pengetahuan terutama dalam pemprosesan pati dan jus, minyak pati, minyak wangi, bahan farmaseutikal, herba dan Produk Asli Khusus (SNP), nutraceutical dan makanan berkhasiat, perasa dan bahan makanan, produk selulosa, enzim perindustrian, kosmetik dan peralatan mandian dan produk-bio. Program ini telah menjalankan 27 latihan berkaitan perniagaan tani dari tahun 2012 hingga 2016 melibatkan 1,528 peserta.

Para penyelidik SEDIA juga telah menyiapkan enam projek R&D di bawah Program 1RDCI-SAIP, tiga daripadanya dibiayai oleh MOSTI: Pembangunan Protokol Pengeluaran untuk mengkomersilkan pengeluaran Minyak Tea Tree - Melaleuca Alternifolia; TF0206A106

(MOSTI), Pangkalan Data Perubatan Herba Berasaskan Pengetahuan Bersepada; TF0309C056 (MOSTI), dan phytokimia 'centalla asiatica' (pegaga).

Satu lagi projek penting di bawah SDC ialah penubuhan Pusat Inkubator bagi Pembangunan Isi Kandungan Kreatif di Sabah. Pusat tersebut yang juga dikenali sebagai Pusat Isi Kandungan Kreatif Animasi Sabah (SAC3) adalah satu daripada inisiatif SDC untuk menyokong industri kreatif di bawah program SDC. Kerajaan Persekutuan dan Negeri juga menyediakan bantuan untuk memperuntukkan dana bagi membangunkan pusat bagi kemudahan inkubator untuk melahirkan bakat tempatan dalam pembangunan animasi dan isi kandungan di kalangan rakyat Malaysia.

SEDA bekerjasama dengan Kolej Universiti Yayasan Sabah (UCSF), yang merupakan operator tunggal bagi pusat berkenaan. Bagi permulaan operasinya, pusat berkenaan memberi tumpuan kepada empat bidang, iaitu; animasi, visual, filem & dokumentari dan penyiaran dan akan mendapat peralatan terkini (perkakasan dan perisian), kemudahan dan kepakaran industri. Objektif pusat berkenaan adalah untuk menubuhkan pusat inkubator bagi Pembangunan Isi Kandungan Kreatif yang dapat menyediakan satu ekosistem yang mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

- Infrastruktur terkini yang dinamik dan kemudahan;
- Mentor dan latihan industri dari pakar tempatan dan antarabangsa;

- Pembangunan kemahiran, pekerja berpengetahuan & penciptaan kumpulan bakat, pengoptimuman, penciptaan & perlindungan IP, pembiayaan dan pemasaran
- Persekitaran kreatif yang boleh menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan Industri Kreatif Sabah.

Pada tahun 2016, SAC3 dilengkapi dengan peralatan ICT dan menempatkan lebih 200 pelajar dengan pengenalan tujuh kursus baru oleh pusat tersebut. SAC3 telah memulakan trend bagi industri kreatif di negeri Sabah dalam menangani infrastruktur dan kemudahan pendidikan/latihan, kepakaran dan peralatan teknologi yang tidak mencukupi bagi memacu pertumbuhan industri kreatif. Projek ini telah mencapai sasarannya dan hasil yang diharapkan berdasarkan perancangan awal SAC3. Lanjutan dari itu, SAC3 berjaya menyiapkan dua projek khidmat luar pada tahun 2015 iaitu:

1. Kuku Harajuku (Vision Animation)
2. Magical Cookbook (IPCC)

SAC3 akan terus mendapatkan projek khidmat luar bagi memastikan kemampuan dan berusaha ke arah kemandirian kewangan.

AGENSI PELABURAN LAIN

PERBADANAN EKONOMI DIGITAL MALAYSIA (MDEC)

Perdana Menteri Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak mengisyaitar 2017 sebagai "Tahun Ekonomi Internet" bagi Malaysia. Satu peringatan penting yang perlu diambil kira ialah ekonomi digital bukan sekadar satu perkara yang mudah dalam ekonomi sebenar tetapi merangkumi penggerak yang penting dalam mengerakkan dan memacu ekonomi sebenar.

Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) adalah barisan hadapan dalam usaha ekonomi digital. Perubahan nama yang dilancarkan semasa ulang tahun ke-20 pada April tahun lepas merupakan satu permulaan. Lebih dari sekadar perubahan nama, ia bertindak sebagai satu peringatan tentang kepentingan ekonomi digital.

Pencapaian MDEC pada Tahun 2016

2016 merupakan tahun yang luar biasa bagi Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) sejantaran berjaya mendapat banyak kejayaan. Ini menjelaskan keupayaannya untuk menerajui pertumbuhan yang besar dalam pelaburan dan jualan eksport daripada syarikat-syarikat MSC Malaysia walaupun terdapat ekonomi global yang mencabar.

Di bawah pengawasan dan bimbingan Dato' Yasmin Mahmood dan kumpulan kepimpinan kanannya, tidak disangkal lagi bahawa organisasi ini telah menyaksikan peningkatan ketara dalam

usaha mengembangkan ekonomi digital serta pembangunan industri di negara ini. Sejumlah 336 syarikat baru telah dianugerahkan Status-MSC pada tahun 2016 mengumpul RM6.43 bilion dalam pelaburan yang diluluskan. Dari jumlah itu, RM3.53 bilion atau 55 peratus disumbangkan oleh pelaburan domestik, manakala pelaburan asing berjumlah RM2.9 bilion. Kira-kira 18,171 pekerjaan diramalkan dapat dijana dari pelaburan-pelaburan ini.

Komitmen dan usaha yang tidak berbelah bagi telah membantu dalam matlamat kami untuk menyumbang kepada pertumbuhan sumbangan Ekonomi Digital Malaysia ke dalam KDNK. Digelar sebagai sektor paling pantas berkembang dalam ekonomi, ekonomi digital menyumbang sebanyak 7.8 peratus dari KDNK negara.

Perkembangan Keterangkuman Digital Bagi Malaysia untuk membina Ekonomi Digital yang bersemangat, keterangkuman digital adalah penting sebagaimana rakyat merupakan pemacu utama kepada ekonomi yang lebih besar.

Dari lima pemangkin Ekonomi Digital, pemupukan dan pembangunan kumpulan bakat tempatan kekal sebagai yang paling utama. Dengan objektif untuk memajukan Ekonomi Internet, Perdana Menteri melancarkan gerakan #mydigitalmaker pada tahun 2016. Gerakan ini dicetuskan oleh MDEC, dengan tujuan memupuk dan memperhalusi minat dan kemahiran pelajar Malaysia dengan harapan dapat menghasilkan pereka digital

masa hadapan. Ia merangkumi penyepadan Pemikiran Pengkomputeran dan Sains Komputer ke dalam kurikulum rasmi sekolah oleh KPM dan mendidik "pereka digital" muda yang berpotensi tinggi oleh industri dan universiti melalui aktiviti ko-kurikulum.

Gerakan ini melibatkan kesemua sekolah kebangsaan seluruh negara dan mempunyai kesan yang besar kepada lebih dari 10,000 pelajar. Ia diteruskan dengan kerja sedia ada dalam ruang Pengajian Tinggi dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk menyokong perkaitan industri dalam kursus pengajian tinggi yang berkaitan teknologi digital. Keterangkuman digital adalah penting bagi Malaysia untuk membina Ekonomi Digital yang bersemangat sejantaran rakyat adalah aset terpenting dalam memacu ekonomi yang lebih besar.

Inisiatif eRezeki dan eUsahawan yang dilancarkan pada tahun 2015 untuk menasarkan komuniti utama seperti remaja, PKS, usahawan mikro dan B40, telah memberi manfaat kepada lebih dari 100,000 rakyat Malaysia.

E-Dagang

Menurut penemuan A.T. Kearney di bawah Pelan Hala Tuju Strategik E-Dagang Kebangsaan, negara berada pada titik perubahan pada pertumbuhan e-dagang yang boleh dipercepat melalui campurtangan kerajaan.

Dalam usaha Malaysia untuk melepas peringkat awal, ia memerlukan sokongan yang kuat selain dari campur tangan kerajaan untuk bergerak ke

hadapan kepada peringkat pertumbuhan. Usaha seperti #MYCYBERSALE yang dilancarkan pada tahun 2014, telah membawa masuk RM67 juta Nilai Barang Kasar (GMV) pada tahun 2014, RM117 juta pada tahun 2015 dan RM211 juta tahun lalu. Ini mungkin berlaku dengan kerjasama erat dengan ekosistem pemain eDagang, sekaligus mengubah landskap e-dagang Malaysia.

Kempen #MYCYBERSALE juga membantu meningkatkan keterlihatan PKS Malaysia. Bagi PKS keupayaan untuk terlibat dalam ekonomi digital ini adalah penting bukan sahaja kepada kejayaan mereka, tetapi juga kepada kelangsungan perniagaan mereka. #MYCYBERSALE terbaru dilancarkan oleh MDEC menyaksikan 75 peratus dari 'eTailor' yang mengambil bahagian adalah PKS yang menyumbang RM94 juta kepada RM 211 juta Nilai Barang Kasar yang dicapai pada tahun 2016. Kami ingin menyaksikan lebih banyak PKS untuk menggunakan eDagang untuk mendapat manfaat dari pertumbuhan eDagang dalam negara.

Big Data Analytic

Sehingga Ogos 2016, Malaysia menjadi hos kepada 22 syarikat BDA multinasional dari enam negara; satu bukti kemajuan negara yang stabil sebagai satu hab solusi BDA utama di Asia Tenggara. MDEC berada di barisan hadapan untuk mengubah ekonomi Malaysia kepada ekonomi digital, dengan tujuan untuk mengukuhkan kedudukan negara sebagai hab serantau bagi solusi BDA dan memberikan nilai

baharu kepada semua sektor. Untuk menjadikan wawasan tersebut satu kenyataan, MDEC perlu membina ADAX (ASEAN Data Analytics eXchange), satu platform serantau yang memacu model pembangunan bakat yang inovatif dan memaparkan teknologi BDA terkini. Melalui ADAX, MDEC berazam untuk mengemudi penggunaan analisis data termaju bagi rantau ASEAN dan menyediakan satu lokasi kerjasama bagi permulaan BDA dan pemecutan.

Melalui pelbagai aktiviti berkaitan BDA, MDEC bertujuan untuk merangsang cara pemikiran kedua-dua sektor awam dan swasta. Acara tahunan Big Data Week Asia pada tahun 2016 menarik lebih dari 3,500 peserta dan diterajui oleh Persidangan BIG IT dan disokong oleh 16 acara satelit lain, menjadikannya ia acara Big Data terbesar dalam rantau ini. Selain itu, Cabaran Big App Kebangsaan 2016 (BAC) 3.0, di mana pemenang dalam pelbagai 'hackathons' peringkat kebangsaan telah dipupuk, dibimbing dan kemudian bertanding dalam cabaran terbaik di kalangan terbaik. BAC edisi tahun 2016 memberi impak kepada lebih dari 1,500 peserta dari lebih 200

pasukan, membina aplikasi bagi penambahbaikan perniagaan dan orang awam secara amnya. Melalui BAC 3.0, kita telah melihat banyak solusi inovasi sedang dibangunkan dengan satu daripadanya ialah WatchUs, solusi tindak balas yang dibangunkan untuk membantu perkhidmatan kesihatan dengan menghubungkan orang awam kepada beberapa pasukan kecemasan secara terus.

Teknologi Isi Kandungan Kreatif

Baru-baru ini, MDEC menandatangani Perjanjian Persefahaman dengan UOA untuk membangunkan satu Hab Permainan di Bangsar South yang membuktikan usahanya untuk meletakkan Malaysia sebagai hab pembangunan industri permainan dan seterusnya mengembangkan industri permainan di Malaysia. Dijangka beroperasi sepenuhnya pada suku ketiga 2017, kemudahan ini akan merangkumi prinsip-prinsip hab digital: mempromosikan interaksi yang tidak berstruktur dan inovasi terbuka. Antara perkhidmatan utama yang disusun: permulaan, bimbingan, akses teknologi kreatif dan COE, platform pembiayaan dan menjadi tuan rumah dan



hos kepada komuniti pereka permainan. Industri permainan digital telah menyaksikan peningkatan ketara dari tahun 2013 hingga tahun 2016 untuk memenuhi pertumbuhan tinggi permintaan (16% diramalkan dari tahun 2014 hingga 2019, sumber dari firma penyelidikan pasaran, Newzoo). Bandai Namco, gergasi permainan yang mempunyai sejarah 66 tahun, membuka pejabatnya di Malaysia pada Julai tahun lalu untuk menyokong pertumbuhan permainan serantau dalam seni, teknologi animasi dan modeling. Kehadiran Bandai di Malaysia memainkan peranan aktif dalam membangunkan ekosistem permainan tempatan di Malaysia dan satu wadah bagi studio permainan bertaraf dunia untuk melabur di Malaysia; dan akhirnya menuju ke arah misi negara untuk menjadi hab pembangunan permainan terulung di ASEAN.

DFTZ dan Hab Digital Malaysia

Baru-baru ini, YAB Perdana Menteri mengumumkan pengenalan Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ), satu inisiatif yang dipacu oleh MDEC untuk mengambil kesempatan atas pertumbuhan pesat ekonomi internet dan aktiviti eDagang rentas sempadan. Disebut sebagai pertama di dunia, DFTZ akan menarik pelaburan dari syarikat ekonomi internet dan eDagang seluruh dunia, mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab serantau bagi ekonomi digital. Inisiatif ini akan membantu mempercepat pembangunan industri eDagang, terutamanya dalam memudahkan PKS tempatan dan serantau untuk terlibat

secara aktif dalam perdagangan rentas sempadan dan meningkatkan akses pasaran melalui perkhidmatan digital tanpa sempadan.

Inisiatif terkini MDEC, Hab Digital Malaysia, merupakan perantara di mana pemain permulaan dan sedang meningkat bekerjasama dalam ekosistem pertumbuhan seperti modal teroka, pemecut, syarikat internet utama, pembina bakat dan mentor. Dilengkapi dengan jalur lebar berkelajuan tinggi dan kemudahan gaya hidup, hab-hab digital dimiliki dan dikendalikan oleh industri di mana MDEC akan memberikan mereka status Hab Digital status beserta insentif.

Sebagai satu langkah tambahan untuk menarik pemain permulaan dan ekosistem bertaraf dunia, Malaysia juga memperkenalkan satu pas baru dikenali sebagai Usahawan Berpengetahuan Asing untuk meningkatkan kemasukan usahawan global ke Malaysia.

Bagi tahun 2017, kami berharap untuk merebut peluang untuk mempercepat pertumbuhan ekonomi Internet. Sokongan kuat dari kerajaan akan membantu mencapai matlamat kami dan mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai Ekonomi Internet yang ideal di ASEAN.

INVESTKL

Sepertimana kita memasuki tahun baru, kita boleh melihat kembali tahun yang penuh warna dan cabaran pada 2016, penuh dengan peristiwa yang tidak dijangka.

Walaupun terdapat ketidakpastian dan ketidaktentuan, ia adalah sesuatu yang menggalakkan melihat kepada petanda dan berita positif bagi Greater Kuala Lumpur (Greater KL) dan Malaysia pada tahun lepas. Ia juga berita yang menggembirakan bahawa Greater KL dan Malaysia mempunyai ramuan yang betul untuk menarik Syarikat Multinasional global (MNC) besar seperti yang tersenarai dalam Fortune 500 dan Forbes 2000 untuk membina perniagaan serantau mereka, inovasi dan hab bakat di Greater KL dan secara strategik mengembangkan perniagaan mereka di Asia.

Kad laporan tahun 2016 membuktikan Greater KL kekal sebagai destinasi utama dan ideal sepertimana InvestKL berusaha untuk mencapai sasaran untuk mendapatkan 13 MNC untuk menubuhkan pejabat serantau mereka di Greater KL atau mengembangkan perniagaan mereka di rantau Asia, di tengah-tengah ketidaktentuan global dan kelembapan ekonomi. Hasil yang memberangsangkan ini telah dipacu oleh daya tarikan Greater KL dan usul yang kukuh sebagai destinasi pelaburan, kemudahan menjalankan perniagaan dan struktur kos yang kompetitif.

Dari 13 MNC, lima dari Eropah, tiga dari Amerika Syarikat dan selebihnya dari rantau Asia Pasifik dan Teluk. Bidang utama operasi termasuklah minyak dan gas, penjagaan kesihatan, komoditi, teknologi dan perkhidmatan kejuruteraan.

Pada tahun 2016, beberapa MNC yang terkenal memilih Greater KL sebagai ibu pejabat serantau mereka termasuklah penyedia teknologi perindustrian berpangkalan di Jerman, Voith, syarikat penjagaan kesihatan global berpangkalan di Switzerland, Novartis International and Oceaneering International Inc..

Syarikat seperti Oracle Corporation berpangkalan di AS baru-baru ini mengumumkan ia akan membina Hab Jualan Digital di Greater KL. Hab ini, yang akan menwujudkan sekurang-kurangnya 200 pekerjaan baru, akan berkhidmat untuk pelanggan dari 23 negara; manakala China Railway Group (CREC) yang berpangkalan di China juga mengumumkan rancangan mereka untuk membuka pusat serantau bernilai AS\$2 bilion di Greater KL.

Satu perkara yang perlu ditekankan ialah MNC kini memilih Greater KL sebagai hab mereka bagi perkhidmatan perniagaan dan inovasi – peranan yang berada lebih tinggi dalam rantai nilai.

Dalam usaha untuk menarik MNC kedudukan tinggi dalam Fortune 500 dan Forbes 2000 untuk melabur dalam Greater KL, beberapa pendekatan telah dikenalpasti. InvestKL akan memperkuuh kerjasama sedia ada dengan sekutu kami; Kedutaan Asing, bekerja dengan agensi Kerajaan termasuklah MIDA dan MATRADE serta memanfaatkan hubungan sedia ada di antara kedutaan-kedutaan Malaysia dan komuniti perniagaan tempatan di negara-negara asal mereka.

InvestKL juga berada dalam kedudukan yang bagus dalam memanfaatkan lokasi pusat Greater KL, kredibiliti, kumpulan bakat pelbagai bahasa yang mantap, kepelbagaiannya budaya, pembangunan infrastruktur yang pesat membangun dan pelbagai pilihan hab perniagaan dalam menarik juara tersembunyi tahun ini.

Ekosistem sokongan Greater KL juga menggambarkan titik permulaan bagi transformasi bandar kepada hab bagi perkhidmatan perniagaan, inovasi, dan aktiviti diterajui teknologi.

Projek Transit Aliran Massa (MRT) mencapai satu fasa penting dengan pelancaran fasa pertamanya, Aliran Sungai Buloh-Kajang pada 16 Disember 2016, dengan 12 stesen dari Sungai Buloh hingga Semantan. Fasa kedua yang dijangka siap pada Julai 2017, bermula dari Semantan ke Kajang, sepanjang 51km dijangka memberi perkhidmatan kepada 400,000 penumpang sehari.

Dan dalam beberapa tahun akan datang, terdapat beberapa siri projek dari kedua-dua sektor kerajaan dan swasta yang secara signifikan akan mengubah landskap bandar.

Sebagai contoh, projek Keretapi Berkelajuan Tinggi (HSR). Setelah projek HSR siap, perjalanan dari Kuala Lumpur ke Singapura bertambah mudah.

Projek Bandar Malaysia juga akan memainkan peranan penting dalam pembangunan, kerana ia bersinergi dengan

projek HSR. Setelah siap, Bandar Malaysia akan menjadi salah satu terminal utama bagi HSR dan ia juga akan menempatkan station Transit Aliran Massa untuk menjadikan perjalanan di sekitar Kuala Lumpur tanpa masalah. Rangkaian pengangkutan ini akan melengkapi beribu perumahan yang akan dibina di kawasan seluas lebih dari 480 ekar.

Kini, terdapat projek Tun Razak Exchange (TRX). Masih dalam pembinaan, ia akan menjadi kunci utama yang akan mengubah Kuala Lumpur pusat kewangan yang serius. TRX dijangka akan menempatkan 250 syarikat perkhidmatan kewangan global dan mewujudkan kira-kira 40,000 pekerjaan berkemahiran dan berdasarkan pengetahuan.

Dari segi kemampuan dan persekitaran, pihak perbandaran juga mempunyai rancangan untuk mengubah Taman Tugu kepada taman ikonik bertaraf dunia. Projek bernilai RM540 juta, dengan fasa pertama dijangka siap menjelang tahun 2018, akan mengubah Taman Tugu kepada ‘Central Park’.

Dengan pelbagai inisiatif dilakukan oleh pihak kerajaan untuk transformasi ekonomi kita, kami sebenarnya berada di landasan yang betul. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, banyak MNC telah menemui peluang sedia ada dan mencerminkan keyakinan mereka dalam potensi sebenar dengan manfaatkannya dan melabur dengan signifikan dalam bandar ini.

Kesimpulannya, InvestKL berpuashati dengan hasil daptan tahun 2016 dan

bersedia untuk bergerak ke hadapan untuk mendapatkan 100 MNC ke Greater KL menjelang tahun 2020.

PERBADANAN PEMBANGUNAN INDUSTRI HALAL (HDC)

Malaysia telah membuka laluan bagi pembangunan industri halal lebih dari 40 tahun dengan melaksanakan langkah dan inisiatif selama ini untuk untuk mempercepat pertumbuhannya.

Inisiatif Malaysia dalam mempromosikan industri Halal dalam kesemua sektor termasuklah kewangan, makanan, farmaseutikal, logistik dan kosmetik untuk memberi sumbangan yang besar kepada pertumbuhan ekonomi kita. Ekosistem yang komprehensif ini menyokong pembangunan inisiatif berkaitan halal untuk mencapai cita-cita menjadikan Malaysia sebagai Hab Halal Global.

Kita kini memasuki fasa akhir Pelan Utama Industri Halal (2008-2020) untuk menjadikan Malaysia Pusat Rujukan Halal Global mengenai pengetahuan integriti Halal dan menjadi peneraju dalam memacu inovasi, penghasilan dan perdagangan dalam produk dan perkhidmatan Halal. Kejayaan yang dibina, tarikan dan pengiktirafan sebagai Pusat Kepimpinan Pemikiran Halal Global, Malaysia akan merintis jalan untuk lebih mewarnai pertumbuhan bidang baru dan lebih bernilai tinggi dalam industri halal.

Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) telah mencatatkan beberapa

kejayaan penting sejak penubuhannya pada tahun 2006 sebagai satu hab antarabangsa bagi industri Halal. Pendekatan strategik yang digunakan memfokus kepada enam bidang utama iaitu:

- Dasar dan Perundangan;
- Jejak Antarabangsa;
- Pembangunan Perusahaan Halal;
- Pembangunan Bumiputera;
- Penjenamaan dan Promosi; dan
- Pembangunan Modal Insan.

Taman Industri Halal HALMAS

Sehingga 31 Disember 2016, terdapat 15 Taman Industri Halal HALMAS (pensijilan HDC) di seluruh negara yang telah menarik pelaburan bernilai RM11.9 bilion (2015: RM10.6 bilion) dan menghasilkan 11,971 10,941 (2015: 7,749) peluang pekerjaan di Taman Halal HALMAS.

HDC terus membantu untuk menjadikan Taman Halal menjadi mercu tanda di Malaysia dengan menarik syarikat asing untuk melabur dalam 15 (2015: 14) Taman Halal ini, termasuklah syarikat dari AS, Jepun dan Taiwan. Syarikat-syarikat multinasional yang beroperasi termasuklah Kellogg's, Kewpie, Cargill, Coca-Cola, Pure Circle, Oleon, Al-Jomaih Group dan PML Dairies.

Minat untuk melabur di Taman Halal Malaysia menerima pertumbuhan berterusan pada tahun 2016. Kelulusan projek pada tahun 2016 terdiri daripada projek-projek berikut:

Operasi Taman Halal Johor (JHP) telah diberikan status HALMAS oleh HDC. Di samping itu, Hab Halal Antrabangsa Pulau Pinang

(PIHH) juga telah diberikan status HALMAS bagi projek peluasan Fasa 2. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

Taman Halal Johor

Taman Halal Johor (JHP) adalah usaha sama di antara UM Land Berhad dan Kerajaan Negeri Johor.

Daripada kesemua jumlah kawasan seluas 350 ekar, 104 ekar telah diperuntukkan untuk pengeluaran produk halal dan selebihnya diperuntukkan untuk tujuan perindustrian atau kemudianya diperbesar untuk fasa seterusnya. Pembangunan ini dijangka siap menjelang tahun 2020.

JHP akan menjadi taman halal bersepadu pertama di Malaysia dilengkapi dengan kemudahan bertaraf dunia (termasuklah saluran paip gas, berpagar dan ekosistem dilindungi oleh polis bantuan dan penyelenggaraan taman).

Industri utama yang disasarkan bagi JHP ialah berdasarkan bio dan pengilang produk halal. Pembangunan JHP akan berada dalam 3 fasa dengan kemuncaknya pembinaan pusat konvensyen dan pusat data.

Lokasi JHP yang strategik (15km ke pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas) dan menjadi satu tawaran menarik bagi pelabur berpotensi terutamanya syarikat-syarikat yang berhasrat untuk berpindah dari Singapura. Perkhidmatan dan kemudahan yang dicadangkan akan menjadi yang pertama seumpamanya untuk memaparkan operasi taman halal bersepadu sepenuhnya.

Hab Halal Antarabangsa Pulau Pinang (PIHH)

Fasa pertama PIHH telah terjual sepenuhnya, menjana pelaburan bernilai kira-kira RM500 juta. PIHH dibangunkan oleh PIHH Development Sdn. Bhd, juga dikenali sebagai Halal Pulau Pinang, anak syarikat Perbadanan Kemajuan Pulau Pinang.

Fasa kedua pembangunan kawasan seluas 100 ekar dinamakan Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang Fasa 2 @ Zon Makanan (PHIPP2). Kedua-dua PHIPP 1 dan PHIPP2 adalah di bawah entiti yang sama.

Syarikat yang diberikan insentif cukai di bawah kategori Pemain Industri Halal (pengilang) adalah seperti berikut:

Unigra Group

Unigra SRL dari Itali, merupakan salah satu peneraju dunia dalam minyak dan pemprosesan lemak sayuran, bahan mentah dan produk separa siap bagi industri makanan, pastri, bakeri dan subsektor aiskrim profesional. Unigra SRL telah mengenalpasti Malaysia untuk menjadi destinasi pelaburan luar negara pertama bagi kilang pembuatan di luar Itali dalam projek berkaitan halal. Satu daripada alasan utama memilih Malaysia ialah untuk memanfaatkan pelbagai FTA contohnya keutamaan kadar tarif dalam negara-negara sasaran.

Kumpulan ini telah memperuntukkan kira-kira RM180 juta untuk dilaburkan dengan pengkhususan perniagaan makanan yang diproses di POIC Tanjung

Langsat, Johor. Sasaran pasaran kumpulan adalah di rantau Asia-Pasifik dan teknologi yang digunakan adalah sama seperti operasi di Itali (automatik sepenuhnya). Disebabkan oleh tahap automasi yang tinggi, jumlah tenaga kerja diperlukan di antara 70 hingga 100 pekerja. Operasi di Malaysia juga melibatkan kemudahan R&D untuk meningkatkan kualiti dan penambahbaikan formula kepada produk yang dikilangkan.

PERBADANAN BIOEKONOMI

Industri berdasarkan bio di Malaysia berada dalam fasa ketiga Dasar Bioteknologi Kebangsaan (NBP) – Ke arah Global. Tahun ini juga menyaksikan penjenamaan semula Perbadanan Bioteknologi Malaysia (Biotech kepada Perbadanan Pembangunan Bioekonomi Malaysia (Bioeconomy Corporation). Dengan penjenamaan semula ini, Kerajaan melalui MOSTI menunjukkan komitmen mereka ke arah mengejar agenda bioekonomi dan untuk sektor berdasarkan bio menjadi penyumbang ekonomi utama kepada ekonomi negara.

Berhubung dengan peluasan skop dan arah, Perbadanan Bioekonomi akan menjadi agensi pembangunan ekonomi bagi domain berdasarkan bio dan untuk memantau industri dan teknologi untuk melaksanakan agenda bioekonomi bagi Malaysia.

Sehingga Disember 2016. Perbadanan Bioekonomi telah berjaya membina rangkaian sebanyak 278 syarikat berstatus

BioNexus yang menyumbang lebih daripada RM6.5 juta dalam pelaburan diluluskan dalam sektor BioPerubatan, AgBiote, dan Biolndustri. Pada tahun 2016, 17 syarikat baru telah berjaya dianugerahkan dengan status BioNexus. Jumlah pelaburan dilaporkan oleh syarikat-syarikat BioNexus pada tahun 2016 berjumlah RM308 juta, yang mana RM184 juta disumbangkan oleh sektor AgBiote, RM63 juta oleh sektor BioPerubatan dan RM61 juta disumbang oleh sektor Biolndustri.

Perbadanan Bioekonomi juga membantu, memantau dan menyelaras aktiviti untuk memacu Program Transformasi Bioekonomi (BTP), dengan penyertaan dari sektor awam dan swasta. Sehingga Disember 2016, sejumlah 61 BTP projek telah diperoleh, terdiri daripada 31 projek di bawah Biolndustri, 22 di bawah AgBiote, dan lapan projek di bawah BioPerubatan. Sebanyak 61 Projek Pencetus BTP ini secara kolektif menyumbang PNK kira-kira RM6.22 bilion menjelang tahun 2020, mewujudkan 26,550 peluang pekerjaan dan mendapat RM18.6 bilion dalam pelaburan. Dari segi pelaburan, sasaran untuk mencapai RM15 bilion telah ditetapkan untuk Fasa III NBP, selain dari merealisasikan pelaburan diluluskan yang terkumpul dalam Fasa I dan Fasa II. Beberapa projek utama di bawah kedua-dua BioNexus dan BTP setakat ini telah membawa jumlah pelaburan yang ketara.

Di bawah sektor AgBiote, pelaburan yang diluluskan sebanyak RM134 juta telah dicatatkan oleh usahasama syarikat BioNexus tempatan untuk pengkomersilan udang

putih dan udang harimau. Syarikat tersebut telah dilantik oleh Jabatan Perikanan Malaysia sebagai syarikat penaung bagi ‘Entry Point Project 6’ (EPP6) mengusahakan projek ternakan udang bersepadu di Bio-Desaru, Johor. Satu lagi projek dengan pelaburan diluluskan bernilai RM100 juta oleh konglomerat tempatan yang dianugerahkan status BTP bagi penghasilan bagi penghasilan ekstrak bio-teraputik (ATE) dari susu ‘cocos nutrifera’ untuk produk kesihatan dan kesejahteraan.

Dalam sektor Biolndustri, projek-projek berstatus BTP didominasi oleh pelaburan dalam penghasilan biogas. Usaha niaga utama terdiri daripada pelaburan bernilai RM175 juta bagi mendirikan 14 janakuasa biogas di kilang kelapa sawit FELDA terpilih; RM110 juta bagi loji janakuasa biomas kelapa sawit 10MV di Mukah, Sarawak; dan RM106 juta bagi loji janakuasa biomas sekam padi dan serpihan kayu 9.95 MV di Naka, Kedah.

Satu pelaburan RM54 juta oleh syarikat BioNexus tempatan berpangkalan di Perak juga diambilkira, bagi pengkomersilan sistem rawatan biologi bagi efluen perindustrian seperti sisa dari kilang kimia, farmaseutikal, industri pulpa dan kertas dan tapak pelupusan larut resapan. Sistem rawatan menggunakan teknologi bioreaktor berbutir-enapcemar anaerobic ultrasound dan sasaran awal pasaran ialah kilang kelapa sawit bagi rawatan efluen kilang kelapa sawit (POME).

Bagi sektor BioPerubatan, pelaburan utama diluluskan

di bawah BTP termasuklah pembinaan kilang farmaseutikal berdasarkan bio dan sintetik bersepadu di Kulim High Tech Park, Kedah; projek peluasan oleh MNC berpangkalan di Pulau Pinang bagi kilang larutan infusi steril; dan mendirikan pusat R&D dan kilang formulasi bernilai RM196 juta untuk membanggunkan ubat-ubatan generik bagi pasaran yang dikawal selia dan separuh terkawal. Satu projek BioNexus bernilai RM44.6 juta juga diluluskan di bawah sektor BioPerubatan bagi pengkomersilan bahan-bahan biologi aktif yang diperoleh dari medium kultur yang mengandungi sel stem mesenchymal terpisah cecair amnion (MSCs). Syarikat berhasrat untuk memasarkan produk sebagai pelengkap kepada terapi sel stem disediakan oleh syarikat sel stem lain.

Tahun 2016 juga menyaksikan beberapa pencapaian besar dari segi sumber dana dalam industri berdasarkan bio. Green Lagoon Technology Sdn Bhd (GLT) yang mempunyai kepakaran dalam tenaga boleh diperbaharui menjadi syarikat bioteknologi pertama di Malaysia yang berjaya mendapatkan dana melalui platform ekuiti ‘crowdfunding’ di CrowdPlus.asia. Aktiviti mengumpul dana mele过asi sasaran minimum RM400,000, mele过asi jangkaan dengan mendapat RM800,000.

Green & Smart Sdn Bhd merupakan syarikat berstatus BioNexus yang menawarkan solusi hijau dalam rawatan air kumbahan dan tenaga boleh diperbaharui. Syarikat induk kumpulan itu, Green & Smart

Holding PLC disenaraikan di AIM, Bursa Saham London pada Mei 2016 dan berjaya mendapatkan £4mil dengan modal pasaran purata sebanyak £24.9mil.

Dalam memastikan kejayaan Bioekonomi Malaysia, Perbadanan Bioekonomi berhasrat untuk bekerja seiring dengan institusi awam dan swasta. Selain dari impak ekonomi yang signifikan, inisiatif Bioekonomi Malaysia juga akan memberi manfaat kepada masyarakat dan negara dengan meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan rakyat, menggalakkan ekonomi hijau dan menyumbang kepada ekonomi jangka panjang dan kemampuan persekitaran.

TALENT CORPORATION MALAYSIA BERHAD (TalentCorp)

Meskipun persekitaran global mencabar dan pertumbuhan ekonomi yang lembab dalam negara, tahun 2016 menyaksikan permintaan untuk bakat berterusan memandangkan lebih banyak syarikat Malaysia menjadi juara serantau dan peningkatan syarikat multinasional memulakan operasi di Malaysia. Talent Corporation Malaysia (TalentCorp), ditubuhkan pada 1 Januari 2011 di bawah Jabatan Perdana Menteri, merangka dan memudahkan inisiatif untuk menangani ketersediaan tenaga kerja sejajar dengan keperluan transformasi ekonomi negara. Untuk memastikan majikan utama kami mempunyai tenaga kerja yang mampan untuk memenuhi pertumbuhan dan pelaburan mereka, TalentCorp bekerjasama erat dengan pihak

berkepentingan utama dalam sektor awam dan swasta untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan, mengoptimumkan profesional Malaysia, menarik rakyat Malaysia di luar negara dan membantu bakat asing.

Rakyat Malaysia Dalam Negara

Meningkatkan Kebolehpasaran Graduan

Memandangkan sumber terdekat bagi bakat terbaik bagi industri-industri utama Malaysia ialah graduan tempatan, keutamaan TalentCorp pada tahun 2016 ialah menangani permintaan industri utama untuk graduan yang bersedia untuk industri. Untuk menuju ke arah ini, kami bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi (MoHE) dan pemain-pemain industri utama dalam satu program di bawah Industry-Academia Collaboration (IAC). Tujuan utama IAC ialah untuk menghasilkan graduan yang bersedia untuk industri dengan kompetensi dalam kedua-dua kemahiran teknikal dan soft skill.

Pada April 2015, inisiatif IAC bagi sektor Elektrik & Elektronik telah dilancarkan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri YB Dato' Sri Mustapa Mohamed yang menjadi pemangkin ke arah kolaborasi industri-akademik yang lebih besar dalam menghasilkan graduan yang bersedia untuk industri. Inisiatif perintis di bawah IAC menyaksikan 14 majikan utama bekerjasama dengan sembilan universiti awam untuk menangani jurang kemahiran dalam tujuh teknologi kluster utama dalam E&E:

- Rekabentuk Litar Bersepadu dan Sistem Terbenam, yang kedua-duanya mencapai fasa implementasi tahun lalu;
- Fabrikasi Wafer dan Penghasilan Solar dan lanjutan, yang kini dalam fasa perancangan dan menyusun strategi;
- Komunikasi Wayarles (Frekuensi Radio) dan Opto/LED, yang akan memulakan perancangan penghujung 2017.

Pada September 2016, IAC bagi sektor Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS) telah dilancarkan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi YB Datuk Dr. Mary Yap Kain Ching ke arah meningkatkan kebolehpasaran graduan. Inisiatif kedua di bawah IAC ini melibatkan mewujudkan kesedaran; menyediakan peluang latihan dan pensijilan; melaksanakan kurikulum pengukuhan; menganjurkan pertandingan dan kem berfokuskan industri; dan peningkatan kemahiran graduan.

Pusat perkhidmatan kerja Industry Engagement Zone, atau Ind-EZone, adalah inisiatif diperkenalkan oleh TalentCorp pada November 2014 untuk meningkatkan perkhidmatan kerja di universiti awam. Direka untuk menjadi pusat

maklumat kerjaya sehenti dalam kampus universiti, Ind-E-Zone membolehkan universiti dan majikan utama bekerjasama untuk mendidik pelajar mengenai peluang latihan dan kerjaya dalam industri utama di Malaysia. Empat pusat Ind-E-Zone ditubuhkan oleh TalentCorp pada tahun 2016, menjadikan jumlah keseluruhan kepada 14 pusat di seluruh negara termasuklah Sabah dan Sarawak.

Program Latihan Berstruktur (SIP) TalentCorp menyediakan peluang kepada mahasiswa untuk merasai pengalaman latihan bernilai tinggi pada masa yang sama membolehkan syarikat yang diluluskan mendapat manfaat dari insentif pengurangan cukai bagi perbelanjaan berkaitan latihan. Lebih dari 15,000 pelajar mendapat manfaat dari peluang untuk mengembangkan pengetahuan dan kemahiran industri khusus melalui SIP pada tahun 2016. Tambahan pula, dalam pengumuman Kerajaan bagi Belanjawan 2017, insentif cukai ini akan dilanjutkan hingga tahun 2019 dan akan terpakai kepada majikan yang menyediakan latihan berkualiti kepada pelajar yang mengikuti ijazah sarjana muda, diploma dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 dan ke atas dibawah program pendidikan





dan latihan teknikal dan vokasional (TVET).

Melalui inisiatif Scholarship Talent Attraction & Retention (STAR), Kerajaan menawarkan siswazah sarjana yang dibiayai Kerajaan untuk berkhidmat bon perkhidmatan mereka dengan sektor swasta dengan syarikat pelabur utama di Malaysia. Pada tahun 2016 di bawah STAR, lebih dari 1,200 sarjana berkhidmat bon mereka dengan bekerja dengan lebih dari 800 majikan di seluruh sektor utama dari minyak & gas hingga ke perkhidmatan profesional dan perkilangan.

Program myASEANinternship ialah kerjasama di antara Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan TalentCorp yang bertujuan untuk meningkatkan keseluruhan kesedaran mengenai ASEAN di kalangan remaja di Malaysia dengan menawarkan latihan serantau kepada pelajar cemerlang dari universiti tempatan dan luar seluruh ASEAN. Pada tahun 2016 pengambilan pelajar dalam program ini mencapai 71 berbanding 40 pelatih pada tahun pertamanya. Hampir

30 syarikat utama Malaysia dan multinasional mengambil bahagian dalam program tersebut tahun lalu – lebih dari separuh jumlah majikan yang mengambil bahagian semasa myASEANinternship dilancarkan pada tahun 2015 oleh TalentCorp dan MITI.

Satu lagi kolaborasi di antara TalentCorp dan MITI dikenali sebagai program MyAPEC YouthConnect dilancarkan pada tahun 2016 untuk memupuk bakat Malaysia menjadi lebih dinamik dan kompetitif, selain meletakkan Malaysia sebagai destinasi bakat utama dengan memanfaatkan integrasi ekonomi dalam rantau Asia-Pasifik. Hampir 40 syarikat Malaysia – termasuklah TM, iflix, Axiata, RHB, dan multinasional seperti Intel, KPMG, Kimberly-Clark, dan First Solar – menyatakan komitmen mereka untuk penyertaan dalam MyAPEC YouthConnect semasa pelancaran program.

Mengoptimumkan Profesional Malaysia

Satu lagi fokus utama bagi TalentCorp pada tahun 2016 ialah meningkatkan jumlah wanita dalam tenaga kerja dan

peranan pembuat keputusan dalam sektor korporat. Pada tahun 2016, program Career Comeback kami membantu hampir 170 wanita mendapat peluang untuk kembali bekerja dengan lebih dari 100 majikan dalam pelbagai sektor utama Malaysia. Sebagai pemboleh utama kepada ekonomi Malaysia, Career Comeback telah diiktiraf dalam Belanjawan 2017 dengan peruntukan untuk berkembang seluruh negara. Tahun 2016 juga menyaksikan Korporat Malaysia mencapai Diversiti dan Penglibatan (D&I) yang lebih besar dalam tenaga kerja. Dalam analisis TalentCorp pulangan tahunan FY2015 100 syarikat senaraian awam (PLC) menunjukkan wanita memegang 28 peratus kedudukan dalam pengurusan atasan, meningkat dari 24 peratus pada tahun 2013. Kami juga mendapati tiga sektor melepas sasaran 30 peratus wanita dalam kedudukan pembuat keputusan: Produk Konsumen, Hartanah dan Perkhidmatan Kewangan.

Bakat Global

Menarik Rakyat Malaysia di Luar Negara

TalentCorp bekerjasama erat dengan rangkaian majikan utama untuk menghubungkan profesional Malaysia di luar negara dengan peluang pekerjaan di Malaysia di samping mentadbir program Returning Expert (REP) untuk menyokong usaha untuk menarik bakat-bakat ini kembali ke negara ini. Inisiatif ini didapati efektif oleh Bank Dunia dalam menarik rakyat dengan kemahiran yang Malaysia perlukan dan pada tahun 2016, TalentCorp meluluskan lebih dari 360 permohonan REP dari profesional C-suite bernilai

tinggi dan pakar teknikal. Lebih dari 4,000 profesional Malaysia telah diluluskan secara keseluruhannya di bawah REP sejak program tersebut dipindahkan kepada TalentCorp pada Januari 2011, dengan sejumlah besar profesional ini kembali ke jawatan kanan dalam kedua-dua syarikat tempatan dan multinasional.

Membantu Bakat Asing

Bakat asing dengan kemahiran profesional yang betul akan menyumbang kepada meningkatkan industri Malaysia dalam rantaian nilai, terutamanya dalam bidang berintensifkan pengetahuan. Bank Dunia telah menilai Residence Pass-Talent (RP-T), satu inisiatif oleh TalentCorp dan Jabatan Imigresen sebagai satu alat yang efektif dalam mengekalkan bakat asing terbaik dalam bidang dengan jurang kemahiran. Lebih daripada 1,200 ekspatriat telah diluluskan bagi RP-T bagi tahun 2016.

Bagi memudahkan akses yang lebih baik oleh para pelabur dan majikan yang melibatkan kemahiran warga asing, Jabatan Imigresen dan TalentCorp bersama memantau Pusat Perkhidmatan Bakat Ekspatriat Malaysia (MYXpats Centre), satu pusat sehenti yang memproses dan mengeluarkan kesemua permohonan Pas Pekerjaan (EP) dan pas berkaitan EP bagi ekspatriat bekerja di Malaysia. Pada tahun 2016, 82 peratus dari lebih daripada 30,400 permohonan EP diproses oleh MYXpats diluluskan dalam masa lima hari piagam pelanggannya.

Maju ke hadapan, TalentCorp akan terus bekerjasama erat dengan industri, Kerajaan

dan bakat itu sendiri untuk menguatkan lagi impak dan jangkauan kami seiring dengan aspirasi pendapatan tinggi Malaysia.

CREST

Penyelidikan & Pembangunan (R&D)

Program Geran R&D CREST terus menyokong kolaborasi penyelidikan industri-akademik dengan lebih fokus kepada kluster utama dan bidang domain teknologi. Terdapat sejumlah 108 projek R&D dalam portfolio geran R&D CREST bernilai RM106 juta dengan 30 projek telah siap. Projek dengan potensi untuk pengkomersilan telah dikenalpasti dan disokong, manakala sebahagian lagi memerlukan penyelidikan seterusnya, beberapa hasil terkini telah diterima pakai dalam produk dan perkhidmatan syarikat.

Sehingga kini, 58 syarikat dan 18 universiti sedang melaksanakan 108 projek tersebut. Kerjasama tersebut terus memberikan idea baru, inovasi baru dan produk baru selain dari memupuk dan melatih kumpulan bakat mampu yang relevan industri, kepakaran dan tenaga kerja dalam sektor E&E. Hasil daripada R&D projek yang telah siap dikongsi dengan komuniti industri dan akademik melalui platform Reveal & Discover, dengan tujuan untuk menggalakkan kolaborasi dan meluaskan manfaatnya kepada kumpulan yang lebih besar. CREST menaja penyelidik untuk berkongsi dan memaparkan hasil dapatan mereka dalam persidangan seperti IEMT-EMAP 2016 dan

Persidangan Teleperubatan Malaysia 2016, di samping mengadakan tiga ceramah Reveal & Discover yang berasarkan untuk berkongsi hasil dapatan penyelidikan dengan komuniti untuk menggalakkan penyertaan dalam bidang penyelidikan baru seperti pembelajaran mesin bagi penjadualan perkilangan, pembungkusan 3D terkini dan penyelesaian menjagaan kesihatan mudah alih.

Pembangunan Bakat

Pada tahun 2016, CREST meluaskan inisiatifnya dalam program graduan relevan industri dengan menjadi hos kepada lebih dari 300 mahasiswa dalam pelbagai kem disasarkan kepada kluster khusus – Kem IoT, Kem Optoelektronik-Semikonduktor dan Kem Peralatan Perubatan. Dengan lebih dari 200 pelajar sekolah menengah, kem ini dan Kem Remaja menjadi asas yang mana berjaya menanam kemahiran keusahawanan teknologi di kalangan remaja ini. Projek yang terpilih akan diberikan dana asas untuk membangunkan idea mereka kepada prototaip yang akan dipamerkan dalam Grand Finale pada awal tahun 2017. CREST terus menyediakan latihan industri dan ceramah kepada pelajar universiti melalui Siri Ceramah Industri dan bengkel teknikal di UiTM, UM, USM, UniMAP dan Universiti Monash Malaysia. Lebih dari 750 pelajar mendapat manfaat dari program-program tersebut. Kesemua ini mungkin tidak mampu dicapai tanpa komitmen dan sokongan yang tidak berbelah bagi dari rakan industri seperti Intel, Motorola, Vitrox, UST Global, dan Penchem.

Pembangunan Industri

Pembangunan Kluster

Optoelectronik/Diod

Pemancar Cahaya (LED)/ Solid-State Lighting (SSL)

Pada Januari 2016, projek 'Gallium Nitride on Gallium Nitride (GaN-on-GaN)' dibiayai oleh CREST berjaya membangunkan kristal epitaxy pertama di Malaysia dan membangunkan LED pakej pada April 2016. Dengan berbuat demikian, kita buat pertama kalinya mewujudkan keupayaan penyelidikan di Malaysia di samping rakan industri dan akademik kita. Masih di landasan yang betul dengan perjalanan lima tahun, pasukan ini melangkah ke arah tahun 2017 untuk meningkatkan hasil dapatan penyelidikan dan keupayaan bagi peranti LED generasi seterusnya.

Di sebalik Solid-State Lighting, pasukan sedang mempertimbang penyelidikan dalam peranti kuasa GaN dan komunikasi bagi gelombang seterusnya dalam teknologi semikonduktor.

Pembangunan Kluster Pembangunan Sistem Terbenam/ Internet of Things (IoT)

Kluster Internet of Things (IoT) CREST terus membina momentum dalam kesihatan, pengangkutan dan perkilangan pasaran vertikal. Sehingga kini, kluster 'Connected Healthcare' dan 'iTransport IoT' mempunyai lebih dari 230 peserta dari lebih dari 100 organisasi. Ia juga memulakan lebih dari 13 projek kerjasama industri-universiti. Fasa satu kluster iTransport demo projek perintis dijayakan bersama Intel, DIGI, Vitrox dan USM telah dimuktamadkan,

dengan peluang utama telah dikenalpasti.

Kluster 'Connected Healthcare' terus menerajui kesedaran teleperubatan dengan Persidangan Teleperubatan Ke-2 diadakan pada 16 hingga 18 Ogos 2016, di mana lebih dari 270 pemain industri bersidang untuk membincangkan amalan terbaik dan inovasi kesihatan. Dalam ucaptama perasmianya, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah mengambil inisiatif membentuk Kumpulan Pembangunan Teleperubatan – inisiatif kolaborasi Kerajaan, Industri dan Akademik untuk memajukan lagi gerakan teleperubatan di Malaysia.

Berbekalkan semangat untuk memacu inovasi, Telemedicine Innovation Challenge 2016 telah menarik lebih dari 14 pasukan terdiri daripada doktor perubatan, penyelidik, industri dan pelajar universiti. Dua pasukan dari Telemedicine Innovation Challenge 2015 MyCapsule dan InnoASH telah membentuk kumpulan baru. Pada 16 Ogos 2016, Microsoft dan CREST menandatangani MoU untuk mewujudkan Hab Inovasi Kesihatan Digital pertama di Malaysia untuk memupuk inovasi penjagaan kesihatan, mengukuhkan lagi pengilangan peranti perubatan elektronik dan ekosistem R&D dalam negara ini.

Dengan kekuatan lebih dari 40 tahun dalam pengilangan elektronik, CREST telah bekerjasama dengan MIDA dan MDEC untuk memulakan peranti perubatan diaktifkan IoT, M3dicne Technology Sdn. Bhd. dari Australia memilih

Malaysia sebagai hab operasi pengilangan dan pengedaran seluruh dunia; selaras dengan aspirasi industri E&E untuk memfokuskan pengilangan peranti perubatan elektronik bernilai tinggi. Dengan penglibatan ini, keperluan pasaran penjagaan kesihatan sebenar dan jelas telah terhasil dalam bentuk analisis data perubatan automatik dengan kecerdasan buatan, untuk mendiagnosis keadaan perubatan. Kerja sedang dijalankan untuk mewujudkan kepakaran kecerdasan buatan data perubatan di Malaysia dengan bantuan dari penyelidik terkemuka dunia untuk menyokong keperluan dan jurang yang belum dipenuhi ini.

Dari segi infrastruktur, Pusat Data Awan IoT CREST (ICDC) telah menambah beberapa lagi platform industri sejak penubuhannya pada tahun 2015 oleh anggota pengasasnya Kontron, Cisco, Intel, Dell dan IBM. Pengguna ICDC kini mempunyai akses kepada platform-platform IoT seperti Intel Atlantic Ridge, Cisco, IBM Bluemix, Apache Hadoop, MIMOS Mi-MIST, suit Microsoft IoT, lain-lain yang boleh didapati atas permintaan (Cisco IoT, Fusionex, Thingworks, SAS, Cloudera, dan banyak lagi).

Kluster Pembangunan Perkilangan Pintar

Kluster yang semakin mendapat tempat dengan industri bersedia untuk cabaran Industri 4.0 dan pelaksanaan di kilang-kilang Malaysia. IoT dalam Perkilangan, Robotik dan Automasi selain dari Sistem Pelaksanaan Perkilangan adalah sebahagian teras yang dikenal pasti dan bergerak di bawah kluster ini. Melalui bukti konsep

projek dalam bidang-bidang ini, kami memperoleh pandangan berharga dalam penerapan Industri 4.0 dalam syarikat-syarikat Malaysia. Kumpulan kluster ini bekerja dengan agensi seperti Majlis Profesor Negara, Akademi Sains Malaysia, PSDC, dan MDEC.

Acara dan Sesi Perkongsian Pengetahuan

Bagi menyokong industri bahan semikonduktor dan pembungkusan yang menjadi kekuatan syarikat Malaysia, CREST telah bersetuju untuk menjadi sekretariat bagi acara IEMT-CPMT Teknologi Perkilangan Elektronik Antarabangsa Ke-37 yang diadakan di G Hotel pada September 2016. Acara ini menarik speaker dari AS, Jerman, Republik Korea, Taiwan dan lain-lain lagi dan merupakan kejayaan yang besar dengan lebih dari 400 pembungkusan semikonduktor profesional berkumpul di Pulau Pinang selama 3 hari.


Forum Industri Akademik, dalam tahun kedua berturut,

mempunyai profesional industri dan ahli akademik berbincang topik terdiri dari Material dan Pembungkusan, Semikonduktor Jalur Lebar dan Perkilangan Pintar lebih dari dua hari. Sambungan ‘GaN on GaN’ ke dalam aplikasi akhir lain seperti peranti kuasa, diod laser, komunikasi cahaya yang dapat dilihat telah diformulasikan dari Forum Industri-Akademik Semikonduktor Forum pada April 2016 dimana program kluster ‘Wide Bandgap Semiconductor’ telah dirangka dan dicadangkan kepada MOHE untuk dana LRGS – yang kemudiannya diluluskan dengan RM6.5 juta dalam tempoh tiga tahun dengan Universiti Malaya sebagai universiti utama bekerjasama dengan USM, UniMAP, UTHM dan UKM, serta pelbagai rakan industri lain. Sesi yang sama telah dilaksanakan pada Oktober 2016, Perkilangan Pintar Elektronik membawa peserta dari 16 syarikat, lapan universiti dan empat agensi dengan inisiatif utama dalam IoT dalam Perkilangan, Automasi dan Robotik, Sistem


Pelaksanaan Perkilangan dan Sistem Rantaian Bekalan telah dirangka. Forum tersebut menarik sekitar 100 peserta dan menjana lebih 10 projek baru untuk berkolaborasi.

CREST Place – Pusat Pembangunan Permulaan

Pusat bagi permulaan kami, CREST Place terus meningkatkan jumlah usahawan yang menjurus kepada ruang untuk bergaul dengan individu dan entiti dengan pemikiran yang sama dan untuk menguji idea. Dengan berada hampir kepada kapasiti penuh, kami menjadi hos kepada lebih 15 syarikat keusahawanan dari pelbagai bidang seperti reka bentuk IC, IoT, reka bentuk dan latihan robotik, reka bentuk dan rundingan elektronik dan E-Dagang. CREST Place juga secara fizikal menjadi hos Pusat Data Awan IoT CREST (ICDC). CREST sedang berunding dengan institusi lain untuk membangunkan pusat yang sama di seluruh negara.



Epitaksi pertama pertumbuhan Malaysia dinyalakan pada Januari 2016



Pakej LED penuh pertama dari Projek Gan-on-Gan.



4

**“MASA DEPAN
PELABURAN DI MALAYSIA”**

PERKILANGAN PINTAR

Dengan peningkatan persaingan dari pasaran baru dan kewujudan teknologi baru, Malaysia berhadapan dengan cabaran yang kompleks. Dalam persekitaran yang mencabar ini, negara melihat ia sebagai satu peluang. Di dalam persekitaran seperti ini, negara-negara di seluruh dunia menyedari dan mula untuk memanfaatkan teknologi terkini. Tidak ketinggalan, Malaysia mengadaptasi dan membuat perubahan dengan mengambil peluang-peluang yang tersedia melalui Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0) terutamanya proses dan teknologi perkilangan pintar untuk meningkatkan fleksibiliti dan kecekapan pengeluaran.

Istilah perkilangan pintar sering digunakan dengan kombinasi bersama ‘Objek Rangkaian Internet Perindustrian (IIoT), ‘Pengilangan Pintar’, atau ‘Industri 4.0’. Perkilangan pintar merangkumi keupayaan untuk menghubungkan sistem dan proses pengeluaran secara radikal untuk mengubah

rantaian nilai pengeluaran dan model perniagaan. Saling hubungan, saling kebergantungan dan integrasi merupakan komponen asas perkilangan pintar. Integrasi ini menggunakan teknologi seperti rangkaian sensor wayarles, interaksi mudah alih, dan gabungan data memberikan penggunaan data yang lebih baik untuk menyampaikan maklumat dengan lebih banyak yang mana akan membawa kepada pengeluaran yang lebih besar serta pengurangan sisa lebih baik.

Penganalisis meramalkan dalam jangka masa lima tahun, lebih daripada 80 peratus syarikat-syarikat global akan mendigitalkan rantaian nilai mereka. Ramalan ini seterusnya disokong oleh BCC Research yang menunjukkan peluang pasaran sebanyak US\$392 bilion pada tahun 2020, berbanding US\$131 bilion pada tahun 2015.

Melalui penggunaan perkilangan pintar di Malaysia, negara menyaksikan peluang inovasi baru yang akan mengoptimumkan industri perkilangan dan perkhidmatan.



Penggunaan secara maksimum akan menghasilkan kualiti produk dan kecekapan tenaga yang lebih baik serta persekitaran kilang yang lebih selamat. Peningkatan dalam pengeluaran, melalui perkilangan pintar akan membenarkan syarikat-syarikat untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja.

Malaysia menyediakan peluang perniagaan dalam pelbagai sektor dan pemprosesan. Dalam sektor perkilangan, penggunaan perkilangan tambahan adalah digalakkan terutamanya bagi automotif, aeroangkasa, produk elektronik pengguna dan peralatan perubatan/pergigian. Aplikasi Mesin ke Mesin (M2M) adalah bidang baru dan peluang adalah terbuka kepada pelabur untuk menceburi projek teknologi sensor dalam negara.

Pelaburan dalam teknologi dan ekosistem Objek Rangkaian Internet (IoT) terkini, akan meluaskan nilai rantaian logistik termasuklah operasi gudang, pengangkutan muatan dan penghantaran minit terakhir di Malaysia. Keupayaan ini, diterapkan ke dalam rantaian bekalan membenarkan syarikat-syarikat untuk memantau status aset, barang dan individu dalam masa sebenar di sepanjang rantaian nilai, meningkatkan kepuasan pelanggan dan mewujudkan kelebihan berdaya saing bagi syarikat.

Peluang baru yang terbuka bagi Malaysia adalah di dalam bidang perkhidmatan perindustrian data, perkhidmatan berdasarkan storan digital, mobiliti perindustrian dan perkhidmatan keselamatan siber.



Seperti mana negara menuju ke arah status negara maju, penggunaan perkilangan pintar akan menggalakkan persaingan. Perkilangan pintar memastikan pertumbuhan yang lebih inklusif dan pembangunan mampan, untuk meningkatkan ekonomi dalam rantaian nilai selain dari penjenamaan semula imej Malaysia sebagai pusat bagi teknologi maju dan aktiviti global.

KEMUDAHAN DAN PELUANG – FTA/GERAN/INSENTIF/BAKAT

Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA)

Salah satu penyumbang penting dalam pertumbuhan dan pembangunan ekonomi Malaysia ialah perdagangan antarabangsa seiring dengan dasarnya dalam mewujudkan persekitaran perdagangan yang lebih liberal dan adil. Malaysia terus berusaha melaksanakan perjanjian perdagangan serantau dan dua hala bagi memenuhi peraturan sistem perdagangan pelbagai hala di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) yang menjadi keutamaan.

Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) secara amnya bertujuan untuk menyediakan satu medium untuk mencapai tahap liberisasi yang lebih cepat dan tinggi yang mana akan

mewujudkan akses pasaran yang berkesan di antara peserta-peserta FTA. Dengan penubuhan WTO, perdagangan FTA yang sebelum ini tertumpu kepada perdagangan barang kini turut melibatkan perdagangan perkhidmatan.

Sehingga kini, Malaysia telah melaksanakan tujuh FTA dua hala dan enam FTA serantau. Dengan berlangsungnya FTA tersebut, Malaysia kini dalam rundingan untuk tiga lagi FTA iaitu Perjanjian Perkongsian Kawasan Perdagangan Bebas Malaysia-Eropah (MEEPA),

Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dan Perjanjian Perdagangan Bebas Asean-HK (AHKFTA).

Malaysia telah mewujudkan FTA dengan Jepun, Pakistan, New Zealand, India, Chile dan Australia. Di peringkat serantau, Malaysia dan rakan ASEAN yang lain telah mengikat FTA dengan Republik Rakyat China, Jepun, Republik Korea dan India, selain dari Australia dan New Zealand. Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA) telah pun ditandatangani tetapi masih menunggu pengesahan dan berkuatkuasa.

Walau apa pun keputusan semasa pentadbiran baru Amerika Syarikat ke atas TPPA, kita akan terus bekerjasama dengan rakan-rakan di Amerika Syarikat untuk mengukuhkan

perdagangan dua hala dan hubungan ekonomi, memandangkan kepentingan Amerika Syarikat yang merupakan rakan perdagangan ketiga terbesar dan sumber utama pelaburan.

Dari segi pelaburan FTA ia selalunya seimbang. FTA mempunyai liberisasi, kemudahan dan galakan, dan komponen perlindungan. Peruntukan pelaburan dalam FTA adalah bertujuan untuk menyediakan rangka kerja yang stabil, boleh diramal dan telus untuk menarik FDI dan memaksimumkan faedah kepada negara tuan rumah. Ia juga akan meningkatkan perdagangan dua hala dan hubungan pelaburan dengan meningkatkan akses pasaran melalui liberisasi dan menyediakan persekitaran yang membolehkan yang melindungi operasi rakan FTA asing.

Objektif Malaysia dalam rundingan FTA adalah untuk mencari akses pasaran yang lebih baik dengan menumpukan langkah-langkah tarif dan bukan tariff, memudahkan dan menggalakkan perdagangan, pembangunan pelaburan, meningkatkan persaingan di kalangan pengeksport Malaysia dan membina kapasiti dalam bidang-bidang tertentu melalui kerjasama teknikal.

FTA merupakan satu cara yang efektif untuk syarikat-syarikat Malaysia untuk mendapat akses ke dalam pasaran luar. FTA mengurangkankekangan untuk mengeksport, melindungi kepentingan dan meningkatkan kedaulatan undang-undang di negara rakan FTA. Begitu juga, sebagai sebuah

ekonomi terbuka, Malaysia juga mendapat manfaat dari pelaburan langsung asing (FDI). Ia telah menyumbang secara positif kepada Malaysia melalui pemindahan modal, teknologi dan sumber pengurusan. Satu daripada kelebihan dari manfaat ini ialah penciptaan pekerjaan dan peluang pekerjaan dalam negara.

Perjanjian seperti Malaysia - EU FTA (MEUFTA) dan Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) mencipta pentas bagi FTA "generasi baru" di mana lebih banyak komitmen diberikan kepada bidang-bidang seperti pemerolehan kerajaan, hak harta intelek, piawaian buruh dan Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC). Perubahan-perubahan dalam FTA ini membawa peluang baru bagi Malaysia untuk menaikkan rantaian nilai, yang menyokong visi Malaysia untuk mencapai status negara maju dan negara berpendapatan tinggi dengan kesejahteraan awam yang lebih baik.

Perubahan-perubahan ini seterusnya menyokong penambahbaikan dasar yang dapat mendorong persekitaran perniagaan di Malaysia dan menarik gelombang baru FDI yang menggalakkan kepelbagaian ekonomi.

Insetif dan Geran

Insetif, terutamanya insetif pelaburan yang mengendalikan pelaburan fiskal dan bukan fiskal ke dalam sektor dan kawasan tertentu. Walaupun ini dapat mengelirukan pasaran, insetif pelaburan memberikan persaingan kepada negara tuan rumah untuk menarik pelaburan yang tepat dan

mewujudkan pelbagai faedah yang strategik. Sebagai sebuah negara yang memasuki revolusi perindustrian keempat, insetif pelaburan menarik FDI dan saluran pelaburan ke dalam pamacu utama revolusi perindustrian keempat.

Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), kreativiti dan inovasi adalah penting untuk menaikkan rantaian nilai ekonomi, terutamanya dalam aktiviti tambah nilai yang tinggi dan perkilangan barisan hadapan. Atas sebab ini, pelaburan dan insetif cukai Malaysia diwujudkan untuk menarik pelaburan yang lebih besar dalam sains dan teknologi, terutamanya dalam sektor yang dipromosikan.

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) sebagai agensi penggalakan pelaburan utama negara, bertanggungjawab untuk mengilhamkan insetif cukai yang strategik selain dari meluluskan piawaian insetif cukai di Malaysia. MIDA mengetuai Jawatankuasa Pelaburan Kebangsaan (NCI), yang menyediakan konsensus yang seimbang dari wakil-wakil kanan beberapa kementerian kerajaan dan agensi-agensi berkaitan. Melalui NCI, MIDA menilai dan membuat keputusan mengenai permohonan bagi insetif.

Insetif bagi tingkah laku dan penempatan boleh dianggap sebagai pencetus bagi mendorong pelabur untuk terlibat dalam industri atau aktiviti terpilih yang dikenalpasti oleh kerajaan (menggalakkan R&D, inisiatif hijau, mewujudkan hubungan dengan firma-firma tempatan)

untuk mengukuhkan pertumbuhan ekonomi negara. Insentif Kawasan Kurang Membangun sebagai contoh diperkenalkan pada 2015 untuk menggalakkan pembangunan wilayah yang lebih saksama dan inklusif di dalam negara melalui penciptaan peluang pekerjaan yang besar dan pembangunan luar bandar.

Pelabur sama ada baru atau sedia ada, tanpa mengira pemilikan ekuiti adalah layak untuk insetif-insetif ini.

Malaysia mengalu-alukan inisiatif OECD di bawah Pelan Tindakan Dasar Hakisan dan Peralihan Keuntungan kerana ia menyokong keputusan pelaburan yang mampu seharusnya berdasarkan perbandingan ekonomi negara dan kelebihan persaingan dengan dasar perniagaan yang stabil.

MIDA memainkan peranan penting di dalam menguruskan tanggapan yang salah dan terus menyerlahkan eksklusiviti Malaysia, terutamanya dengan adanya infrastruktur canggih, bakat yang kompetitif dan industri yang menyokong projek-projek berteknologi tinggi.

Malaysia melalui MIDA, kekal komited ke arah agenda Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) bagi memastikan insetif yang digunakan sebagai dasar adalah selaras dengan amalan terbaik SDG. Pembangunan lestari hanya boleh dicapai apabila insetif bagi industri-industri tertentu mensasarkan untuk kekal berdaya maju dan mengelakkan dari industri-industri yang tidak berdaya maju sehingga menjelaskan ekonomi.

SDG mencadangkan insentif perlu dinilai dari segi kos jangka masa panjang dan faedah-faedah yang diperoleh sebelum pelaksanaan. MIDA telah merangka Analisis Kos dan Faedah (CBA) yang komprehensif yang mana digunakan sebagai satu alat untuk menilai kos kualitatif dan kuantitatif serta aspek faedah-faedah setiap projek yang layak untuk diberikan insentif. Analisis ini memberikan penilaian holistik dan realistik nilai bersih sesuatu projek terhadap ekonomi.

Insentif pelaburan adalah terikat kepada petunjuk pencapaian utama yang mana pelabur perlu patuhi sebelum dipertimbangkan untuk sebarang bentuk pengecualian cukai.

'Pendekatan Ekosistem' yang diperkenalkan MIDA pada tahun 2012 adalah satu pendekatan bersepada dan holistik yang digunakan untuk menggalakkan keseluruhan rantaian nilai dalam mana-mana kelompok industri tertentu. Ia memberikan pemahaman terhadap kaitan antara kesemua komponen serta aktiviti yang menyumbang kepada sokongan penyampaian produk-produk tertentu dalam kelompok industri dan menyediakan keterlihatan dalam rantaian nilainya. Dengan maklumat ini, MIDA dapat menyasarkan penggerak pertama berkaitan dengan rantaian itu dan merangka dasar insentif secara efektif yang dapat menarik penggerak pertama ini serta pelabur yang akan mengisi ruang di dalam rantaian nilai, jika tidak mengukuhkannya lagi.

Sebagai contoh, rantaian nilai solar terdiri daripada pengeluar jongkong, wafer/sel solar, modul solar, penyepadan sistem dan industri-industri sokongan. Apabila ruang yang terdapat di dalam rantaian nilai solar dan penggerak pertama utama dikenalpasti, 'insentif 'berasaskan masa' akan dirangka dan digunakan sebagai alat untuk melengkapkan ekosistem tersebut.

Sebagai sebahagian dari Rancangan Malaysia ke-11, negara telah mengenalpasti tiga sektor pemangkin (Kimia, Elektronik Terkini and Jentera & Peralatan) dan dua sektor pertumbuhan (Aeroangkasa dan Peralatan Perubatan). Sektor-sektor ini memanfaatkan penggerak seperti infrastruktur dan industri-industri sokongan melalui pendekatan berkelompok, mengurangkan kebergantungan pelabur terhadap kenaikan insentif cukai dan membantu Kerajaan untuk memperuntukkan sumber dengan lebih efisien.

Selain dari FDI, Malaysia terus memberi tumpuan kepada pelaburan domestik dari segi bantuan fiskal dan bukan fiskal. Kerajaan melalui usaha MIDA mengumumkan Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF) pada 2012 dengan tujuan untuk mempercepat anjakan syarikat-syarikat Malaysia dalam sektor-sektor tertentu kepada industri berdasarkan nilai tambahan yang lebih tinggi, teknologi maju, inovasi dan pengetahuan.

Inisiatif ini termasuklah bantuan dalam bentuk geran yang setara bergantung kepada pelaburan projek yang mana bertujuan untuk menaiktaraf keupayaan teknologi syarikat Malaysia

untuk bersaing di peringkat antarabangsa setidaknya setanding dengan pemain-pemain global; menggalakkan kehadiran syarikat tempatan dalam rantaian nilai yang lebih tinggi dan membolehkan syarikat-syarikat Malaysia yang berkebolehan untuk turut serta secara aktif dalam ekosistem global.

Walaupun dikhatususkan untuk syarikat-syarikat Malaysia, pencarian disasarkan kepada sektor strategik keutamaan seperti aeroangkasa, peralatan perubatan, farmaseutikal, elektronik maju, jentera dan perkakasan, tenaga boleh diperbaharui, dan perkhidmatan terpilih.

Sejak penubuhannya, DISF telah meningkatkan eksport sekurang-kurangnya 43 syarikat yang telah berjaya melebarkan sayap mereka ke 24 negara melangkaui enam benua. Syarikat Malaysia yang diberikan geran menembusi 71 pasaran baru dari 33 negara, yang mana 45 pasaran baru adalah di Asia. Lebih dari 32 pemain elektrikal dan elektronik (E&E) domestik berjaya menyalurkan kepakaran mereka dan berkhidmat dengan kira-kira 60 syarikat multinasional (MNC) melalui bantuan yang disediakan oleh geran. Dari segi inovasi, geran tersebut telah membolehkan lebih dari 20 syarikat mengkomersilkan penemuan R&D mereka dan pendaftaran Hak Intelek (IP) merekodkan peningkatan yang ketara / perkembangan baru dalam produk dan pemprosesan.

Malaysia, melalui insentif pelaburan luar negara dan domestik terus mengajak

syarikat Malaysia ke dalam sektor yang disasarkan kepada industri berasaskan nilai tambahan yang lebih tinggi, teknologi maju, inovasi dan pengetahuan.

INDUSTRI AUTOMASI / TRANSFORMASI INTENSIF BURUH

Malaysia bergerak menuju ke arah mencapai wawasannya menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020, bagaimanapun negara telah menetapkan sasaran pada matlamat yang lebih tinggi. Ia juga memberi tumpuan kepada menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dengan aras kesejahteraan rakyat yang lebih baik. Pergantungan negara terhadap pekerja asing berkemahiran rendah dalam industri tertentu dalam sektor perkilangan telah terbukti menjadi salah satu faktor yang menghalang industri-industri ini dari terus berkembang dalam rantai nilai.

Dalam usaha untuk membantu pertumbuhan dalam industri intensif buruh, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan satu insentif baru untuk menggalakkan pengilang untuk menggunakan automasi dalam industri masing-masing. Elaun Modal Automasi (ACA) telah diperkenalkan melalui Belanjawan 2015. Melalui insentif ini, elaun tambahan akan diberikan kepada pengilang melalui pelaburan dalam automasi. Ini merupakan langkah strategik oleh kerajaan dan ia dijangka menjadi pemacu utama dalam menggalakkan automasi dalam sektor perkilangan. Inisiatif ini seiring dengan

Rancangan Malaysia ke-11 yang bertujuan untuk menggalakkan automasi untuk mengurangkan pergantungan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah dalam industri intensif buruh.

Inisiatif strategik ini bertujuan untuk menggalakkan inovasi, penggunaan pantas automasi dalam industri intensif buruh dan menerajui inisiatif automasi yang baru. Mana-mana organisasi perkilangan yang beroperasi di Malaysia sekurang-kurangnya selama 36 bulan layak untuk insentif ini. Kategori 1 ACA ditawarkan untuk industri intensif buruh yang tinggi (produk getah, plastik, kayu, perabot dan tekstil), yang mana diperuntukkan elaun modal automasi sebanyak 200 peratus ke atas perbelanjaan RM4 juta pertama yang dibelanjakan dalam tempoh tiga tahun taksiran dari tahun 2015 hingga tahun 2017. Kategori 2 ACA ialah pilihan yang disediakan untuk industri-industri lain. Di bawah kategori 2, pengilang akan diberikan elaun modal automasi sebanyak 200 peratus untuk perbelanjaan RM2 juta pertama yang dibelanjakan dalam lima tahun taksiran dari tahun 2015 hingga tahun 2020. Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM), syarikat milik penuh Kerajaan Malaysia akan menjadi badan pentadbir yang akan memastikan hasil yang dijangka dapat disampaikan, manakala MIDA akan kekal sebagai badan yang meluluskan permohonan ACA.

Sehingga Disember 2016, MIDA telah menerima 50 permohonan untuk ACA, 35 telah diluluskan. Dari 35 yang diluluskan, 23 permohonan diluluskan di

bawah Kategori 1 manakala selebihnya dibawah Kategori 2. Melalui inisiatif automasi yang dilaksanakan oleh 25 pengilang, secara kolektif mereka dapat mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing sebanyak 20 peratus, manakala purata jumlah penghasilan meningkat sebanyak 200 - 300 peratus.

ACA merupakan satu inisiatif pragmatik yang diilhamkan berdasarkan pergantungan terhadap buruh asing tidak berkemahiran di negara ini. Insentif ini bertujuan untuk menggalakkan syarikat-syarikat perkilangan untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti inovatif dan produktif dan dengan segera menggunakan automasi terutamanya dalam industri intensif buruh. Insentif oleh kerajaan ini, melalui Belanjawan 2015 membolehkan Malaysia bersaing dengan hab perkilangan yang lain di rantau ini dan antarabangsa, yang mana telah melaksanakan inisiatif yang sama seperti Republik Rakyat China, Republik Korea dan Amerika Syarikat. Republik China, yang ketinggalan di belakang Republik Korea dan Amerika Syarikat mensasarkan untuk mencapai 100 robot per 10,000 pekerja pada tahun 2020 berbanding dengan jumlah sekarang 30 robot per 10,000 pekerja.

Melalui inisiatif ini, Malaysia sebagai satu hab perkilangan utama di rantau ini, sedang membina asas bagi perkilangan pintar, yang dipacu oleh revolusi perindustrian keempat. Organisasi yang mendapat manfaat dari Elaun Modal Automasi, telah memulakan langkah dalam perkilangan pintar.

-GROWTH-



5

“TINJAUAN
PELABURAN”

EKONOMI MALAYSIA BERDAYA TAHAN

Ekonomi Malaysia diramalkan kekal berdaya tahan meskipun terdapat cabaran luar dengan pertumbuhan KDNK yang semakin pulih disasarkan lebih kurang 4.3 peratus pada 2017 selepas pertumbuhan sebanyak 4.2 peratus pada 2016.

Unjuran terkini oleh Bank Dunia menyatakan tinjauan ini mencerminkan penurunan secara beransur-ansur dalam pertumbuhan perbelanjaan pengguna dan pelaburan semasa pertumbuhan ekonomi global dan harga komoditi adalah lemah manakala isi rumah menyesuaikan diri dengan menyederhanakan prospek pekerjaan dan penyatuan fiskal.

Risiko ekonomi Malaysia sebahagian besar berpunca daripada sektor luar. Ia termasuk ketidaktentuan daripada pengimbangan semula ekonomi China, kemerosotan berlanjut bagi harga minyak

mentah global dan komoditi lain yang Malaysia eksport, dan pengembangan dasar ekonomi Amerika Syarikat dan impaknya terhadap perdagangan antarabangsa, serta aliran kewangan dan kadar pertukaran. Ketidaktentuan dalam pasaran kewangan global juga boleh mempengaruhi pelabur dan sentimen perniagaan.

Aliran Pelaburan Global

Dalam jangka masa sederhana, aliran FDI global dijangka akan meneruskan pertumbuhan pada 2017 dan akan mengatasi \$1.8 trillion pada 2018, tetapi akan kekal berada di bawah puncak pra-krisis.

UNCTAD meramalkan aliran FDI global dijangka menurun sebanyak 13 peratus pada 2016, menunjukkan kerapuhan ekonomi global dan kelemahan berterusan permintaan agregat, pertumbuhan perlahan di beberapa negara pengeksport komoditi, langkah-langkah dasar efektif untuk membendung tawaran penyongsangan

cukai dan kemerosotan dalam keuntungan syarikat multinasional (MNC) pada 2015.

Permulaan yang tidak baik dalam komoditi global dan pasaran kewangan pada 2016 ditambah dalam penurunan berterusan bagi harga minyak dan meningkatkan risiko ekonomi di pelbagai kawasan serata dunia, mengikut Laporan Pelaburan Dunia 2016 UNCTAD.

Momentum pertumbuhan menurun dengan ketara di beberapa ekonomi termaju sejak penghujung tahun 2015. Dalam ekonomi maju, permintaan agregat yang perlahan, harga komoditi yang rendah, peningkatan fiskal dan ketidakseimbangan akaun semasa dan memperketatkan dasar semakin melemahkan prospek pertumbuhan bagi pelbagai ekonomi pengeksport komoditi. Risiko geopolitik yang meningkat, ketegangan serantau dan khabar yang mengikut keadaan juga dijangka akan lebih menggalakkan kemerosotan.

Faktor-faktor yang mempengaruhi aktiviti FDI pada 2016 dan bahagian yang baik pada 2017 termasuk keadaan ekonomi Amerika Syarikat; ketidaktentuan pada perjanjian seperti TPP, RCEP dan TTIP; perubahan teknologi yang berterusan; ekonomi digital; pembandaran global; dan pendasaran ke luar negara. Ini berkemungkinan besar akan memberi impak pada FDI mulai sekarang hingga 2018. MNE fokus kepada trend jangka panjang seperti peningkatan pembandaran di negara-negara membangun dan maju (cth. pasaran pengguna berpotensi), ekonomi digital dan golongan berpotensi. Ketidaktentuan



geopolitik, kebimbangan hutang, keganasan dan ancaman siber hampir dianggap secara universal mempunyai unsur negatif dan kemungkinan akan melemahkan aktiviti FDI.

UNCTAD telah mengenal pasti China sebagai salah satu pelabur berpotensi meskipun ekonominya yang semakin lemah dan permintaan minyak dan galian yang berkurang dan juga salah satu dari tiga negara tuan rumah berpotensi MNE selain India dan Amerika Syarikat.

Keterbukaan negara Malaysia terhadap FDI dan kawasan sasaran utama di sebalik peningkatan perlindungan sentimen daripada beberapa negara. Malaysia kekal menjadi positif dan terbuka untuk perniagaan dari luar negara. Pelaburan luar negara memainkan peranan utama dalam pembangunan ekonomi Malaysia dan akan terus menerima pelaburan berkualiti tinggi, terutamanya dalam subsektor pemangkin, seperti kimia, elektrik dan elektronik, serta jentera dan peralatan, begitu juga bidang pertumbuhan berpotensi tinggi yang lain termasuk aeroangkasa, peralatan perubatan dan ekonomi digital.

Sebagai beneficiari utama FDI dengan memberikan peluang pekerjaan, menyumbang kepada eksport negara, membolehkan SME tempatan akses kepada pemindahan teknologi bernilai dan pertukaran pengetahuan yang amat penting dalam membangunkan keupayaan mereka dan menjadi sebahagian daripada rantai bekalan global, Malaysia

akan terus menggalakkan FDI berkualiti tinggi.

Kerajaan juga mengenal pasti ekonomi digital sebagai bidang utama bagi pertumbuhan ekonomi masa depan. Dalam bidang ini sahaja, Malaysia merekodkan kenaikan dalam pelaburan baharu kepada US\$1.5 bilion pada 2016 daripada US\$1.05 bilion pada 2015. Bidang yang disasarkan untuk pertumbuhan masa depan sejauh mana ekonomi digital mengambil berat akan berada di teknologi kewangan, pertumbuhan permulaan perniagaan dan perkembangan perdagangan yang merentasi sempadan pertama di dunia bagi SME, iaitu, Zon Perdagangan Bebas Digital sepertimana diumumkan di bawah Bajet 2017.

Industri maklumat dan komunikasi dikenal pasti sebagai salah satu industri berpotensi dalam tiga kawasan -- negara-negara maju, membangunkan Asia begitu juga Amerika Latin dan Caribbean. IPA bagi negara maju telah mengenal pasti perkhidmatan profesional serta komputer dan elektronik sebagai industri yang paling menjanjikan untuk menarik FDI. Bagi kawasan sedang membangun dan kawasan peralihan, industri paling lazim dipilih oleh IPA untuk menarik FDI adalah pertanian, makanan dan minuman, serta utiliti.

Untuk mendorong pertumbuhan, Malaysia juga telah melabur dengan banyak dalam infrastruktur seperti yang dibuktikan melalui projek utama kebelakangan ini seperti projek Mass Rapid Transit dan Lebuhraya Pan Borneo dan akan terus

melabur dalam infrastruktur utama seperti projek High Speed Rail (HSR) antara Kuala Lumpur dan Singapura, yang akan menambah baik lagi persekitaran perniagaan. Ia juga akan menambah baik keterhubungan dalam dan luar sempadan negara Malaysia, lalu meningkatkan daya saing negara di rantau ini.

Produktiviti dan Daya Saing

Mengikut Malaysia Economic Monitor terkini, peningkatan produktiviti akan menjadi penggerak utama ekonomi dan pertumbuhan pendapatan di Malaysia pada masa depan kerana pemacu pertumbuhan tradisional dijangka akan menjadi lebih sederhana, dengan pengumpulan modal sedang menghadapi halangan dan pertumbuhan tenaga buruh yang semakin menurun secara beransur-ansur ketika populasi Malaysia semakin meningkat usia. Dengan produktiviti faktor menyeluruh yang meningkat, ia menjangkakan bahawa peningkatan penyertaan tenaga buruh wanita dan kenaikan modal insan melalui peningkatan kemahiran akan menjadi pemacu utama kepada pertumbuhan masa depan terhadap ekonomi berpendapatan tinggi.

Kerajaan telah mengakui bahawa keazaman yang tinggi diperlukan untuk melonjakkan produktiviti bagi persekitaran domestik untuk memacu pertumbuhan ekonomi, menguatkan kedudukan fiskal sementara memastikan dana awam mencukupi untuk menyokong pertumbuhan yang berterusan.

Sebagai salah satu daripada 17 ekonomi yang melaksanakan

pembaharuan dalam Asia Timur dan Pasifik untuk menambah baik iklim perniagaan bagi pengusaha tempatan, Malaysia juga merupakan antara ekonomi berprestasi tinggi di rantau ini dari segi kecekapan dan kualiti peraturan perniagaan yang dinilai oleh laporan "The Doing Business". Ini merupakan keputusan daripada usaha pembaharuan yang berterusan oleh kerajaan sepanjang dekad yang lalu.

Walaupun Malaysia telah berjaya dalam melindungi pelabur kecil, ia juga komited untuk menambah baik kesemua bidang bagi persekitaran perniagaan. Kemas kini undang-undang baru-baru ini seperti Akta Syarikat terbaru dijangka akan mula berkuatkuasa pada suku pertama 2017 dan kerja perundungan yang berterusan bagi Akta Transaksi Bercagar terbaru adalah antara contoh inisiatif yang bersungguh-sungguh ini.

Brexit dan pilihan raya presiden Amerika Syarikat serta referendum United Kingdom pada pertengahan 2016 untuk meninggalkan Kesatuan Eropah atau lebih dikenali sebagai Brexit memberi kejutan di seluruh dunia tetapi Malaysia telah mengambil pandangan

